

"DALAM menyelesaikan terhadap apa jua masalah, kita tidaklah perlu terlalu riuh-rendah, tetapi apa yang penting, masalah itu dapat diuraikan dengan sebaik-baiknya tanpa membazirkan masa dan perbelanjaan yang terlalu banyak." - Titah sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-54 pada 15 Julai 2000.



"RASA takut atau segan terhadap manusia janganlah sampai menghalangi kamu dari menyatakan apa yang sebenarnya jika memang benar kamu melihatnya, menyaksikan atau mendengarnya." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

دولة كباوه دولي توان قاتيك

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Kebawah DYMM berkenan kurnia, menerima watikah perlantikan

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan mengurniakan watikah dan menerima surat perlantikan empat orang duta besar di istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Baginda mula-mula berkenan mengurniakan watikah kepada bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji Harris, diikuti bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Dayang Hajah Maimunah binti Dato Paduka Haji Elias.

Kemudian baginda berkenan pula menerima surat perlantikan bakal Duta Besar Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama U Thet Win, diikuti bakal Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Drs. Yusbar Djamil.

Sebaik sempurna istiadat itu, baginda berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Yahya dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Maimunah.

Setelah itu, baginda berkenan pula menerima mengadap secara berasingan, Tuan Yang Terutama U Thet Win dan Tuan Yang Terutama Drs. Yusbar Djamil.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji Harris (kiri) dan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Terutama Dayang Hajah Maimunah binti Dato Paduka Haji Elias (kanan). - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Masyarakat perlu peka masalah kanak-kanak

GADONG, 6 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam bersabda di dalam penjagaan kanak-kanak ibu bapa, penjaga, pengasuh, tenaga pengajar dan masyarakat umum perlu peka dan mempunyai kefahaman yang menyeluruh mengenai permasalahan yang di-

Oleh
Abdullah Asgar

hadapi oleh kanak-kanak dalam proses pertumbuhan mereka.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, permasalahan tersebut sama ada yang

berbentuk nyata pada mata kasar kita seperti kecacatan anggota badan, terencat akal, mahupun yang berbentuk tingkah laku yang disebabkan ketidakupayaan untuk mengintegrasikan maklumat deria dan pancaindera mereka dengan suasana keliling dalam membentuk pergaulan dan cara berkomunikasi seharian mereka.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian semasa melancarkan Bengkel Integrasi Pancaindera Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) di sebuah hotel di sini.

Dengan adanya bengkel tersebut, tambah Duli Yang Teramat Mulia, akan

dapat memberikan kefahaman dan pengetahuan mendalam yang dapat dipraktikkan dalam menghadapi atau menangani masalah yang berhubung

kait mengenai 'sensory integration' di kalangan kanak-kanak autisme di negara ini.

Lihat muka 4

Keluaran Khas sempena Hari Keputeraan

PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan Keluaran Khas sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56. Keluaran Khas tersebut mengandungi 16 muka surat yang antara lain memuatkan rencana mengenai aktiviti-aktiviti Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

TAHUKAH AWDA

DALAM penghasilan ikan akuarium, Jabatan Perikanan telah menemui ikan Pelaga Brunei (*Brunei Beauty* atau *Betta Macrostoma*), satu spesies *indigenous aquarium fish*. Usaha kini tertumpu kepada kajian dan kemajuan teknik pembiakan dan penghasilannya di peringkat komersil. - Sumber : Perjalanan ... Negara Brunei Darussalam Memasuki Alaf Baru (2000 : 24 & 66 - 67).

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Kaunseling penting bagi semua peringkat masyarakat

- Muka 2

Melirik Masa Silam

Selambau Menarik Perhatian

- Muka 3

Datanglah beramai-ramai ke masjid-masjid

- Muka 5

Poster sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-56

- Muka 8 dan 9

Kegiatan seni perlu seimbang dengan akademik

- Muka 11

Camah mata jejaskan keselamatan negara

- Muka 3 ANEKA

MABIMS Iuluskan Garis Panduan Berijtihad dan Prosedur Fatwa

- Muka 16 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita.1.htm>
e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804 / 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ بِعَمَّا
قُمُورُهُ دَانَ مَهَا فَيَايَغْ

Dari Sidang Pengarang

10 JULAI 2002 BERSAMAAN 1423 ربيع الآخر 29

NEGARA TERUS MAKMUR, SEJAHTERA

ALHAMDULILLAH, kita sekali lagi akan dapat bersama-sama merayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56. Perayaan yang gilang-gemilang serta penuh Adat Istiadat Diraja Brunei itu akan dirayakan bermula pada hari Isnin, 15 Julai 2002. Sesungguhnya sambutan yang merupakan kemuncak perayaan sepanjang tahun bagi Negara Brunei Darussalam itu adalah perayaan yang bersejarah bagi kita.

Persiapan-persiapan bagi menyambut perayaan ini kini sedang rancak dijalankan di seluruh negara. Semua pihak baik sektor kerajaan dan swasta sama-sama berganding bahu bagi memeriahkan lagi sambutan kenegaraan ini. Kemuncak perayaan di daerah-daerah ialah Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat yang akan diadakan di seluruh pelusuk tanah air iaitu di Daerah Temburong pada 18 Julai, Belait 20 Julai, Brunei-Muara 21 Julai dan Tutong 23 Julai.

Kini sudah hampir 35 tahun baginda menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Dalam jangka masa pemerintahan baginda itu, negara telah mengalami pembangunan dan kemajuan yang pesat. Baginda telah memerintah negara dengan adil dan bijaksana di mana pelbagai kemajuan cemerlang telah dicapai dalam semua bidang baik di bidang politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, agama mahupun pembangunan sosial. Tegasnya baginda telah berjaya membawa bumi darussalam ini ke arena kemajuan dalam semua bidang yang membolehkan rakyat dan penduduknya hidup dalam aman damai, sejahtera lagi makmur sebagai mana yang kita nikmati sekarang.

Melalui pimpinan dari singgahsana yang berlandaskan Melayu Islam Beraja (MIB) telah menonjolkan lagi karisma dan kewibawaan baginda selaku raja dan ketua negara. Baginda bukan sahaja seorang pemimpin yang cekap, jujur, amanah dan ikhlas, malahan juga berani dan tegas dalam membuat sebarang keputusan serta mempunyai visi dan berpedoman jauh terhadap masa depan rakyat dan negara. Dengan ketokohan dan kepimpinan yang bijaksana itu, baginda telah berjaya menempatkan Negara Brunei Darussalam setanding dengan negara-negara luar. Karisma baginda memimpin negara dan rakyat mendapat sanjungan dan pujian daripada pemimpin-pemimpin dunia. Dunia mengiktiraf kepimpinan dan ketokohan baginda.

Sepanjang memerintah negara ini, Baginda Yang Di-Pertuan meletakkan dan mengutamakan kepentingan negara dan rakyat dari segala-galanya dalam pentadbiran kerajaan baginda. Baginda lebih menumpukan usaha bagi kesejahteraan dan keharmonian rakyat dan penduduk negara ini. Sikap pemuliaan dan prihatin baginda kepada rakyat baginda amatlah jelas. Baginda sentiasa bekerja keras dan berusaha dengan gigih serta bekerja untuk rakyat pada setiap masa. Hasrat murni baginda itu dapat dilihat di mana dalam apa jua Rancangan Kemajuan Negara, kerajaan baginda lebih menitikberatkan soal-soal kesejahteraan rakyat iaitu bidang pendidikan, kesihatan dan perumahan. Semua kemajuan cemerlang dan pembangunan pesat yang kita nikmati selama ini adalah berkat pemerintahan beraja yang diwarisi sejak zaman-berzaman yang telah berjaya menciptakan kebahagiaan dan keunggulan untuk negara.

Baginda merupakan seorang raja yang berjaya rakyat. Baginda sering berdamai rapat dengan rakyat jelata pada setiap masa. Sikap baginda yang ramah-tamah terpancar semasa keberangkatan baginda ke mukim-mukim dan kampung-kampung dan juga Majlis 'Bersama Rakyat' yang sering diadakan semasa perayaan hari keputeraan baginda di seluruh negara. Baginda berinteraksi dan bersemuka dengan semua lapisan rakyat dalam suasana yang mesra dan harmoni. Sesungguhnya institusi raja dan rakyat yang telah wujud lama telah berjaya membawa bumi Brunei terus bertambah maju dan makmur. Hubungan raja dan rakyat juga adalah merupakan unsur penting di dalam kehidupan dan kesinambungan bernegara yang tidak dapat dipisahkan. Kerana itu baginda adalah lambang ketuanan Melayu yang sentiasa gigih memperjuangkan dan meningkatkan serta mengembangkan kemelayuan dan keislaman.

Maka bersempena hari keputeraan baginda tahun ini, kita sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah payung baginda, hendaklah sentiasa mendukung dan memberikan kerjasama yang padu kepada hasrat dan cita-cita murni baginda dalam memacu dan membangunkan negara ke arah yang lebih cemerlang dan maju khususnya dalam memulihkan pertumbuhan ekonomi negara. Maka dalam hubungan ini sudah tiba masanya bagi kita membaharu dan memulatkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja kita yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam kita sama-sama memusatkan pembangunan negara di era globalisasi ini. Raja berdaulat, rakyat sepakat, negara berkat.

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
DAN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

HALUAN...

Kaunseling penting bagi semua peringkat masyarakat

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana atas limpah kurnia dan hidayah-Nya juga kita dapat sama-sama hadir di majlis petang ini. Saya sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Dipertua dan Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Kaunseling Brunei (PERKAB) atas penghormatan dan kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk menjadi penaung kepada persatuan ini.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada ahli-ahli persatuan atas kejayaan menubuhkan persatuan kaunseling yang pertama di Negara Brunei Darussalam ini. Semangat perpaduan dan kegigihan ahli-ahli untuk mencurahkan khidmat bakti secara ikhlas demi untuk memperbaiki kualiti kehidupan anggota masyarakat di semua peringkat adalah suatu usaha yang murni dan sangat-sangat dihargai. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan ganjaran-Nya.

Kita semua menyadari bahawa sebagai ahli komuniti global kita tidak dapat mengelakkan diri dari menempuh pelbagai perubahan yang dibawa oleh kederasan arus perkembangan dan kemajuan dunia dalam pelbagai bidang pada masa ini. Perubahan-perubahan ini membawa kesan yang besar dan menuntut kita untuk membuat perubahan dan penyesuaian dalam cara berfikir, bekerja, bertindak, berkomunikasi, berinteraksi, membuat keputusan dan sebagainya. Sebahagian besar masyarakat dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan perubahan ini sementara sebahagian kecilnya tidak dapat berbuat demikian. Tidak dinafikan bahawa perubahan-perubahan yang pesat ini juga telah menghasilkan pelbagai kejayaan dan kemudahan. Di sebaliknya juga membawa kesan-kesan yang tidak diinginkan.

Dalam konteks inilah PERKAB melalui aktiviti-aktivitinya dapat membantu pihak kerajaan dalam memastikan kesihatan mental masyarakat umum insya-Allah akan terus terjamin.

Menyadari akan bertambahnya masalah pembelajaran dan sosial yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dan bagi tujuan mengatasi dan mencegah masalah ini dari merebak, Kementerian Pendidikan telah pun berusaha sejak beberapa tahun kebelakangan menyediakan guru-guru kaunseling di sekolah-sekolah menengah dan rendah. Guru-guru kaunseling adalah guru yang bertanggungjawab membantu pengetahuan atau guru besar dalam membantu pelajar-pelajar yang mempunyai masalah termasuk masalah mereka dengan pelajaran.

Saya merasa gembira mengetahui bahawa kesedaran terhadap pentingnya kaunseling bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada orang dewasa telah meningkat. Penubuhan Persatuan Kaunseling Negara Brunei Darussalam adalah merupakan satu wadah yang akan dapat mengumpul semua kaunselor dan mereka yang berminat dalam bidang ini untuk menyusun dan melaksanakan rancangan secara kolektif bagi membantu masyarakat kita.

Saya memahami bahawa tugas seorang kaunselor bukanlah suatu tanggungjawab yang mudah. Ilmu pengetahuan dan pengalaman sahaja tidak akan mencukupi jika tidak mempunyai pembawaan yang baik dan komitmen yang tinggi terhadap tugas ini. Akan tetapi selaku seorang Islam, kaedah atau cara menyampaikan kaunseling itu seharusnya pula dipadankan dengan ajaran-ajaran agama Islam. Dalam erti kata yang lain, asas-asas kaunseling itu hendaklah dijalankan bersandarkan ajaran-ajaran Islam.

Dalam keadaan dan gaya hidup masa kini adalah wajar dan sesuai supaya PERKAB dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang lain berganding bahu untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat di negara ini. Secara khususnya, PERKAB melalui perkhidmatan kaunseling



UCAPAN Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng semasa Majlis Mesyuarat Agung Ke-2 Persatuan Kaunseling Brunei (PERKAB) di Institut Perkhidmatan Awam pada 16 Rabiulawal 1423 Hijrah/ 29 Mei 2002 Masihi.

dan aktiviti-aktivitinya boleh membantu pihak kerajaan dan masyarakat umum untuk mencegah, memulih dan membendung gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan.

Saya penuh berharap, ahli-ahli PERKAB akan terus memainkan peranan yang lebih aktif lagi dalam menjalankan projek-projek yang boleh membawa manfaat kepada masyarakat umum. Dalam hubungan ini, saya menyeru kepada jabatan-jabatan kerajaan dan sektor-sektor swasta supaya memberi perhatian yang serius kepada peranan dan keperluan kaunseling pekerja-pekerjanya. Ini adalah kerana kesihatan mental adalah prasyarat kepada kualiti kerja dan produktiviti yang bermutu.

Kita menyadari, PERKAB sebagai satu badan sukarela memerlukan bantuan sokongan dan bantuan khususnya dalam menjayakan program-program yang dikendalikan. Justeru itu, saya berharap, jabatan-jabatan kerajaan, sektor-sektor swasta dan orang-orang awam akan dapat memberikan bantuan, galakan dan kerjasama yang sepenuhnya kerana kemajuan badan akan memberi manfaat kepada semua pihak.

disediakan oleh PERKAB. Terutama lagi dalam gaya hidup masa kini yang penuh dengan pelbagai bentuk cabaran dan desakan, usaha-usaha kita untuk menambah ilmu dalam bidang ini adalah berguna bagi memperbaiki kualiti kehidupan.

Dalam kesempatan ini saya juga ingin menyarankan agar PERKAB akan mempertingkatkan lagi 'networking'nya dengan mana-mana badan profesional sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan cara bekerjasama dengan badan-badan NGO lain di dalam negeri, PERKAB bukan sahaja akan dapat memberi bantuan yang bermakna malahan juga menerima bantuan yang diperlukan. Melalui 'networking' di peringkat antarabangsa khususnya dengan persatuan-persatuan kaunseling di negara-negara lain di rantau Asia, PERKAB juga akan dapat bertukar pengalaman dan buah fikiran mengenai 'best practices' yang digunakan oleh negara-negara lain. Dengan adanya 'networking' yang lebih meluas skopnya ini, saya percaya mutu dan taraf profesionalisme kaunselor-kaunselor di negara ini akan dapat dipertingkatkan lagi.

Bagi mengakhiri ucapan saya pada petang ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kaunseling (PERKAB) dan semoga persatuan akan terus berjaya dalam merealisasikan misinya yang berkeadilan tersebut.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

RALAT

BERITA di bawah tajuk 'Brunei hargai peranan ABU kembang industri penyiaran' keluaran 3 Julai 2002 di muka surat 16 hendaklah dibaca seperti berikut:

"Penyiaran memainkan peranan yang sangat signifikan dalam kehidupan orang ramai, yang menjadi peranan utama bagi berita dan maklumat kepada kebanyakan masyarakat. Hari ini, terdapat lebih banyak set televisyen dan radio berbanding jumlah gabungan talian telefon, telefon bimbit dan komputer peribadi." - PENYUNTING.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

SELAMBAU MENARIK PERHATIAN

TEMAN-TEMAN yang sempat membaca mengenai 'selambau' yang terbit di ruangan ini minggu lalu menginginkan agar budaya menangkap ikan secara tradisi yang dilakukan oleh orang-orang Brunei di masa silam itu harus direkodkan secara lengkap yang bukan sekadar menjadi tatapan atau tontonan generasi Brunei hari ini dan seterusnya, bahkan lebih penting dari itu ialah untuk dijadikan rujukan yang berguna dalam bidang pengajian yang berkaitan dengannya.

Sekarang ini, bidang penangkapan ikan sudah banyak berubah. Lokasi penangkapan ikan juga sudah semakin luas. Alat-alat penangkapan ikan semakin moden dan semakin canggih. Orang yang menangkap ikan itu sendiri sudah dianggotai oleh berbagai-bagai orang. Ia tidak lagi terhad kepada 'nelayan asli' menurut persepsi orang dahulu itu. Persepsi lama itu berlaku demikian kerana suasana keliling yang ada pada waktu itu. Ertinya, pintu Brunei masih tertutup rapat dalam segala hal. Budaya juga tidak dibenarkan melimpasi dari apa yang biasanya dilakukan oleh orang-orang dahulu itu. Jika ada yang cuba-cuba mengubah bererti akan berlaku perang mulut kalau pun tidak 'bersentak pamarang' atau 'menyising lengan'. Itulah barangkali yang berlaku sebelum sikap keterbukaan itu melatarbelakangi kehidupan.

Keinginan yang demikian itu memang dialu-alukan. Ia bukan sahaja kerana sangkut pautnya dengan 'orang Brunei' dengan kemahiran mereka yang dikagumi, bahkan ia mungkin ber-

harga dalam mendapatkan gambaran dari segi yang lain umpamanya teknologi, hal-ehwal laut atau maritim, ilmu bintang, cuaca dan lain-lain lagi. Sebab, teknologi menangkap ikan yang ada pada waktu itu adalah berdasarkan kepada bahan-bahan asli termasuk bahan-bahan yang dijadikan tali dan demikian juga dengan bahan-bahan untuk meneguh jaring atau jala yang mereka gunakan agar tidak mudah rosak. Bahan alat tersebut dinamakan mereka sebagai 'ubur' yang diadun dari beberapa jenis tumbuhan yang diramu oleh mereka. Mereka tidak sahaja berke-mahiran mengenai keadaan air, bahkan juga tentang hal-ehwal laut dan segala macam kemungkinan dari laut itu.

Orang dahulu jarang menggunakan kompas. Ini mungkin berlaku sama ada kerana kurang mampu atau sukar untuk didapat. Kerana itu, jarang yang 'terdapat' kompas. Namun mereka tidak bimbang kerana mereka mempunyai kepakaran dalam menentukan haluan yang di-tuju. Antara cara mereka ialah dengan berpandu kepada bintang di langit jika malam dan jika siang mereka akan berpandu kepada kedudukan pulau-pulau. Berpandu kepada bintang-bintang itulah yang perlu diketahui oleh orang sekarang dan patut benar ada pihak yang merasa ada kepentingan dengannya mengambil langkah positif ke arah itu.

Mengenai dengan cuaca, nelayan-nelayan

sekarang atau siapa sahaja yang akan turun ke laut akan tidak merasa gusar kerana pada setiap hari ramalan cuaca akan tersiar di televisyen dan radio. Dahulu tidak ada. Radio juga tidak ada, apa lagi televisyen. Kalau pun ada radio, hampir rata-rata orang kampung apa lagi nelayan tidak mampu memilikinya - hanya setelah tahun 1950-an. Itupun, kandungan siaran radio langsung tidak ada menyebut tentang cuaca baik atau buruk. Akan tetapi, orang dahulu mahir tentang keadaan cuaca sama ada boleh ke laut atau tidak. Kalau mereka melarang turun ke laut jarang didapati yang tidak mematuhi. Kalau ada juga yang 'menggagahi', tidak mematuhi larangan, keras kepala maka bererti 'menuntut bala'.

Mereka juga banyak pantang larang. Umpamanya kalau turun ke perahu, langkah harus dijaga. Tidak semata-mata langkah kanan bahkan ada kata-kata yang diucapkan. Inilah yang patut dicari. Selain dari itu anak mata juga berperanan selain janggan 'taulih-taulih'. Turun ke perahu atau sewaktu hendak menjejakkan kaki ke perahu, ada dengan waktu-waktunya. Ada waktu turun di carok, ada waktu turun di tengah dan ada waktu turun antara buritan.


Selepas itu, hala tuju juga diperkirakan sama ada ke utara, ke selatan, ke timur atau ke barat dan sekira-kira lepas beberapa hasta baharulah haluan sebenar ditujukan, insya-Allah, selamat dan akan ada rezeki menanti.

Petua begini bukan seperti yang menjadi sebutan permainan kanak-kanak apabila hendak mengail atau memancing seperti yang dikatakan: 'aying pasang ke asang, aying surut ke perut' sambil diiringi dengan 'kukur dan pui's'nya. Petua di atas itu tadi ada dengan kata-katanya atau ada dengan bacaannya. Inilah juga yang perlu dicari.

Semua ini adalah membayangkan kelainan antara orang Brunei dengan bukan Brunei. Mungkin inilah juga yang dikatakan khazanah atau heritage yang boleh berperanan dalam memperlihatkan martabat bangsa itu.

Barangkali, di sinilah letaknya betapa mahal-nya kerja-kerja mengkaji perkara-perkara yang melibatkan hal yang demikian itu. Mungkin tidak ramai orang dapat melihat nilai harganya disebabkan ianya bukan benda yang boleh dilihat dan dipegang. Lagi pun benda-benda yang begi-ni tidak ramai yang tertarik untuk mengeneng-ghakannya kerana tidak mempunyai nilai-nilai yang dianggap mereka sebagai menguntungkan pada sudut-sudut yang mereka fikirkan tanpa mengkehendakkan heritage dan budaya bangsa seperti apa yang dilakukan oleh bangsa-bangsa lain yang tidak menghiraukan sangat tentang perbelanjaan yang besar demi untuk menggali dan memaparkan budaya dan khazanah bangsa mereka itu.

Ertinya, berbangga terhadap bangsa sendiri itulah harganya yang tidak ternilai, kecualilah yang mindanya sudah terhakis oleh keadaan yang terus berubah ini.



Berkenan menerima mengadap

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Raymond Loreta, Duta Besar Switzerland yang akan menamatkan perkhidmatannya.

Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan

pada 2 Julai lepas.

Tuan Yang Terutama Loreta berkhidmat sebagai Duta Besar Switzerland secara tidak menetap sejak bulan Mac 1998 dan beribu pejabat di Republik Singapura. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

'OPS SEPADU DPJ10' DI JERUDONG

JERUDONG, 6 Julai. - Operasi Bersepadu 'OPS SEPADU DPJ10' telah diadakan bermula dari jam 23.30 hingga kira-kira 00.45 pagi di kawasan Kampong Jerudong di sini. Operasi tersebut melibatkan Pasukan Polis Diraja Brunei dan Agensi-agensi Penguatkuasa Undang-undang.

Dalam operasi itu Pasukan Polis Diraja Brunei dianggotai seramai 55 orang ahli dari Daerah Polis Jerudong, Balai Polis Sengkurong dan Balai Polis Limau Manis yang diketuai oleh DSP Haji Mohd. Hassan bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Jerudong.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dianggotai oleh seramai 21 orang ahli yang diketuai oleh As SSC Awang Haji Khalid bin Haji Yusof, Bahagian Pencegah dan Jabatan Imigresen dianggotai seramai 13 orang ahli yang diketuai oleh SCIO, Awang Jumat bin Haji Burut, Ketua Penguatkuasaan Undang-Undang.

Sementara Bahagian Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah dianggotai seramai 37

orang ahli yang diketuai oleh Ustaz Awang Haji Abdullah bin Abdul Rahman, Pegawai Penguatkuasa Agama I.

Operasi ini adalah operasi bersepadu Daerah Polis Jerudong kali kesepuluh bagi tahun 2002 diadakan di kalangan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang. Operasi ini bertujuan untuk membuat pemeriksaan secara mengejut terhadap pengunjung-pengunjung pantai di kawasan-kawasan Daerah Polis Jerudong (Balai Polis Sengkurong) dan sebagai salah satu langkah mempertingkatkan pencegahan jenayah.

Operasi ini adalah atas inisiatif bahagian Penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Syariah, bagi menjalankan pemeriksaan ke atas pasangan bukan muhrim yang melakukan kesalahan di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi, Penggal 77, di kawasan pantai Daerah Polis Jerudong.

Dalam operasi tersebut sepasang lelaki/wanita beragama Islam dan seorang lelaki dan tiga wanita war-ga negara Malaysia telah diperiksa di Pantai Jerudong manakala di Pantai

Tungku sepasang lelaki/wanita beragama Islam juga telah diperiksa.

Semasa pemeriksaan pegawai-pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah telah menyooal siasat dua orang pasangan lelaki dan wanita beragama Islam, warga-negara Brunei. Mereka dikehendaki menunjukkan sijil nikah ke pejabat tersebut pada waktu bekerja bagi mengelakkan pendakwaan. Kebanyakan pasangan yang telah diperiksa adalah bukan beragama Islam.

Dalam operasi itu pegawai-pegawai Imigresen menjalankan tangkapan terhadap empat orang pekerja asing kerana gagal menunjukkan dokumen perjalanan yang sah. Semua tangkapan dibawa ke Balai Polis Sengkurong bagi siasatan lanjut dan dokumen mereka dibawa ke balai. Jika masih gagal menunjukkan dokumen, mereka akan dihantar ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran, Jalan Kebangsaan bagi diproses dan akan dihadapkan bagi pendakwaan jika didapati menyalahi undang-undang.



Berangkat rasmi Bengkel Persatuan KACA



Oleh
Abdullah Asgar
Gambar-gambar
oleh
Harun HR dan
Haji Masmaleh HMA

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam, Penaung Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) ketika berkenan mengurniakan sabda bagi merasmikan Bengkel Persatuan KACA yang berlangsung di Centrepoin, Gadong (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli jawatankuasa majlis sambil diiringi oleh Yang Dipertua KACA, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerna Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu.



Doa selamat dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan pameran gambar-gambar dan keratan akhbar serta kegiatan Persatuan KACA sejak penubuhannya.

Setelah itu, Duli Yang Teramat Mulia sendiri berkenan menyertai bengkel yang dikendalikan oleh seorang pakar pemulihan integrasi pancaindera, Puan Jernek Perth yang diundang khas.


Bengkel dua hari itu bertujuan bagi merancang usaha Persatuan KACA menuju ke arah pembaikan hidup kanak-kanak istimewa dan keluarga mereka.

Bengkel itu antara lain dihadiri oleh guru-guru, para jurupulih, pegawai-pegawai kerajaan, ibu bapa dan penjaga kanak-kanak autisme.

Integrasi pancaindera adalah proses saraf yang mengatur sensasi badan kepada keadaan alam sekitar dan menjadikan penggunaan badan yang berkesan di dalam lingkungan sekitaran.

Ia juga adalah aspek ruangan dan duniawi yang berkenaan berpunca dari bentuk, hubungan penyatuan yang diertikan oleh pancaindera di mana otak memilih, meninggikan, menghalang, membandingkan dan menyatukan maklumat.

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyaksikan pameran gambar-gambar dan keratan akhbar serta lain-lain kegiatan Persatuan KACA (atas dan kanan).



Dari muka 1

Jelas Duli Yang Teramat Mulia, penyertaan peserta akan beroleh maklumat dan pengetahuan baru melalui perbincangan dan pertukaran pandangan sensory integration dan hubungannya di dalam pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Dipertua KACA, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerna Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu dan ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyertai bengkel mengenai pembaikan hidup kanak-kanak istimewa dan keluarga yang dikendalikan oleh penceramah undangan.



HADIR sama di majlis perasmian bengkel tersebut ialah Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, para isteri pembesar negara dan pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan swasta serta keluarga kanak-kanak istimewa.



DATANGLAH BERAMAI-RAMAI KE MASJID-MASJID

SEMBAHYANG Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 akan diadakan pada hari Ahad malam Isnin, 3 Jamadilawal 1423 bersamaan dengan 14 Julai 2002, bermula jam 6.00 petang dengan penumpuan di masjid-masjid utama seperti berikut dan juga di seluruh masjid dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam:

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong;
2. Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan;
3. Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong;
4. Masjid Setia Ali, Pekan Muara;
5. Masjid Sharif Ali, Sengkurong;
6. Masjid Al-Muhtadee Billah, Sungai Kebun;
7. Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop;
8. Masjid Kampong Perpindahan Lambak Kanan.

DAERAH BELAIT

1. Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait;
2. Masjid Pekan Seria;
3. Masjid Perpindahan Kampong Pandan, Kuala Belait.

DAERAH TUTONG

1. Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

DAERAH TEMBURONG

1. Masjid Utama Mohd. Salleh, Pekan Bangar.

Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan serta orang ramai adalah diharapkan dan dialu-alukan untuk bersama-sama hadir ke masjid-masjid utama tersebut di atas khususnya di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong bagi bersama-sama meramaikan dan memberkati Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 pada tahun ini.

Menerima mengadap tiga Duta Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini menerima mengadap Tuan Yang Terutama Ith Dettola, Duta Besar Kemboja yang baru ke Negara Brunei Darussalam; Tuan Yang Terutama U Thet Win, Duta Besar Kesatuan Myanmar yang baru ke Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Drs. Yusbar Djamil, Duta Besar Republik Indonesia yang baru ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Dalam perjumpaan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan ketiga-tiga Duta Besar dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Kemboja, Tuan Yang Terutama Ith Dettola (kiri) dan Duta Besar Kesatuan Myanmar, Tuan Terutama U Thet Win (kanan). - Gambar oleh Hamadi HM.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Drs. Yusbar Djamil. - Gambar oleh Hamadi HM.

Dialog mengatasi penyiasatan jenayah

GADONG, 3 Julai. - Sesi dialog antara pegawai-pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei bersama pegawai-pegawai Jabatan Undang-Undang berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada para peserta dialog yang berlangsung di Mes Pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Dato Paduka Haji Jafar bin Haji Awang Majid menyampaikan sijil berkenaan kepada pegawai dari Jabatan Undang-Undang, Md. Yusree bin Haji Junaidi, Aldila binti Haji Mohd Salleh, Haji Nabil Daraina dan Shamsuddin Haji Kamaluddin.

Dialog dua hari itu telah membincangkan pelbagai perkara antaranya cara mengatasi masalah yang dihadapi oleh Pegawai Penyiasatan Jenayah Daerah Polis (DCOs) dan Pegawai Lalulintas

Oleh Abdullah Asgar

Daerah (DTOs) semasa melakukan penyiasatan dan mengemaskinikan undang-undang baru dan penerapan praktikal.

Selain itu mereka juga membincangkan mengenai rujukan kepada pegawai pendakwa sebelum dakwaan dibuat oleh pegawai yang mengetuai balai polis kepada pegawai pendakwa yang melitikan hukum serius di dalam Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Perantaraan, kesalahan seksual, penglibatan kes-kes kecil, dan penglibatan kes milik kerajaan dan termasuk mengenai penyelidikan.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Abd. Rahim bin Haji Mohd. Noor di hari pertama dialog berkata, pertemuan tersebut seharusnya

nya dijalankan secara berperingkat-peringkat dan dialog seperti itu akan memberi manfaat kepada Pasukan Polis Diraja Brunei dalam menjalankan penyiasatan di negara ini.

Beliau seterusnya berharap pertemuan seumpama itu akan terus diadakan dan mereka yang terlibat akan dapat berinteraksi di antara satu sama lain dengan mengemukakan beberapa masalah mengenai penyiasatan.

Dialog bertujuan bagi mengemaskinikan lagi kes-kes pendakwaan dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada serta berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain, di samping sesi soal jawab juga diadakan.

Sesi pertemuan lanjutan yang diadakan sebelum itu antara pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dan pegawai undang-undang.

Komitmen dan dedikasi yang ikhlas penting



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof ketika berucap di Majlis Perasmian Bengkel Strategi Meningkatkan Kualiti Pelaksanaan Rancangan dan Daya Kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Gambar oleh Halim HS.

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 2 Julai. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama berkata, tanpa komitmen

dan dedikasi yang ikhlas dari semua peringkat apa pun jua projek, program dan aktiviti atau perkhidmatan yang dilaksanakan tidak akan mencapai objektif atau tujuan sebenarnya.

Pengiran Dato Paduka Haji Yusof menyatakan perkara tersebut sewaktu merasmikan pembukaan Bengkel Strategi Meningkatkan Kualiti Pelaksanaan Rancangan dan Daya Kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Awal dari itu dalam kenyataan Pemangku Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Bengkel tersebut, Pengiran Anak Datin Hajah Masnah menjelaskan bengkel tiga hari itu merupakan langkah tepat

dan terkini bagi meneliti, menilai dan mengemaskinikan serta meningkatkan lagi kualiti rancangan, di samping membolehkan setiap kumpulan peserta bengkel menyusun semula strategi bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan rancangan-rancangan yang disusun termasuk daya kerja organisasi dan pegawai-pegawai dan kakitangan supaya bermatlamat, bersistemik, berfokus dan bermutu tinggi.

Selain itu beliau juga mengingatkan dalam melaksanakan tugas kita tidak boleh menyalahkan orang lain sekiranya berlaku kesilapan kerana semuanya bermula dari diri kita sendiri, di samping menekankan supaya sikap tolak-menolak kerja harus dikecualikan.

Bengkel yang berlangsung di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama itu antara lain bertujuan untuk menghasilkan satu strategi pelaksanaan yang lengkap dan kemaskini mencapai visi kementerian berkenaan untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap serta mewujudkan situasi yang baik menjadi lebih baik dan yang lebih baik menjadi terbaik dan setiap organisasi akan menjadi terbaik di antara yang terbaik.

Selama bengkel itu diadakan beberapa tajuk telah dipilih untuk dibentangkan sepanjang bengkel tersebut dan ianya telah bermula dengan pembentangan kertas utama yang disampaikan oleh Pengiran Dato Paduka Haji Yusof.



SESI Dialog antara pegawai-pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei bersama pegawai Jabatan Undang-Undang. - Gambar oleh Masri Osman.

Pengusaha SME digesa utamakan teknologi dan inovasi

BERAKAS, 4 Julai. - Pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SME) di negara ini digesa supaya mengutamakan pengetahuan dalam teknologi dan inovasi bagi memantapkan perusahaan.

Pada masa yang sama, kerajaan telah memberi tumpuan dalam pembangunan teknologi dan perkembangan pengetahuan bagi pelbagai perusahaan, termasuk perusahaan kotej dalam kampung.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dr. Awang Haji Muhd. Yusoff bin Haji Mohiddin membuat gesaan tersebut sebelum menutup rasmi Kursus Motivasi Membangun Ekonomi Kampung di Dewan Perkhidmatan Bomba, di sini.

Kualiti sumber tenaga manusia dan penguasaan teknologi katanya, merupakan kunci ke arah mewujudkan inovasi yang akan menjadi tulang belakang kepada kejayaan keusahawanan.

"Kerajaan juga telah menyediakan perkhidmatan inkubator perniagaan bagi membantu keusahawanan kecil serta syarikat-syarikat baru menerokai bidang-bidang perniagaan yang baru," jelasnya.

Selain itu, ia juga bagi menggalakkan kegiatan-kegiatan keusahawanan supaya dapat meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan.

"Kita perlu sedar bahawa kemajuan ekonomi kampung dan sosial tidak akan tercapai selagi kita tidak berubah, baik cara berfikir, mentaliti sekadar sara diri serta berubah sikap supaya sanggup

mempelajari dan mencontohi usahawan-usahawan terutama bangsa-bangsa lain yang telah berjaya," katanya.

Tambahnya, sebagai usahawan yang dinamik, mereka perlu berani berdikari dalam menghadapi sebarang cabaran dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan pihak kerajaan semata-mata.

Menurutnya, ia bukan bermakna kerajaan tidak mengambil berat mengenai kesejahteraan masyarakat kampung, sebaliknya, kerajaan akan terus berusaha membangunkan ekonomi dan sosial kampung di mana usaha ke arah tersebut diurus rapi supaya manfaat pembangunan dapat dikecapi oleh semua lapisan masyarakat.

Majlis penutup tersebut diteruskan dengan pembacaan sajak dan penyampaian sijil kepada peserta yang menamatkan kursus.

Kursus selama lima hari itu membawa tema 'Membudayakan Masyarakat Mukim Kampung Berkooperasi' diharapkan dapat membuka minda peserta dan penduduk kampung yang lain supaya membuka perusahaan secara berkoperasi.

Banyak manfaat, ke-untungan dan faedah yang boleh diperolehi jika satu perusahaan dijalankan secara berkoperasi.

Sementara itu, dalam penilaian dan rumusan kursus antara lain menggariskan bahawa para peserta menerima pakai dan akan digunakannya ke dalam perusahaan mereka untuk dilaksanakan.

Selain itu, peserta juga menyeru kepada pihak tertentu supaya menyemak semula undang-undang lesen rampaian yang diguna-

Oleh Abdullah Asgar

pakai masa ini kerana ia menyukarkan usahawan Melayu Brunei.

Peserta juga merayu agar lesen rampaian tidak diperlukan kerana syarat-syarat tanah untuk mendirikan kedai perniagaan telah diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, maka lesen 17 dan 16 dari pejabat pendaftar syarikat sudah memadai sebagai bukti untuk menjalankan perniagaan.

Institusi keluarga mainkan peranan hindari dadah

RIMBA, 26 Jun. - Institusi keluarga memainkan peranan penting untuk menyelamatkan anak-anak remaja atau generasi muda dari terlibat dengan perkara yang tidak diinginkan seperti penyalahgunaan dadah.

Masalah penyalahgunaan dadah di kalangan anak-anak remaja dan para belia di negara ini akan terus meningkat jika tidak ada kerjasama dari masyarakat umum dan khususnya daripada ibu bapa itu sendiri.

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail berkata, ibu bapa atau ahli keluarga itu sendiri haruslah mengetahui perkembangan semasa mengenai ancaman-ancaman yang

Oleh
Bolhassan HAB

mungkin berlaku berpunca dari aktiviti penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram.

"Dengan kata lain, seisi keluarga memainkan peranan yang amat penting untuk memastikan bahawa ahli-ahlinya tidak terlibat dengan perbuatan-perbuatan yang tidak diinginkan," jelasnya.

Berucap di Majlis Memperingati Sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram, beliau seterusnya menyeru para ibu bapa dan ahli keluarga agar mengetahui tindakan-tindakan yang perlu dilakukan jika perkara sedemikian berlaku dalam keluarga mereka.

Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Momin bin Haji Sawal dalam

ucapan alu-aluannya selaku pengerusi berkata, tema yang dipilih oleh Negara Brunei Darussalam sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram, tahun ini, 'Keluarga Bergerak Ke Arah Kehidupan Yang Harmoni' adalah selaras dengan peranan yang dimainkan oleh institusi keluarga dalam pembangunan negara.

Di majlis yang berlangsung di Dewan SHuTT, Institut Perkhidmatan Awam, tetamu kehormat, Awang Haji Ibrahim telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang Peraduan Melukis Poster anjuran Biro Kawalan Narkotik.

Sementara itu, Pengarah Biro Kawalan Narkotik telah menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada orang yang di bawah pengawasan yang berjaya menamatkan Skim Pengawasan Biro Kawalan Narkotik.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dr. Awang Haji Muhd. Yusoff bin Haji Mohiddin ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Kursus Motivasi Membangun Ekonomi Kampung sejurus menutup rasmi kursus tersebut. Majlis berlangsung di Dewan Perkhidmatan Bomba, Berakas. - Gambar oleh Hamadi HM.



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar yang memenangi Peraduan Melukis Poster anjuran Biro Kawalan Narkotik (BKN) sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram. - Gambar oleh Ramli Tengah.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN PERTANIAN, BAHAGIAN TANAMAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bil.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Pertanyaan/aduan mengenai : a) Industri sayur-sayuran b) Industri buah-buahan c) Industri tanaman hasil d) Import/eksport hasil/ bahan tanaman e) padi dan pelbagai tanaman	Dalam tempoh 1 hingga 3 hari waktu bekerja tertakluk kepada jenis pertanyaan/aduan yang diterima
2.	Pengeluaran/pembekalan bahan/benih sayur dan buah yang berpotensi untuk dimajukan secara komersil kepada pengusaha dengan harga subsidi	Pada hari yang sama atau dalam tempoh 1 - 2 minggu tertakluk kepada stok
3.	Pemprosesan permohonan import permit	5 hari
4.	Pemeriksaan import hasil pertanian melalui pos-pos kawalan	Dalam masa 1 jam dari waktu ketibaan barangan tersebut



ORANG ramai dan para pelajar menyaksikan pameran hukuman yang akan dilakukan kepada pesalah-pesalah penyalahgunaan dadah yang dipamerkan oleh Jabatan Penjara sempena Majlis Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram anjuran Biro Kawalan Narkotik. - Gambar oleh Ramli Tengah.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

MEMELIHARA KEGEMILANGAN AGAMA ISLAM

Kerajaan beta insya-Allah, akan terus menjaga dan memelihara kegemilangan agama Islam di negara ini sebagaimana yang selayaknya.

Kerajaan beta telah mengambil beberapa langkah menyusun semula dan mempertingkatkan Mahkamah-Mahkamah Syariah....

Dengan langkah-langkah yang ada ini diharapkan agama Islam akan lebih bersinar dan umat Islam bertambah berpegang kepada akidah yang benar, bukannya menerima khurafat atau ba'il yang menyulitkan masyarakat.



*Memperingati
Hari Puja Usia
Yang Ke-56
4 Jamadilawal, 1423
15 Julai, 2002*



Disiarkan oleh:
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

MENINGKATKAN KEMAJUAN EKONOMI


Kerajaan beta berazam untuk terus menggerakkan usaha-usaha memulih dan meningkatkan kemajuan ekonomi negara.

Di samping meneruskan tindakan-tindakan pemulihan ekonomi jangka pendek, kerajaan juga sedang giat memperbaiki lagi sistem pelaburan dan perniagaan secara am.

Secara lebih pragmatik, kerajaan juga sedang menyesuaikan peranan dan tanggungjawabnya untuk lebih fokus kepada langkah menggariskan, melaksanakan dan membantu sektor swasta yang pada masa ini kecil, untuk terus berkembang.



*Memperingati
Hari Puja Usia
Yang Ke-56
4 Jamadilawal, 1423
15 Julai, 2002*



Disiarkan oleh:
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

MELAHIRKAN GENERASI TANGKAS LAGI BERKUALITI



"... Negara perlu melahirkan generasi yang tangkas lagi berkualiti, di mana bagi tujuan ini, pendidikan adalah alat utama untuk diterokai.

Selain begitu, untuk menghasilkan sistem pendidikan yang terbaik, khususnya kurikulum yang dapat menepati semua matlamat, bukanlah suatu tugas yang mudah.

Itu memerlukan usaha gigih semua pihak, khususnya mereka yang berkecimpung di dalam pendidikan serta juga dalam bidang yang berkaitan."

Memperingati
Hari Puja Usia
Yang Ke-56
4 Jamadilawal, 1423
15 Julai, 2002



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

NEGARA AMAN, STABIL LAGI SEJAHTERA

"Mudah-mudahan berkat adanya perpaduan, keramahan dan perefahaman di antara jajah, seperti yang sedia ada amalkan selama ini, serta dengan izin Allah Subhanahu Wa'alaa naka negara kita akan terbebas daripada perkara-perkara yang tidak diingini, dari segi ekonomi, sosial, mahupun yang lain-lain, dan akan berterusan kekal dalam aman, stabil lagi sejahtera."

Yang Berhormat Duli Yang Maha Mulia
Raja Hassanal Bolkiah Sultan
Yang Berhormat Duli Yang Maha Mulia
Raja Al-Muhtasham Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sultan Brunei Darussalam
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Majlis Perundangan Brunei Darussalam
Jalan 22, Bandar Seri Begawan, 46200 BSB, Brunei
Telefon: 22222222, 22222222, 22222222
Faksimili: 22222222, 22222222, 22222222
Internet: www.sultanbrunei.gov.bn



Memperingati Hari Puja Usia Yang Ke-56
4 Jamadilawal, 1423 - 15 Julai, 2002



Ditertarikan oleh:



Ministry of Education and Religious Affairs
Jabatan Pendidikan dan
Agama Brunei Darussalam

Tv Brunei gunakan sistem digital 2005

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Julai. - Pengarah Radio dan Televisyen Brunei (RTB), Pengiran Dato Paduka Haji Ismail berkata, stesen penyiaran kebangsaan iaitu Televisyen Brunei akan menyiaran siarannya melalui sistem digital pada tahun 2005.

Perubahan tersebut adalah sejajar dengan perubahan semasa dan arus kemajuan teknologi masa kini terutama dalam menghasilkan mutu siaran yang lebih baik kepada penonton di negara ini.

Bermula tahun tersebut jelasnya, RTB akan menyiaran siaran televisyen dalam dua sistem iaitu analog dan digital walau bagaimanapun, jelasnya RTB belum lagi bercadang untuk menamatkan sistem

**Oleh
Abu Bakar HAR**

yang sedia ada.

Oleh itu katanya, pengedar dan penjual peti-peti televisyen adalah dinasihatkan supaya mengingatkan kepada pembekal mereka supaya peka dengan perkembangan tersebut agar penonton-nya dapat menikmati perubahan teknologi baru itu.

Kenyataan tersebut dibuat sewaktu Majlis Menandatangani Perjanjian tajaan Bintang Radio 2002 di antara Pengarah RTB dengan Pengarah Syarikat Multitrons Sendirian Berhad, Awang Juraimi bin Haji Masrah selaku penaja utama yang berlangsung di

bangunan Radio Televisyen Brunei di ibu negara.

Pertandingan Bintang Radio yang pernah wujud sekitar tahun 60-an dan 70-an merupakan rancangan popular kepada pendengar radio sebelum wujudnya siaran media baru iaitu televisyen.

Kini Rangkaian Harmoni berusaha untuk memberi nafas baru dalam menghidupkan kembali projek radio tersebut yang keseluruhannya akan disiarkan melalui rangkaian itu sempena 45 tahun penubuhan Radio Brunei.

Bagi orang ramai yang terdiri dari rakyat dan penduduk tetap di negara ini dan berumur 18 tahun ke atas adalah berpeluang untuk menyertai rancangan pertandingan nostalgia ini.



PENGARAH Radio dan Televisyen Brunei (RTB), Pengiran Dato Paduka Haji Ismail menandatangani perjanjian tajaan Bintang Radio 2002 bersama Pengarah Syarikat Multitrons Sendirian Berhad, Awang Juraimi bin Haji Masrah selaku penaja utama. Majlis berlangsung di bangunan Radio Televisyen Brunei. - Gambar oleh Masri Osman.

Kem. Pendidikan giat merencanakan 'e-education'

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 3 Julai. - Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan e-government, Kementerian Pendidikan juga sedang giat merencanakan e-education.

Bagi melaksanakan perkara itu satu peruntukan besar telah pun ditetapkan termasuklah institusi teknikal.

Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Haji Mustapa bin Abu Bakar menjelaskan perkara itu di Majlis Sukaikanal dan Pendaftaran Pelajar-pelajar Baru Pengambilan Ke-36 Sesi Julai 2002 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Beliau berkata, para guru dan pelajar adalah elemen-elemen utama dalam proses pendidikan dan mereka perlu mendakapi potensi teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Teknologi komunikasi maklumat (ICT) tambahnya, memberikan pelbagai peluang untuk mengembangkan kemahiran berkomunikasi, analisis, penyelesaian masalah, pengurusan dan pengambilan maklumat, pendeknya kemahiran belajar sepanjang hayat yang semakin dihargai dalam masyarakat kontemporari.

Pelaburan dalam ICT katanya, menyediakan satu peluang yang kuat untuk inovasi dan pembaharuan yang memberi implikasi perubahan peraltian di antara pelajar dan guru dengan memberikan peluang untuk keduanya mewujudkan pendekatan yang lebih kolektif.

Beliau menambah, mungkin ada tanggapan bahawa penggunaan aktif ICT akan mengurangkan peranan guru adalah jauh kerana ICT sebenarnya menghendaki kurikulum yang lebih luas dan kemahiran-kemahiran pengajaran dan penyelenggaraan.

Dari itu katanya, mungkin lebih utama dari pelaburan dalam pembelian peralatan iaitu aspek-aspek kemanusiaan dan pendidikan, latihan, perkembangan profesional dan penyusunan semula sekolah dua bilik darjah dalam tahap yang mencukupi untuk berjaya merealisasikan potensi ICT jika kita mahu menyaksikan perubahan pencapaian yang menonjol.

Semakin ramai anak tempatan memberi kepercayaan terhadap institusi pengajian dalam negara dan ini terbukti melalui permohonan kian meningkat untuk melanjutkan pelajaran dalam negara.

Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) menerima 1,726 permohonan dari pelbagai maktab dan sekolah menengah di negara ini untuk mengikuti pelbagai kursus teknikal dan vokasional yang ditawarkan tetapi daripada jumlah itu, hanya 429 orang diterima untuk mengikuti program di maktab tersebut bagi pengambilan ke-36 sesi Julai 2002.

Mereka yang baru diterima itu akan mengikuti pelbagai program peringkat Diploma Kebangsaan, Pra-Diploma Kebangsaan dan Kejuruan Kebangsaan menyertai Majlis Sukaikanal dan Pendaftaran Pelajar Baru maktab tersebut.

Pemangku Pengetua MTSSR, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Bakar berkata demikian ketika memberikan ucapan alu-aluan di majlis berkenaan di sini dan menambah kata, perkembangan ini sangat membanggakan kerana menunjukkan minat yang tinggi sebilangan besar anak muda dalam menimba ilmu pengetahuan di bidang teknikal dan vokasional.

Beliau menjelaskan bahawa seramai 176 pelajar maktab itu yang telah tamat mengikuti program Pra-Diploma Kebangsaan akan



PEMANGKU Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Haji Mustapa bin Abu Bakar menjelaskan ICT memberikan pelbagai peluang untuk mengembangkan kemahiran. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat Diploma Kebangsaan bersama pengambilan ke-36 itu.

Dengan peningkatan permohonan yang diterima, maktab berkenaan melalui Kementerian Pendidikan katanya, sedang merancang untuk membina kampus baru yang dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Kesembilan (RKN Ke-9).

"Dengan adanya kampus, dengan infrastruktur dan fasilitinya yang lebih baik bukan saja membolehkan lebih ramai pelajar untuk diterima, ianya juga akan membolehkan maktab itu terus berkembang dengan membekalkan bagi program yang dijalankan dan seterusnya ke arah pengeluaran Diploma Tinggi Kebangsaan," jelasnya.

Dalam usahanya untuk menjadikan maktab itu terus berkembang katanya, beberapa projek telah dan sedang dirancang untuk diusahakan di antaranya termasuklah membina sebuah pusat penyelidikan bagi pelajar dan pusat konvensyen khusus yang berkaitan dengan layanan dan pelancongan.

Kursus Diploma Tinggi Kebangsaan dalam Pengurusan Layanan adalah kerjasama antara MTSSR dan Institut Teknologi Brunei (ITB), jelasnya.

Belajar untuk bekerja lebih penting

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Julai. - Para peserta bengkel perlu mengikut perkembangan teknologi maklumat (IT), globalisasi, ilmu pengetahuan dan kemajuan negara yang ada sekarang setiap orang perlu membuat persiapan dalam apa jua bidang yang hendak diceburi.

Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Awang Bantong Antaran berkata, demikian di majlis penutupan dan penyampaian sijil kepada para peserta Bengkel Asas Rekabentuk 3 Dimensi yang berlangsung di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei di sini.

Beliau menambah, dalam mencari pekerjaan misalnya, penekanan sekarang ialah kepada pengalaman bekerja seseorang individu.

Katanya, belajar untuk bekerja adalah lebih penting daripada belajar dengan tujuan semata-mata untuk mendapatkan sijil dan mencari pekerjaan.

Pendedahan melalui bengkel yang diadakan itu adalah salah satu langkah yang relevan dan diharapkan ianya bukanlah yang pertama dan terakhir.

Seramai 57 peserta menyertai bengkel empat hari itu yang terdiri daripada para pegawai di Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan, Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah.

Tujuan bengkel ialah untuk memperkenalkan kaedah dan teknik penciptaan reka bentuk, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menyediakan reka bentuk dan mempelajari teknologi sebagai alat bantu dalam proses penciptaan.

Selain itu matlamat bengkel untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi membuat reka bentuk dan menggalakkan penciptaan reka bentuk di kalangan pengajar, pelukis dan penuntut.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh dua orang penceramah, Awang Baharuddin Mat Arus, Pensyarah Seni Islam dan Awang Khalid Haji Mat Osman, Pensyarah Seni Lukis. Kedua-duanya dari Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

Penyampaian sijil kepada para peserta bengkel disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Awang Bantong Antaran.



TIMBALAN Pengarah Muzium-Muzium, Awang Bantong Antaran ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta Bengkel Asas Rekabentuk 3 Dimensi. Majlis berlangsung di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di ibu negara. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PARA pelajar bagi pengambilan ke-36 iaitu Sesi Julai 2002 bagi Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal ketika melafazkan ikrar pelajar di Majlis Sukaikanal yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Kegiatan seni perlu seimbang dengan akademik

JALAN MUARA, 4 Julai. - Bakat yang ada pada diri setiap pelajar terutama dalam bidang seni perlu dipergunakan dengan sebaik-baiknya dan bukan untuk disalahgunakan kerana bakat tidak akan bererti apa-apa jika tidak diiringi dengan sikap-sikap positif.

Pelajar yang memiliki bakat dalam bidang seni perlu mendapatkan bimbingan, asuhan serta tunjuk ajar daripada mereka yang berkenaan agar dapat dikembangkan dengan sewajarnya dan seterusnya dapat pula diseimbangkan dengan pencapaian dalam bidang akademik.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Norsiah binti Haji Mohd. Daud ketika merasmikan Pertandingan Gulingtangan Peringkat Akhir Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Ke-8 yang berlangsung di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampong Salambigar di sini.

Beliau juga menambah para guru dan pelajar perlu mengenal pasti bakat dan kecenderungan diri masing-masing dan seterusnya berusaha agar bakat dan kecenderungan itu dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya dalam memberikan sumbangan terhadap kemajuan agama, bangsa dan negara yang berlandaskan agama.

Perkara ini, jelas beliau lagi, adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menyatakan bahawa Pendidikan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam adalah usaha yang berterusan bersumberkan ilmu naqli dan ilmu aqli ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepujaan, bertakwa, amanah, bertanggungjawab serta berakhlak mulia.

"Demi untuk menjaga kesenian dan budaya bangsa yang unggul supaya ianya tidak pupus dan terhapus adalah amat penting seni budaya tersebut diturunkan kepada

generasi muda dan yang akan datang seperti permainan guling tangan yang diadakan pada hari ini di mana kegiatan seperti ini juga akan dimasukkan dalam kurikulum sekolah," tambah beliau.

Sehubungan dengan itu beliau juga berharap agar permainan guling tangan ini tidak akan dipandang rendah, bahkan akan dapat dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa terutama sekali di kalangan anak-anak muda kita.

Sementara itu dalam


ucapan alu-aluan oleh Pengetua Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali selaku Pengerusi Pertandingan Gulingtangan Antara Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Ke-8 juga berkata, pertandingan yang diadakan memberikan laluan dan peluang untuk para pelajar menikmati irama seni pusaka lama yang berunsurkan kebruneian.

Selain dari itu, ianya juga bertujuan bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berkebolehan dan

berwibawa dalam mendukung nilai-nilai kebudayaan Brunei sebagai warisan yang dipusakai sejak turun-temurun lagi, tambah beliau.

Melalui latihan yang berterusan, para pelajar juga dapat mempersembahkan permainan yang bermutu tinggi, sesuai dengan konsep pertandingan, seterusnya dapat membentuk para pelajar yang berdisiplin.

Pertandingan yang diadakan pada hari tersebut



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Norsiah binti Haji Mohd. Daud ketika merasmikan Pertandingan Gulingtangan Peringkat Akhir Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Ke-8.



DATIN Paduka Hajah Norsiah ketika menyampaikan plia kepada salah sebuah pasukan yang memenangi pertandingan tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, tetamu kehormat dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan serta para pelajar ketika menyaksikan pertandingan yang berlangsung di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampong Salambigar.



SALAH sebuah pasukan ketika membuat persembahan di Pertandingan Gulingtangan Peringkat Akhir Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Ke-8.

anjaran Jabatan Pendidikan Kokurikulum Bahagian Kegiatan Aqli, Kementerian Pendidikan dan telah pun dikendalikan sejak tahun 1995.

Ia merupakan kemuncak aktiviti kokurikulum berlandaskan budaya dan kesenian Brunei. Lagu-lagu yang dipertandingkan merupakan hasil seni yang indah dan harmoni daripada daya kreatif serta kerjasama yang padu di kalangan peserta sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab yang menyertai pertandingan.

Tujuan pertandingan diadakan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkebolehan dan berwibawa dalam mendukung nilai-nilai kebudayaan Brunei sebagai warisan yang dipusakai sejak turun-temurun, selain akan dapat membentuk pelajar-pelajar yang berdisiplin seperti ketepatan, kegigihan dan keyakinan kepada diri sendiri sama ada semasa latihan, persembahan atau pertandingan serta untuk memberikan peluang yang luas kepada pelajar-pelajar untuk menikmati irama seni pusaka lama yang ber-

unsurkan kebruneian.

Antara matlamat pertandingan pula ialah untuk membentuk dan menyediakan kumpulan guling tangan tanah air yang bermutu tinggi bagi keperluan semasa sama ada di dalam atau luar negeri dan juga untuk memberikan peluang yang luas kepada para pelajar untuk berinteraksi dan bergaul dalam suasana yang harmoni bagi melahirkan sifat dan peribadi yang murni, tolong-menolong, bertolak ansur dan bersefahaman.

Johan keseluruhan disandang oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Kampong Rimba dengan pungutan markah 66 peratus yang membawakan lagu wajib Kudidi dan lagu medley Senandung Citra Gemilang. Maktab ini juga merupakan juara di pertandingan yang sama pada tahun 1998, 2000 selain mendapat tempat ketiga pada 1997 dan naib johan pada 2001.

Manakala naib johan pula dengan kutipan markah sebanyak 65.2 peratus disandang oleh Sekolah Menengah Pengiran

Anak Puteri Hajah Masna, Lambak Kanan dengan membawa lagu wajib Gabungkuk dan lagu pilihan medley Adai-adai dan Jong Sarat. Sekolah ini merupakan juara pada tahun 1999.

Sementara itu di tempat ketiga pula ialah Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Kampong Mentiri dengan lagu wajibnya Kudidi sementara lagu medley Putera Maharaja. Sekolah ini juga merupakan juara berturut-turut iaitu tahun 1995, 1996 dan 1997.

Hadih-hadih disampaikan oleh tetamu kehormat, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Norsiah binti Haji Mohd. Daud.

Acara pada hari tersebut diserikan juga dengan persembahan selingan gabungan penduduk Kampong Salambigar dan guru-guru Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali. Pada tahun ini seramai 14 buah sekolah menengah dan maktab-maktab telah menyertai peringkat saringan yang dikendalikan pada 22 Jun lepas.

Konsep koperasi perlu difahami

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Julai. - Konsep koperasi perlu dipelajari secara mendalam sebelum menubuhkan sesebuah koperasi kerana terdapat setengah individu menganggap bahawa ia sama seperti menjalankan per-

niagaan biasa atau milik sendiri.

Dalam hubungan itu, pihak Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) melalui Bahagian Kemajuan Koperasi cuba memberikan kefahaman me-

Oleh
Haji Ahmad HS

ngenai nilai, konsep dan prinsip koperasi kerana apabila konsepnya difahami maka adalah mudah bagi pihaknya untuk memberikan bimbingan.

Pegawai Koperasi, Awang Irwan bin Haji Jamaluddin menyatakan perkara itu semasa sesi dialog bersama peserta Kursus Motivasi Membangun Ekonomi Kampung berlangsung di Sekolah Melayu Lela Menchanai Kampung Ayer di sini.

Di Majlis Dialog itu beliau seterusnya mengingatkan bahawa mereka yang akan menubuhkan koperasi perlu bersedia untuk melaburkan sejumlah wang sebagai wang modal kerana penubuhan koperasi adalah milik bersama.

Katanya, menurut pengalaman BINA, terdapat koperasi yang didaftarkan tetapi tidak mempunyai saham kerana sebahagian daripada ahlinya takut untuk melabur antaranya disebabkan tidak ada ke-

percayaan terhadap pengu-
rusan koperasi atau tidak yakin terhadap koperasi berkenaan.

Dialog yang membincangkan Gagasan Penubuhan Kumpulan-kumpulan Koperasi: 'Koperasi Badan Amanah Ikhtiar Kampung' adalah merupakan sesi terakhir bagi Kursus Motivasi Membangun Ekonomi Kampung.

Kursus dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung Lurong Sekuna, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Majlis Belia Brunei (MBB), Pusat Sumber dan Piawai, Sinaut, Tutong dengan kerjasama Penghulu-penghulu Mukim, Peramu, Sengkurong, Kota Batu, Kianggeh dan Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara.

Terdahulu, para peserta kursus berpeluang mengikuti beberapa ceramah bertajuk antaranya, Membina Upaya Keusahawanan; Mempromosikan Industri Pelancongan Kampung; Peluang Kemahiran dan Perusahaan Melalui Pusat Sumber dan Piawai, Sinaut, Tutong dan Kebaikan dan Faedah Menubuhkan Perniagaan Perusahaan Melalui Koperasi.

176 koperasi berdaftar sejak 1993 - 2000

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Julai. - Sebanyak 176 buah koperasi dengan keahlian seramai 16,577 orang telah berdaftar dengan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) sejak tahun 1993 sehingga tahun 2000.

Perkara itu dinyatakan oleh Penyalin Kanan Koperasi, Awang Haji Abdullah bin Haji Md. Yassin ketika menyampaikan ceramah bertajuk Kebaikan dan Faedah Menubuhkan Perniagaan Perusahaan Melalui Koperasi kepada peserta Kursus Motivasi Membangun Ekonomi Kampung berlangsung di Sekolah Melayu Lela Menchanai Kampung Ayer di sini.

Menurut beliau, sejak tahun 1993 sehingga tahun 2000, terdapat jumlah saham yang terkumpul sebanyak \$16,687,256.31, di mana pada tahun 1993 sahaja koperasi mempunyai saham sejumlah \$6,213,988.00.

Dari segi pendapatan, koperasi telah mencatatkan peningkatan sebanyak \$31,130,063.42 dalam tahun 1999 di samping keuntungan berjumlah \$2,231,434.27, manakala dalam tahun 2000 sahaja pendapatan mencapai jumlah \$26,387,086.78 dengan keuntungan tercatat sebanyak \$2,216,802.91.

Beliau juga menggariskan beberapa kebaikan dan faedah berkoperasi antaranya, ia dikawal oleh akta selain menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan pendidikan.

Beliau juga menjelaskan bahawa sebelum menubuhkan koperasi, kajian perlu dilakukan terlebih dahulu terutamanya berkaitan dengan syer, pasaran, keadaan penduduk, kawasan perniagaan dan persaingan.

"Selepas pendaftaran koperasi dilakukan, koperasi tersebut hendaklah mengadakan mesyuarat agung pertama dalam waktu enam bulan selepas menerima sijil pendaftaran dengan menandatangani beberapa

agenda seperti membentangkan laporan ahli jawatankuasa sementara, melantik ahli jawatankuasa tetap, melantik pemerik-
saan kira-kira dan sebagainya," ujarnya.

Sebelum mengakhiri ceramah motivasi beliau telah memberikan beberapa petua ke arah mencapai kejayaan seperti mengenali cita-cita, hasrat dan impian, komitmen (kesungguhan dan kesungguhan), kepercayaan ter-
masuk mengatur perbelanjaan.



PEGAWAI Koperasi, Awang Irwan bin Haji Jamaluddin (dua hari kanan) ketika berucap di Majlis Dialog bersama para peserta Kursus Motivasi Membangun Ekonomi Kampung. Majlis berlangsung di Sekolah Melayu Lela Menchanai Kampung Ayer. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PEGAWAI dan kakitangan Bank Standard Chartered dan Heng Thai Enterprise bergambar ramai bersama anak-anak yatim yang menyaksikan pertunjukan wayang gambar 'Scooby Doo' di Empire Theatre, Jerudong. - Gambar ihsan Bank Standard Chartered.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin menyaksikan buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang dijual di kedai buku DBP di ibu negara sejurus selepas merasmikannya. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kedai buku DBP di BSP dibuka semula

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Julai. - Kedai buku Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di ibu negara dibuka semula dan terus dikekalkan memandangkan tumpuan pengguna perpustakaan semakin meningkat dan memberangsangkan.

Sehubungan dengan itu, majlis perasmianya disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin. Pemangku Pengarah DBP antara lain menjelaskan, Dewan Bahasa dan Pustaka akan menyertai Pesta Buku Antarabangsa pada Oktober depan di Republik Indonesia.

Terdahulu dari itu, tambah beliau, DBP juga akan menyertai pesta buku yang akan diadakan di Dewan Tertutup Stadium Negara Hassanah Bolkiah bulan September depan.

Pembukaan semula kedai itu susulan

minggu jualan buku anjuran DBP dengan mengadakan potongan harga 30 hingga 70 peratus selama dua minggu.

Dengan pembukaan kedai berkenaan, para pencinta buku akan dapat memperoleh keistimewaan sampingan dalam membeli sekali gus mendapat hadiah berupa buku DBP secara percuma.

Kebanyakan buku yang dijual di kedai itu sesuai untuk peringkat remaja dan kanak-kanak sekolah bagi meningkatkan pengetahuan mereka.

Buku yang dijual itu terdiri dari buku cerita umum, novel dan terbitan dari hasil terbitan penulis-penulis tempatan yang berkualiti dan terkenal.

120 anak yatim dihiburkan dengan tayangan kartun

Oleh Dk. Hjh.
Saidah PHOA

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Jun. - Masyarakat yang kurang bertasib baik di negara ini sentiasa diberi perhatian sewajarnya daripada pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan awam.

Baru-baru ini, 120 anak-anak yatim dari Daerah Brunei dan Muara dihiburkan dengan pertunjukan wayang gambar 'Scooby Doo' anjuran bersama Bank Standard Chartered dan Heng Thai Enterprise yang diadakan di salah sebuah pawagam mewah di Jerudong. Selain itu, anak-anak yatim berkenaan juga dijamu dengan minuman dan gula-gula.

Pegawai Ketua Ekse-

kutif bank berkenaan, Awang Simon Morris berkata, kegiatan tersebut sebagai salah satu program kemasyarakatan yang diperkenalkan oleh pihak bank dan lebih banyak lagi kegiatan seperti itu diadakan di masa akan datang.

Selain memberi hiburan, bank tersebut juga memberi sumbangan kepada masyarakat kurang upaya, keperluan pendidikan dan perlindungan alam sekitar di negara ini.

Bank tersebut mempunyai lebih 500 pejabat

kumpulan rangkaian kerja di 52 buah negara dengan 30,000 kakitangan di seluruh dunia, manakala di negara ini hanya memberi tumpuan kepada pengguna bank yang beroperasi sejak tahun 1958 dengan keramaian kakitangan 250 orang di lapan buah cawangan seluruh daerah.

Bank berkenaan menawarkan kad kredit kepada pelanggannya yang pertama dan hanya pengeluar kad yang disahkan di negara ini. Sebagai pembekal perkhidmatan kewangan, bank tersebut menawarkan pelbagai produk yang meluas dan perkhidmatan kepada pelanggannya dari luar negara yang berada di negara ini.

ARENA SUKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berserta kerabat diraja berangkat menyaksikan perlawanan PROTON B-League antara DPMM F. C. dengan ABDB.

Proton B-League 2002

TINGKATKAN MUTU BOLA SEPAK NEGARA

Liputan Haji Ahat HI
Gambar-gambar oleh Hamadi HM

DPMM F. C. belasah ABDB 5 - 1

DPMM F.C. memulakan kempen sepak mula Kejohanan Proton B-League dengan kejayaan bergaya menumpaskan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) 5 - 1 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Berangkat menyaksikan perlawanan pembukaan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Beraksi dalam Kumpulan 'B', DPMM F.C. yang dibarisi oleh dua pemain import Junior De Mura dan Ajayi Oluseye memperlihatkan permainan cemerlang di separuh masa pertama mendahului ABDB 3 - 0.

Junior De Mura membuka tirai jaringan pertama DPMM F. C. apabila rembatan percubaan jarak jauhnya gagal diselamatkan oleh penjaga gol ABDB, Alizanda Sitom.

Selepas itu Md. Shahrin Zaini yang tidak dikawal hanya menolak saja bola masuk ke pintu gol ABDB setelah menerima hantaran dari tepi melalui Ajayi

Oluseye untuk menambahkan jaringan kedua DPMM F. C.

Keadaan pertahanan ABDB yang nyata kurang mantap itu terus-menerus menerima asakan yang memaksa dua bekas pemain kebangsaan Nordin Tujoh dan penjaga gol Alizanda Sitom bekerja keras membendungnya. Namun DPMM F. C. yang nyata cukup mantap berjaya menambahkan jaringan ketiga melalui Ajayi Oluseye.

Selepas ketinggalan 3 - 0, ABDB bermain berhati-hati di separuh masa kedua dan sekali-sekala berjaya melakukan beberapa percubaan begitu pun, penjaga gol DPMM F. C. Solihin Kee Abdullah lebih pantas menggagalkannya dan sebaliknya pula menambahkan lagi gol Haji Amiryadi Haji Tahir.

Dalam menerima asakan bertali arus itu, ABDB kemudian berjaya merapatkan jurang 4 - 1 apabila sepakan bebas Rosmin gagal ditepis keluar oleh penjaga gol DPMM F. C. tidak lama kemudian DPMM F. C. menambahkan jaringan kelima melalui Nazrin Abdullah dan kedudukan kekal 5 - 1.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain merasmikan Kejohanan Bola Sepak PROTON B-League 2002 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

JADUAL PERLAWANAN PROTON B-LEAGUE 2002

Hari Jumaat 12 Julai 2002

Pasukan	Kumpulan	Jam	Tempat
POLIS LWN	A	8.00 malam	SHB GADONG
WIJAYA F.C.			
BANDARAN KB LWN	A	4.00 petang	BSRC SERIA
KASUKA F.C.			
PESAKA LWN	A	4.00 petang	PENANJONG KEM TUTONG
MULAUT F.C.			
IBM BUKOK LWN	A	3.00 petang	KOMPLEKS SUKAN BANGAR
AH UNITED			

Hari Ahad 14 Julai 2002

DPMM F.C. LWN	B	4.00 petang	SNHB BERAKAS
KEMUDI F.C.			
KILANAS F.C. LWN	B	4.00 petang	MINI STADIUM JERUDONG
MENGELLELLA F.C.			
KOTA RANGER LWN	B	4.00 petang	SHB GADONG
ABDB			
JERUDONG F.C. LWN	B	4.00 petang	BALAPAN DAN PADANG BERAKAS
INDERA			

LIGA Bola Sepak Kebangsaan yang dikenali PROTON B-League sudah bermula pada 6 Julai lepas di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dengan perasmian pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Kejohanan kali pertama yang ditaja oleh PROTON, BSM Company Sendirian Berhad, Sunlit Advertising Sendirian Berhad disertai oleh Polis Diraja Brunei, Wijaya F. C., Bandaran Kuala Belait, Kasuka F. C., Pesaka, Mulaut F. C., AH United, Ikatan Belia Mukim Bukok, DPMM F. C., Kamudi F. C., Jerudong F. C., Indera F. C., Mengellella F. C., Kota Rangers F. C. dan ABDB.

Menurut Setiausaha Agung BAFB, Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Matasan, kejohanan liga ini akan dapat merangsang daya saing pasukan dan kelab bola sepak tempatan ke arah meningkatkan pembangunan sukan bola sepak kebangsaan.

Dalam masa yang sama pula tambahnya, liga ini mendorong pemain-pemain muda memperlihatkan bakat dan kemampuan masing-masing untuk beraksi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Saya amat berharap agar PROTON B-League ini akan terus berkekalan dan mengembang. Di sinilah pemain-pemain boleh menunjuk bakat dan kemampuan masing-masing dan PROTON B-League akan menjadi batu loncatan ke peringkat perwakilan negara," katanya dalam ucapan alu-aluan liga tersebut.

Liga Bola Sepak Proton mempunyai versi untuk meningkatkan taraf permainan bola sepak tempatan serta juga aspek pentadbiran, kejurulatihan, pengadilan, perubatan sukan serta kesejahteraan para pemain.

Kejohanan yang juga disertai oleh pemain import dan pemain berumur bawah 21 tahun ini menawarkan hadiah juara akan menerima wang \$8 ribu berserta piala sumbangan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Naib juara menerima hadiah wang lima ribu ringgit dan ketiga, tiga ribu ringgit.

Selepas kejohanan liga berakhir, Kejohanan Piala FA pula akan menyusul merebut piala sumbangan Pengarah Urusan Korporat Syarikat Minyak Brunei Shell dan Pengarah Urusan Syarikat Pemasaran Brunei Shell, Dato Paduka Dr. Haji Mat Suni. Selain memenangi piala FA, juara juga akan menerima hadiah wang \$5 ribu, manakala naib juara menerima hadiah wang \$3 ribu.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan diperkenalkan dengan Ketua Kelab Bola Sepak KASUKA sejurus selepas majlis perasmian.



BINTANG utama DPMM F.C., Ajayi Oluseye menyumbang dua jaringan ketika bertemu ABDB pada perlawanan pembukaan PROTON B-League 2002.

ARENA SUKAN



Brunei-Muara kuasai hoki

BERAKAS, 6 Julai. - Skuad hoki lelaki dan wanita Daerah Brunei-Muara berjaya memamerkan permainan cemerlang apabila mereka merangkul kedua-dua pingat emas acara hoki Pesta Sukan Remaja Pertama dengan menumpaskan Daerah Belait dan Daerah Temburong dalam perlawanan akhir di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Skuad wanita yang berhadapan dengan Daerah Temburong tidak menghadapi banyak masalah menyingkirkan daerah itu dengan kemenangan besar 5 - 0 melalui Bibina Tuty Umaira Haji Abdul Hamid menjaringkan tiga gol, manakala Nida'ul Aqilah Haji Md. Yassin dan Masnuraiza Md. Zaini masing-masing satu gol.

Di separuh masa pertama, Daerah Brunei dan

Oleh Haji Ahat HI
Gambar-gambar oleh Hamadi HM

Muara mendahului 2 - 0 hasil jaringan Nida'ul Aqilah dan Bibina Tuty Umaira dari sudut penalti.

Kemudian di separuh masa kedua, Daerah Brunei-Muara memanfaatkan kelemahan Daerah Temburong dengan jaringan ketiga juga melalui Bibina Tuty Umaira dari sudut tepi hantaran Zalehani Haji Lakim.

Tidak cukup dengan sumbangan dua jaringan itu, Bibina Tuty Umaira menambahkan lagi jaringan keempat dari gerakan tengah dan terus masuk menewaskan penjaga gol Daerah Temburong, Linda Osman.

Selepas ketinggalan 4 - 0, Daerah Temburong banyak bertahan dari menyerang dan kesempatan itu memberi ruang barisan Daerah Brunei-Muara melakukan bunyak percubaan yang membuahkan jaringan kelima oleh Masnuraiza Md. Zaini melalui percubaan dari tepi.

Sedang barisan wanita begitu mudah meratah Daerah Temburong, barisan lelaki pula terpaksa bertarung dengan Daerah Belait hingga ke penentuan penalti selepas kedua-dua pasukan gagal menjaringkan sebarang gol hingga tamat permainan.

Dalam menentukan pemenang melalui pukulan itu, Daerah Brunei-Muara berjaya menjaringkan tiga gol dan Daerah Belait satu gol. Pasukan lelaki dan wanita Daerah Tutong pula merangkul pingat gangsa.

Belait dapat emas dari ping pong

GADONG, 5 Julai. - Pemain perseorangan wanita Daerah Belait, Foo Su Shan berjaya merebut sebutir dari empat butir pingat emas acara ping pong Pesta Sukan Remaja Pertama selepas menewaskan peserta Daerah Brunei dan Muara, Ang Bee Ting dalam perlawanan akhir di Kompleks Sukan Mengliat.

Pada perlawanan itu, Foo hanya menghadapi tentangan sengit dari Ang dalam set pertama dengan kedudukan mata kedua pemain sering berkejaran sebelum berakhir 11 - 7.

Dalam set kedua pula, Ang memulakan permainan berhati-hati dengan mengatasi tiga mata di depan, namun pada pertengahan permainan, beliau banyak melakukan kesilapan sehingga Foo pula berjaya mengatasinya hingga tamat permainan 11 - 6.

Menyedari sudah ketinggalan dua permainan, Ang bermain lebih berhati-hati, namun pemain dari Daerah Belait itu nampak lebih menyerlah dengan mencatatkan kemenangan ketiga 11 - 5 bagi merangkul emas, manakala pingat gangsa dimenangi oleh Stephanie Liew.

Tiga pingat emas daripada acara itu pula dikuasai oleh pemain-pemain Daerah Brunei dan Muara melalui Awangku Mohd.

Sufian Pengiran Haji Ibrahim yang menewaskan pemain Daerah Belait, Tay Ching Siong 11 - 9, 5 - 11, 11 - 9, 11 - 8 dan 12 - 10 dalam perseorangan lelaki.

Pasangan wanita Daerah Brunei dan Muara, Stephanie/Ang Bee Ting menundukkan pasangan Daerah Belait, Foo Su Shan/Serena Dato Paduka Dr. Mat Suni 11 - 3, 4 - 11, 11 - 9 dan 11 - 9.

Sementara dalam acara berpasangan lelaki, pasangan Awangku Sufian Pengiran Ibrahim/Halim Adi menewaskan pasangan Belait, Tay Ching Siong/Chong Khai Loong dengan 11 - 9, 6 - 11, 11 - 4 dan 11 - 9.



KAWAL ... Pemain Temburong (jersi cerah) mengawal bola daripada direbut oleh pemain Daerah Brunei-Muara dalam Perlawanan Akhir Hoki Wanita yang berkesudahan Daerah Brunei-Muara menang 5 - 0.



PASUKAN bergu Daerah Brunei-Muara, Awangku Sofian dan Halim Adi (jersi gelap) berjaya merangkul pingat emas selepas menumpaskan pasangan Daerah Belait, Tay Ching Siong/Chong Kai Loong 11 - 9, 6 - 11, 11 - 4 dan 11 - 9.

Impian emas tidak kesampaian

BERAKAS, 5 Julai. - Hasrat Daerah Brunei dan Muara untuk merangkul pingat emas acara bola

sepak di Pesta Sukan Remaja Pertama tidak kesampaian selepas Daerah Belait menundukkan Da-

erah Temburong 4 - 2 dalam pertemuan di padang dan balapan.

Daerah Belait juga memerlukan kemenangan ke atas Daerah Temburong dalam pertemuan itu untuk merangkul pingat emas, selepas menang sekali dan seri sekali dengan empat mata, manakala Daerah Brunei dan Muara menang dua kali dan kalah sekali memperoleh enam mata.

Namun nasib tidak menyebelahi dan Daerah Belait mengatasi Daerah Temburong dan Daerah Brunei dan Muara yang mengharapkan Daerah Belait tewas, terpaksa menelan keputihan dengan hanya berpuas hati mendapat pingat perak.

Di awal permainan, Daerah Temburong memulakan permainan dengan mendahului Daerah Belait 1 - 0 hasil rembatan kencang Zaini Awat yang mendapat umpan tinggi dari Mardi Akim.

Selang beberapa minit, penyerang Mohd. Khairul Azmi menyamakan kedudukan 1 - 1

selepas bola sepakan Suhadi Timbang terkena palang, melantun depan pintu gol dan terus dirembat masuk oleh Mohd. Khairul Azmi.

Jaringan penyamaan itu tidak mematahkan semangat juang barisan Daerah Temburong untuk terus membalas setangan yang kemudiannya membuahkan gol kedua melalui percubaan Alim anak Nisau.

Daerah Belait yang sudah ketinggalan 2 - 1 bangkit lebih agresif melakukan beberapa percubaan yang membuahkan hasil penyamaan 2 - 2 melalui usaha Fairul Junit.

Selepas jaringan itu Fairul Junit sekali lagi menambahkan jaringan ketiga Daerah Belait untuk mengatasi 3 - 2, apabila bola hantaran leret Mohd. Arman ditolak masuk mengatasi kawalan penjaga gol, Zulamri Haji Emran.

Ketinggalan 3 - 2, Daerah Temburong cuba bangkit melakukan tiga serangan mengejut melalui Haiya Tojoh.



MENGASAK ... Skuad Daerah Temburong melakukan serangan dekat pintu gol Daerah Belait.

Kejohanan Semi Marathon 2002 anjuran Rapid Service Associates

RAPID Service Associates akan menganjurkan Kejohanan Semi Marathon Terbuka 2002 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Wa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56.

Kejohanan bertujuan antara lain untuk memberikan galakan kepada orang ramai untuk meminati sukan larian seperti semi marathon, mendukung untuk memajukan sukan negara terutama bagi rakyat negara ini, di samping memupuk ke arah sebuah masyarakat dan keluarga yang harmoni, bersatu padu dan sihat.

Kejohanan akan diadakan pada 18 Ogos 2002 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas bermula jam 7.15 pagi. Penyertaan dibukakan kepada orang ramai termasuk warga asing dan para pelancong yang berada di negara ini.

Lima kategori akan dipertandingkan iaitu Lelaki Terbuka, Lelaki Veteran 50 Tahun Ke Atas, Wanita Terbuka dan Lelaki Remaja dan Perempuan Remaja yang berumur di antara 12 tahun hingga 16 tahun sahaja.

Borang penyertaan dan keterangan lanjut boleh diperolehi di Tingkat Satu, Bangunan Halimatul Saadah, Jalan Gadong. Tarikh tutup menghantar borang penyertaan ialah pada 18 Julai 2002 jam 4.00 petang.

ARENA SUKAN

Pesta Sukan Remaja lahirkan atlet berpotensi

BERAKAS, 29 Jun. - Hampir seribu peserta dari seluruh daerah melibatkan diri dalam Pesta Sukan Remaja kali pertama kelolaan Jabatan Belia dan Sukan.

Pesta sukan yang berlangsung selama lapan hari bermula hari ini mempertandingkan sebanyak sembilan acara sukan berkontinjen yang disertai oleh kontinjen dari Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong yang mengkhususkan para belia di negara ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pesta Sukan Remaja, Awang Haji Mohammad dengan terbentuknya sukan seperti itu akan dapat

Oleh Abu Bakar HAR

melahirkan atlet negara yang berpotensi, di samping dapat memartabatkan sukan di negara ini ke tahap yang lebih tinggi khususnya di peringkat serantau dan antarabangsa.

Menteri Perhubungan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria hadir merasmikan sukan tersebut yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Acara pembukaan rasmi sukan itu bermula dengan perbarisan berjalan lalu oleh para peserta diikuti dengan pasukan pembawa bendera diiringi persembahan Pancaragam Serunai dan Tambur, Jabatan Penjara.

Sejurus selepas itu, Yang Berhormat selaku tetamu kehormat di majlis itu telah diperkenalkan dan seterusnya menyampaikan cenderahati kepada setiap ketua kontinjen yang mengambil bahagian.

Majlis pembukaan itu juga telah diserikan dengan persembahan seni mempertahankan diri oleh pelatih skim-skim remaja, Jabatan Belia dan Sukan dan sebelumnya bacaan ikrar telah dibaca-

kan secara beramai-ramai.

Antara acara sukan yang dipertandingkan ialah badminton, bola sepak, bola jaring, hoki, karatedo, lumba basikal, olahraga, ping pong dan sepak takraw.

Pertemuan sukan seumpama ini tentunya akan dapat mencungkil bakat sukan di kalangan atlet remaja untuk diserapkan dalam perancangan jangka panjang terutama dalam rancangan pembangunan dan kemajuan sukan remaja yang ber-sistematik dan strategik bagi melahirkan atlet-atlet muda untuk mewakili negara dalam mana-mana kejohanan sama ada serantau mahupun antarabangsa.

Kejohanan Olahraga Sekolah-sekolah ASEAN

BRUNEI RAIH SATU GANGSA

HASRAT untuk mengutip seberapa banyak pingat yang mungkin tidak kesampaian bagi Pasukan Sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam di Kejohanan Sukan Olahraga Sekolah-sekolah ASEAN Ke-26 dengan hanya berpuas hati satu pingat gangsa.

Di kejohanan kali ini Thailand menjadi juara dengan kutipan 15 pingat emas, 17 perak dan 8 gangsa, manakala Malaysia di tempat kedua dengan 14 emas, 14 perak dan 11 gangsa dengan Republik Indonesia tempat ketiga dengan empat emas, tiga perak dan lima gangsa.

Bagi Pasukan Sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam pingat tunggal gangsa diperolehi melalui Mohd.

Oleh
Abdullah Asgar
Gambar-gambar
oleh Abdullah HAD

Aidil Herman bin Samion bagi acara 5,000 kilometer lumba jalan kaki lelaki.

Sukan dua hari tersebut ditutup rasmi oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Tempat keempat ialah Republik Singapura dengan kutipan pingat tiga emas, satu perak dan lima gangsa, Vietnam di tangga kelima dengan mengutip satu perak dan tiga gangsa sementara Negara Brunei Darussalam hanya memperolehi satu

pingat gangsa.

Di kejohanan kali ini beberapa rekod baru telah dibuat antaranya dalam acara 100 meter perempuan oleh pelumba Malaysia, Perta Nabila binti Mustapa dengan catatan 11.94 saat mengatasi rekod lama oleh Irene Joseph pada 1996 dengan 14.10 saat.

Beliau juga dianugerahkan hadiah peserta perempuan terbaik kerana mengutip tiga pingat emas melalui acara 100, 200 dan 100 x 4 meter manakala bagi peserta lelaki dianugerahkan kepada peserta Thailand, Suradech Junlamai yang juga mengutip tiga pingat emas.

Sementara, Thailand juga juara bagi peserta lelaki. Hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat.

Ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah dari kejohanan kali ini dikendalikan oleh Jabatan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani menyampaikan piala kepada peserta lelaki terbaik dalam Sukan Olahraga Sekolah-sekolah ASEAN Ke-26 kepada peserta Thailand, Suradech Junlamai yang berkaya mengutip tiga emas.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Norsiah bergambar kenangan bersama para pemenang salah satu acara olahraga.



PARA peserta dari sekolah-sekolah ASEAN ketika mengambil bahagian dalam acara lumba lari (kiri) dan lompat pagar bagi peserta lelaki (kanan).

PARA peserta yang memenangi salah satu acara olahraga menerima pingat dari tetamu terdiri dari pegawai kanan Kementerian Pendidikan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watikah perlintikan Duta Besar Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama U Thet Win (kiri) dan Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Drs. Yusbar Djamil (kanan). - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



Berkenan kurnia, menerima watikah perlintikan

Dari muka I

Terdahulu, ketibaan kedua-dua orang bakal duta asing di perkarangan Istana Nurul Iman disambut dengan perbarisan kawalan kehormatan 26 orang anggota Kompeni C, Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di bawah perintah Leftenan Mohd. Salehudin bin Dato Paduka Haji Puasa.

TYT Dato Paduka

Awang Haji Yahya sebelum ini adalah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, TYT juga pernah dilantik menjadi Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand.

Manakala Puan Yang Terutama Dayang Hajah Maimunah sebelum ini adalah Pengarah Politik 1, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Puan Yang Terutama yang mula dilantik sebagai Pegawai Diplo-

matik di Jabatan Perkhidmatan Diplomatik dalam bulan Mac 1983 pernah menjadi Timbalan Pengarah Jabatan Penyelidikan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sementara Tuan Yang Terutama U Thet Win, 57 tahun, adalah bekas Pengarah Ageng Jabatan Perwakilan-perwakilan Asing Myanmar Di Seberang Laut, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan pernah menjadi Atase Tentera Kesatuan Myan-

mar di Amerika Syarikat.

Manakala Tuan Yang Terutama Drs. Yusbar Djamil, 60 tahun, adalah bekas Pengarah Hal Ehwal Asia dan Pasifik, Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri. TYT pernah bertugas selaku Timbalan Ketua Perwakilan/Menteri ke European Community (sekarang European Union) dan Minister Counsellor Bagi Hal Ehwal Politik Kedutaan Besar Republik Indonesia di Manila.

Kebawah DYMM hantar perutusan tahniah kepada Presiden A.S.

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama George W. Bush, Presiden Amerika Syarikat bersempena Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak

sekitan lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Amerika Syarikat. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama George W. Bush, Presiden Amerika Syarikat sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Amerika Syarikat akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Wujudkan budaya kerja yang berwawasan

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 4 Julai. - Budaya dan nilai kerja yang positif yang diamalkan dengan ikhlas adalah penting diwujudkan dalam menghadapi cabaran dan perubahan untuk mencapai dan menikmati kemajuan yang lebih besar di masa hadapan.

"Kita hendaklah sentiasa mengukuhkan perpaduan sebagai tonggak kemajuan dalam menghadapi perubahan dan cabaran yang semakin hebat dan kompleks," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula di Majlis Penutup Bengkel Strategi Meningkatkan Kualiti Pelaksanaan Rancangan dan Daya Kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Beliau berharap agar bengkel itu dihasratkan untuk mewujudkan budaya dan nilai kerja yang berwawasan, bermatlamat, ber-sistematis, bermutu tinggi

dan semangat perpaduan dalam penyediaan dan pelaksanaan rancangan program projek dan perkhidmatan bagi pembangunan dan perkembangan dan kegigihan syiar agama Islam dan ummah di Negara Brunei Darussalam.

Katanya, sebagai ejen penggerak jentera pentadbiran dalam organisasi masing-masing, setiap ketua pejabat, penolong, pegawai kanan atau unit hendaklah sentiasa menilai semula prestasi organisasi, pengetahuan, kemahiran, sikap dan budaya kerja masing-masing dan memperbaiki tindakan bagi mencapai hasil dalam menuju ke arah pentadbiran yang cemerlang.

"Semua jentera hendaklah sentiasa memberikan kerjasama yang erat dan padu kepada kementerian

dan jabatan serta bekerja sebagai satu pasukan dengan sentiasa meningkatkan daya usaha yang positif serta sentiasa memperbaiki kualiti perkhidmatan produktiviti masing-masing," jelasnya.

Setiausaha bengkel, Awang Haji Abu Bakar pula berkata tahap pencapaian kualiti bagi sesebuah organisasi boleh dinilai melalui tahap kepimpinan, penggunaan data dan maklumat, proses perancangan strategik, penggunaan sumber manusia, kepastian, kualiti output, penghasilan projek-projek peningkatan kualiti dan tahap kepuasan hati pelanggan.

Katanya, kecemerlangan yang berterusan hanya wujud kepada organisasi yang sentiasa peka kepada perubahan di mana mereka berupaya mengalih haluan dengan cepat dan mengemblem usaha secara tersusun serentak dengan arus perubahan.

"Di sinilah pentingnya setiap organisasi sentiasa kritis terhadap hubungannya dengan persekitaran dan sentiasa menyoal tentang relevannya usaha mereka dengan apa yang berlaku sekeliling," jelasnya.

Bengkel tersebut bertujuan bagi membolehkan peserta-peserta bengkel berbincang, bertukar-tukar fikiran dan menghasilkan satu strategi pelaksanaan yang lengkap dan kemaskini untuk mencapai visi Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Para peserta juga berkesempatan meningkatkan kecemerlangan pelaksanaan rancangan secara berterusan, mengenal pasti 'prioriti' rancangan-rancangan terutama bagi membangun ummah dan meningkatkan perkhidmatan ummah, di samping bagi mewujudkan budaya kerja yang bermatlamat.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam, Penaung Persatuan KACA berkenan menyaksikan pameran gambar-gambar aktiviti Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) sejak penubuhannya. Pameran tersebut sempena bengkel yang diadakan oleh persatuan itu yang berlangsung di Centrepoin, Gadong. Berangkat sama di majlis itu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna. (Berita lanjut muka 1 dan 4).

RAJA BERDAULAT NEGARA SEJAHTERA

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

GERAKAN Koperasi di Daerah Brunei dan Muara yang mula ditubuhkan sekitar tahun 1976 iaitu sejak 25 tahun lalu telah memperlihatkan perkembangan dan kemajuan dengan mempelbagaikan kegiatan ekonomi termasuk sektor perkhidmatan pengguna seperti stesen minyak, sektor pengangkutan seperti bas awam dan sekolah, pertanian, perkhidmatan keselamatan, pendidikan (sekolah) dan perkhidmatan serbaguna.

Koperasi pertama didaftarkan di daerah ini pada 23 Februari 1976 ialah Syarikat Kerjasama Kampong Lumapas (KEKAL) Dengan Tanggungan Berhad. Kini bilangan koperasi telah meningkat kepada 89 buah dengan jumlah keahlian mencapai 10,200 orang, kumpulan modal sekitar \$10.4 juta, manakala belian berjumlah \$10.1 juta dan keuntungan bersih sebanyak \$1.51 juta.

Pencapaian terkini yang membanggakan ialah bertambahnya bilangan koperasi di mana kita dapat menyaksikan kebangkitan gerakan koperasi di peringkat kampung ke mukim, bandar ke sekolah, maktab, universiti dan ke jabatan-jabatan kerajaan.

Dalam mewujudkan kesinambungan pencapaian dan kejayaan yang telah ditunjukkan oleh koperasi-koperasi di daerah ini, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) mempunyai misi dan peranan yang proaktif di dalam usaha-usaha untuk menyatupadukan koperasi-koperasi dalam bentuk rangkaian kerjasama perniagaan yang lebih erat atau 'networking' supaya ia akan lebih kuat dan dapat bersaing dengan sektor-sektor swasta yang lain.

Menoleh ke belakang, pada masa ini kita melihat kesan kemajuan koperasi amat nyata dengan bertambahnya bilangan koperasi yang telah menjalankan pelbagai kegiatan dan fungsi di samping pertambahan modal dan harta, begitu juga keuntungan-keuntungan yang diperolehi semakin meningkat dari masa ke semasa.

Sehubungan itu, sambutan Jubli Perak Gerakan Koperasi bagi Daerah Brunei dan Muara telah diadakan bagi memperingati genapnya usia 25 tahun gerakan koperasi di Daerah Brunei dan Muara selain untuk memberikan pengiktirafan kepada pemimpin-pemimpin koperasi serta mengenang jasa-jasa mereka di atas sumbangan yang telah mereka berikan terhadap perkembangan dan kemajuan koperasi di daerah ini.

Dalam usaha mempertingkatkan lagi mutu koperasi terutamanya memberikan sumbangan terhadap ekonomi negara, pemimpin-pemimpin koperasi merupakan orang yang terpenting berperanan dalam memajukan serta mempertingkatkan lagi koperasi berkenaan. Mereka berperanan memikirkan sejauh manakah kejayaan koperasinya sendiri khususnya dan gerakan koperasi amnya. Kejayaan-kejayaan yang dimaksudkan itu ialah kejayaan-kejayaan koperasi dalam mencapai matlamat selaras dengan falsafah dan akta koperasi.

Seperti yang kita telah sedia maklum, koperasi adalah sebuah organisasi yang membekalkan keperluan-keperluan ekonomi kepada anggotanya yang terdiri daripada pengguna dan pengeluar, di samping merupakan alternatif untuk melepaskan diri daripada penindasan dalam perniagaan. Oleh yang demikian kita hendaklah meletakkan koperasi di atas matlamat yang sebenar untuk memperolehi pencapaian yang cemerlang.

Pengawasan harus dipertingkatkan terutamanya terhadap kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan hakikat tersebut dan jangan hendaknya nanti disalahgu-

nakan oleh orang yang mengambil kesempatan.

Bagi menghargai kejayaan yang telah dicapai selama 25 tahun itu, penghargaan kepada pemimpin-pemimpin koperasi juga diadakan. Ia dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Anugerah Emas bagi pemimpin-pemimpin yang telah berkhidmat berterusan selama 15 - 25 tahun ke atas, Anugerah Perak bagi pemimpin-pemimpin koperasi yang berkhidmat 10 tahun hingga 14 tahun ke atas dan Anugerah Gangsa bagi pemimpin-pemimpin koperasi yang telah berkhidmat selama lima hingga sembilan tahun ke atas. Seramai 84 pemimpin telah menerima Anugerah Emas, 60 orang penerima Anugerah Perak dan 81 orang menerima Anugerah Gangsa.

Melalui pengiktirafan tersebut, diharapkan akan dapat dijadikan sebagai asas dorongan dan kepercayaan dalam memimpin gerakan koperasi kerana kepimpinan adalah penting untuk memandu arah tuju koperasi supaya ia terus hidup, bertahan lama, berdaya saing dan terus berkembang maju.

Hasrat murni ini tidak akan dapat dicapai dan dilaksanakan dengan jayanya tanpa adanya kerjasama daripada semua pihak, baik agensi kerajaan mahupun sektor koperasi. Ke arah itu semua pihak diseru agar akan dapat berganding bahu, bekerjasama demi masa depan koperasi selaras dengan usaha untuk meningkatkan sumbangan yang lebih berkesan dan bermakna kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Ini selaras dengan ikrar yang dilafazkan oleh ahli-ahli koperasi yang antara lain menyebut taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda, menjunjung tinggi dan menghayati falsafah negara Melayu Islam Beraja yang bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah, patuh melaksanakan kehendak dasar-dasar kerajaan, undang-undang, peraturan-peraturan

MENGIMBAU KEJAYAAN KOPERASI

OLEH AWANGKU JEFFERI PD

dan tambahan peraturan koperasi dengan penuh jujur, ikhlas, amanah dan bijaksana.

Mereka juga berikrar untuk bertanggungjawab serta memelihara dan mengamalkan dengan teguh prinsip-prinsip koperasi yang diiktiraf oleh Ikatan Koperasi Antarabangsa, peka akan pertumbuhan, perkembangan

serta menghayati dinamisme berkoperasi. Selain itu mereka juga komited memelihara dan berusaha mewujudkan perpaduan, meningkatkan kecemerlangan dan kemajuan koperasi sebagai sebuah organisasi sosioekonomi yang mapan, berdaya saing ke arah menyumbang kepada kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara.

DALAM mewujudkan kesinambungan pencapaian dan kejayaan yang telah ditujukan oleh koperasi-koperasi di daerah ini, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) mempunyai misi dan peranan yang proaktif di dalam usaha-usaha untuk menyatupadukan koperasi-koperasi dalam bentuk rangkaian kerjasama perniagaan yang lebih erat atau 'networking' supaya ia akan lebih kuat dan dapat bersaing dengan sektor-sektor swasta yang lain.



PENOLONG Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin ketika menyampaikan anugerah penghargaan kepada seorang penerima yang bergiat aktif dalam kepimpinan koperasi. - Gambar oleh Hamadi HM.

Sastera & Budaya

PENGENALAN

KAJIAN ini merupakan satu kajian ringkas mengenai Bahasa Murut khasnya di Mukim Bokok, Daerah Temburong dan aspek linguistik yang ingin ditinjau dalam bahasa ini adalah aspek fonologi. Dalam kajian yang serba kekurangan ini, pengkaji cuba menggambarkan bunyi-bunyi fonem konsonan, fonem vokal dan diftong yang terdapat dalam penutur jati puak Murut di Mukim Bokok. Sebelum membincangkan lebih lanjut mengenai tajuk ini, ada lebih baiknya kita mengetahui lokasi sebenar kawasan kes kajian ini dijalankan. Kes kajian ini dijalankan di Daerah Temburong iaitu Mukim Bokok.

LATAR BELAKANG MUKIM BOKOK

Mukim Bokok mempunyai keluasan 136 km (52.5 batu persegi) daripada keluasan keseluruhan Daerah Temburong 1,304 km persegi (503.4 batu persegi) iaitu berada di kawasan sebelah Selatan dan Tenggara Daerah Temburong dan dipisahkan dengan Daerah Limbang (bahagian kelima Sarawak) oleh Sungai Pandaruan, juga merupakan pintu masuk yang terbuka dan perlu dikawal rapi demi keperluan keselamatan. Mukim Bokok dijawab oleh seorang Penghulu iaitu Haji Mohd. Salleh bin Bongsu.

NAMA-NAMA KAMPON DALAM MUKIM BOKOK

1. Kampong Bokok	10. Kampong Belais
2. Kampong Meniup	Besar (Belais Jaga)
3. Kampong Bekarut	11. Kampong Buda-Buda
4. Kampong Simbatang	12. Kampong Kenua
5. Kampong Paya	13. Kampong Lepong
Bagangan	Lama
6. Kampong Rataie	14. Kampong Lepong Baru
7. Skim Tanah Kurnia	15. Kampong Semabat
Rakyat Jati, STKRJ	16. Kampong Semabat
8. Kampong Perpindahan	Bahagia
Rataie	17. Kampong Temada
9. Kampong Belais Kecil	18. Kampong Bukit
	Meriam

Sumber: Profile Mukim & Kampung Daerah Temburong 1999

Dalam Mukim Bokok terdapat juga apa yang dikatakan kampung dalam kampung yang bermaksud dalam sebuah kampung mempunyai beberapa kampung di bawahnya. Kampung-kampung yang dikatakan kampung dalam kampung seperti berikut:

- Kampung Bokok : Kampung Bekarut, Kampung Simbatang dan Kampung Paya Bagangan.
- Kampung Rataie : S.T.K.R.J dan Perpindahan Rataie
- Kampung Lepong Baru : Kampung Lepong Lama, Kampung Lepong Baru, Kampung Semabat, Kampung Semabat Bahagia dan Kampung Temada.

LATAR BELAKANG ORANG MURUT

Kira-kira 70 peratus daripada penduduk negara ini adalah rakyat jati atau 'rakyat mutlak undang-undang'. Mereka ini terdiri daripada tujuh puak rumpun Melayu yang ditakrifkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei sebagai puak Melayu Brunei, Kedayan, Dusun, Murut, Bisaya, Tutong dan Belait. Jadinya puak Murut adalah termasuk puak rumpun Melayu di Brunei.

Dari segi sejarah awal puak Murut dapat kita ketahui dalam sastera lisan Syair Awang Semaun dan beberapa kawasan penempatan mereka dahulunya seperti Pulau Baru-Baru, Bukit Sibang dan Garang yang masih wujud sehingga sekarang.

Perkataan Murut bermaksud orang bukit. Nama Murut bukan saja ditemui di Brunei, tetapi ditemui juga di Sarawak, Sabah dan di sempadan Kalimantan, Di Brunei Murut merujuk kepada orang Lun Bawang. Di Sarawak, Murut merujuk kepada Lundayeh, Lun Lod dan Lun Bawang. Manakala di Sabah selain daripada merujuk kepada orang Lun Bawang, Lun Dayeh ia juga merujuk kepada beberapa rumpun Murut yang lain yang dikenali dengan nama Murut Sabah.

BAHASA MURUT DI BRUNEI

Bahasa Murut adalah bahasa yang dituturkan oleh puak Murut yang tinggal di Daerah Temburong, seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, puak Murut merupakan salah satu dari tujuh Puak Melayu Jati Brunei.

Menurut Norsharita bahawa kemungkinan besar bahasa Murut jenis Murut Temburong adalah dari sub-keluarga

Kajian Fonologi Bahasa Murut di Mukim Bokok Temburong

OLEH HAMRIN

Bahasa Murut Sarawak iaitu Lun Dayeh, Lun Lod. Manakala perkataan Murut itu sendiri, beberapa pendapat mengatakan bahawa ia bukan ciptaan orang Murut sendiri. Ia dipercayai diberi oleh orang luar atau oleh orang Melayu Brunei. Asmah menyatakan gelaran Murut adalah diberi oleh orang luar dan mengambil sempena nama Gunung Murud iaitu tempat orang-orang Lun Bawang banyak ditemui. Secara kesimpulan bahawa nama Murut itu belum begitu pasti asalnya.

Bahasa Murut yang dituturkan di Brunei adalah Bahasa Murut dialek Lun Bawang. Lun bererti orang. Perkataan Bawang sendiri mempunyai beberapa erti iaitu negeri, bandar, kampung atau tempatan. Jadinya Lun Bawang bererti orang negeri, orang bandar, orang kampung atau penduduk tempatan. Dari segi sejarahnya, Puak Lun Bawang di Brunei ini dipercayai berasal dari Daerah Limbang, Sarawak. Penghijrahan orang-orang Lun Bawang ke Brunei dipercayai bermula ketika pemerintahan Awang Alak Betatar.

JUMLAH PENUTUR

Tidak terdapat statistik yang khusus bagi menunjukkan jumlah penutur bahasa Murut di Brunei. Walau bagaimanapun, dianggarkan penuturnya tidak melebihi daripada 1,500 orang manakala penduduk puak Murut berjumlah hampir 1,000 orang. Dahulunya mereka tinggal di rumah-rumah panjang bersama keluarga lain tetapi cara hidup mereka sekarang telah mengubah kebiasaan tersebut.

KEPERCAYAAN

Dahulunya puak Murut hanya mempercayai pada roh-roh dan benda-benda yang ghaib. Mereka amat patuh pada pantang larang atau tabu yang mereka namakan bian. Merka percaya sesuatu yang baik atau buruk itu bergantung pada bian atau tabu. Tetapi pada masa sekarang hampir semua orang-orang Murut termasuk informen yang ditemubual memeluk agama Kristian tetapi masih mengamalkan kebudayaan mereka. Jadi segala kepercayaan ini telah mereka tinggalkan.

KAWASAN KAJIAN

Pengkaji telah membuat kajian di satu kawasan di Temburong iaitu di Mukim Bokok. Apa yang didapati bahawa penutur jati bahasa Murut hanya sejumlah dua keluarga saja di mukim tersebut tetapi penutur ini adalah berasal dari mukim lain dan menetap di Mukim Bokok iaitu di Kawasan Skim Kurnia Rakyat Jati Kampong Rataie selama lebih kurang 10 tahun. Kebanyakan orang-orang Murut ramai yang tinggal di Kampong Negalang, Kampong Batu Apoi, Kampong Parit dan Kampong Senukoh.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mendedahkan pengkaji ke lapangan yang sebenar untuk mengetahui bahasa ini dan jumlah penuturnya di Mukim Bokok.

Selain daripada itu juga diharap dapat sedikit sebanyak menyelamatkan bahasa ini dari pupus. Seperti yang kita maklum penutur bahasa ini adalah terlalu sedikit dan tidak ramai yang menuturkan termasuk keluarga informen sendiri.

FONOLOGI


Menurut Abdullah Hassan, Fonetik adalah mengkaji bunyi bahasa dari penyebutan, pendengaran atau sifatnya manakala Fonologi pula mengkaji bunyi-bunyi yang berfungsi dalam sesuatu bahasa itu.

Untuk mengetahui fonem-fonem vokal, konsonan dan diftong bagi penutur puak Murut maka pengkaji telah menyediakan 200 senarai kata-kata bahasa Melayu dalam daftar kata Swadesh secara sistematik. Penutur ini akan menuturkan dalam bahasanya iaitu bahasa Murut

mengikut dari kata-kata dalam daftar kata dan pengkaji mendengar sambil merakam penyebutannya dalam alat perakam. Selepas itu barulah pengkaji membuat transkripsi serta membuat carta-carta untuk menentukan bahagian vokal, konsonan dan diftong. Apa yang diperolehi dari transkripsi ini adalah berdasarkan dari 200 kata-kata dalam daftar kata Swadesh.

VOKAL

Deskripsi bunyi vokal bergantung kepada kualiti bunyi yang keluar dari mulut, iaitu tertakluk kepada keadaan rongga mulut. Apa yang berlaku ialah lidah diturun-naikkan untuk mengawal saiz rongga mulut. Begitu juga rongga rengkung dapat dikawal menjadi besar atau kecil. Penggabungan ciri-ciri inilah yang dapat menghasilkan bunyi vokal.¹²



Rajah 1: Vokal Bahasa Murut di Mukim Bokok

CARTA VOKAL

Vokal	Awal	Tengah	Akhir
Depan /i/	/inib/	/tinac/	/megeni/
	/iko/	/niar/	/keli/
Depan /e/	/empuk/	/keli/	/atac/
	/eppa/	/nerawel/	/nerawel/
Depan /a/	/abuh/	/nuab/	/tinua/
	/atac/	/rudak/	
Tengah/e	-	-	-
Belakang/u	/uic/	/nuab/	/tekilu/
	/uko/	/rudak/	/susu/
Belakang/o	-	/iyor/	/mado/
		/sinapon/	/iko/

Rajah 1: Vokal bahasa Murut di Mukim Bokok berdasarkan daftar kata Swadesh.

Daripada carta di atas menunjukkan fonem vokal/ɐ/ adalah tidak hadir dalam pertuturan bahasa Murut berdasarkan kata-kata dalam daftar kata Swadesh. Jadinya vokal bahasa Murut di Mukim Bokok hanya mempunyai lima fonem iaitu /i/, /e/, /a/, /u/ dan /o/. Kesemua fonem yang dimaksudkan hadir di semua kedudukan kata iaitu di awal, di tengah dan di akhir kata kecuali fonem vokal /o/ tidak hadir di awal kata. Menurut Norsharita, vokal bahasa Murut di Daerah Temburong mempunyai enam vokal iaitu selain daripada vokal yang ada di atas. Vokal /ɐ/ juga termasuk. Ini berkemungkinan oleh kualiti bunyi dari alat perakam dan pendengaran si pengkaji yang tidak memuaskan menyebabkan kurang jelas dengan bunyi vokal /ɐ/.

KONSONAN

Bunyi konsonan adalah bunyi-bunyi yang dihasilkan dengan sekatan, penyempitan atau gangguan dari alat artikulasi. Ini bermakna ketika menghasilkan bunyi udara yang keluar dari paru-paru menerima sekatan, sempitan atau geseran semasa ia melalui rongga mulut, tekak atau rongga hidung, dengan keadaan langit lembut dan anak tekak mungkin dinaikkan atau diturunkan.

Terdapat beberapa faktor yang ikut mempengaruhi di dalam menghasilkan bunyi konsonan, iaitu faktor artikulator dan titik artikulasi. Selain daripada itu terdapat pelbagai bunyi konsonan seperti letupan, letusan, nasal, geseran, getaran dan sisan.

9.1. Ekskursion konsonan berdasarkan penutur

Artikulasi	Bibir	Lidah	Langit Lembut	Langit Keras	Glottis
Letupan tak bersuara	✓	✓	✓	✓	✓
Letupan bersuara	✓	✓	✓	✓	✓
Letusan tak bersuara	✓	✓	✓	✓	✓
Letusan bersuara	✓	✓	✓	✓	✓
Geseran tak bersuara	✓	✓	✓	✓	✓
Geseran bersuara	✓	✓	✓	✓	✓
Getaran tak bersuara	✓	✓	✓	✓	✓
Getaran bersuara	✓	✓	✓	✓	✓
Getaran tak bersuara	✓	✓	✓	✓	✓
Getaran bersuara	✓	✓	✓	✓	✓

FONEM-FONEM KONSONAN BAHASA MURUT

Konsonan ini mempunyai ciri-ciri tertentu mengikut kedudukannya sama ada di awal kata, di tengah kata ataupun di akhir kata.

i. Letupan bibir tak bersuara /p/

Letupan /p/ yang tidak bersuara ini didapati wujud di awal, tengah dan di akhir kata seperti dalam contoh-contoh di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/p/	/perait/	/nepel/	/nirup/
	/pat/	/lapod/	/natap/
	/perait/	/nepak/	

ii. Letupan bibir bersuara /b/

Fonem ini pun wujud di awal, tengah dan akhir kata seperti contoh di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/b/	/buruk/	/kabin/	/nukab/
	/batuh/	/labo/	

iii. Letupan gusi tak bersuara /t/

Fonem ini wujud dalam kedudukan iaitu di awal, tengah dan di akhir kata. Lihat contoh-contoh di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/t/	/tica/	/metedem/	/kakut/
	/tinua/	/mabata/	/pat/
	/tekilu/		

iv. Letupan gusi bersuara /d/

Letupan gusi bersuara /d/ ini didapati wujud di awal, tengah dan di akhir kata seperti dalam contoh-contoh di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/d/	/dalan/	/madil/	/mukud/
	/duan/	/idenah/	/meped/

v. Letupan langit lembut tak bersuara /k/

Fonem ini seperti kebanyakan fonem lain wujud di awal, tengah dan akhir kata. Perhatikan contoh-contoh yang disenaraikan di bawah.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/k/	/kabin/	/kakut/	/melemek/
	/kakut/	/tekilu/	/ta'ak/

CAMAH MATA JEJASKAN KESELAMATAN NEGARA

MARILAH kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh khusyuk, tawaduk dan rasa nikmat di mana perilaku, tindakan, perbuatan dan perkataan kita boleh mencerminkan hakikat sebenar kepada kehendak takwa yang ditunaikan.

Sesungguhnya agama Islam amat menitikberatkan supaya umatnya dapat mempunyai hemah yang tinggi dan akhlak yang mulia. Dengan itu barulah kita akan dipandang tinggi dan dihormati. Adapun di antara akhlak yang mulia itu ialah kita bersifat berani.

Pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, umat Islam telah dikenali sebagai umat yang kuat, umat yang gagah, berani serta tidak takut pada peperangan dan kematian. Umat Islam pada ketika itu mampu melawan pihak musuh walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan. Dengan berbekalkan keberanian yang berdasarkan iman dan takwa akhirnya umat Islam boleh berjaya dan menang menentang musuh.

Sebenarnya konsep bersifat berani amat luas. Ia tidak hanya terbatas kepada bersifat berani dalam medan peperangan


sahaja bahkan dalam pelbagai bentuk yang lain.

Kita dituntut supaya bersifat berani demi agama, berani menegakkan kebenaran dan keadilan. Kerana jika kita tidak bersikap berani siapakah yang hendak bangkit membela agama kita? Berjuang mempertahankan kesucian agama dari dicaci dan fitnah, berjuang menentang sebarang usaha untuk merosakkannya serta berjuang menentang musuh negara dari menjajah negara kita. Selain itu kita juga dituntut supaya bersikap berani menentang penyelewengan, ketidakadilan dan kezaliman.

Masa kini kita dapat lihat tidak ramai orang yang berani menegur kesalahan orang lain. Sebenarnya kita turut bertanggungjawab untuk menegah perbuatan jahat dan mungkar dari terus berlaku. Jangan kita biarkan kesesatan semakin bermaharajalela. Kerana itu walaupun kita terus tidak mampu untuk menegah perbuatan-perbuatan tersebut, kita cuba cari jalan lain seperti melaporkannya kepada pihak yang berkuasa. Janganlah kita ambil sikap camah mata atau malas-tah kuingau akan masalah orang lain kerana jika dibiarkan berterusan boleh menjejaskan keselamatan negara dan rakyat. Dan secara tidak langsung kita seolah-oleh reda dengan perbuatan-perbuatan tersebut.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Rasa takut atau segan terhadap manusia janganlah sampai menghalangi kamu dari menyatakan apa yang sebenarnya jika memang



benar kamu melihatnya, menyaksikan atau mendengarnya."

Walau bagaimanapun kita dapati ada orang yang bersikap berani pada waktu dan tempat yang salah dan tidak wajar seperti berani melakukan kesalahan jenayah sama ada yang melanggar undang-undang agama atau negara. Ada orang yang berani melakukan perbuatan rasuah, berani memakan, menjual dan mengedarkan dadah, berani dalam melakukan perkara maksiat dan dosa, berani melakukan perbuatan yang salah dan ditegah dalam Islam. Ianya dilakukan tidak lain hanya untuk memuaskan hawa nafsu

dan menuruti kehendak syaitan semata-mata. Ini adalah kerana sifat berani itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu sifat berani yang dituntut dan sifat berani yang ditegah.

Dari itu sedarlah bahawa terdapat banyak bentuk sifat berani yang harus kita perhatikan terlebih dahulu sebelum dijadikan sebagai perhisan diri. Pilihlah secara bijak antara sifat berani yang terpuji atau yang tercela. Bersifat beranilah kita dalam berjihad menentang musuh agama, berani demi keadilan dan menentang kezaliman serta bersikap berani melawan hawa nafsu. Janganlah pula kita bersikap berani membuta tuli, tidak mengikut peraturan atau undang-undang, berani kerana membalas dendam, berani menentang

kebenaran dan keadilan serta janganlah juga kita berani melakukan kesalahan dan dosa. Dan sesungguhnya kita manusia mempunyai akal dan fikiran maka sudah seharusnya kita bertindak dengan akal tersebut dan bukannya mengikut kehendak hati dan hawa nafsu semata-mata.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Luqman ayat 17 yang tafsirnya:

"Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebajikan serta laranglah daripada melakukan perbuatan mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya."

MASA kini kita dapat lihat tidak ramai orang yang berani menegur kesalahan orang lain. Sebenarnya kita turut bertanggungjawab untuk menegah perbuatan jahat dan mungkar dari terus berlaku. Jangan kita biarkan kesesatan semakin bermaharajalela. Kerana itu walaupun kita terus tidak mampu untuk menegah perbuatan-perbuatan tersebut, kita cuba cari jalan lain seperti melaporkannya kepada pihak yang berkuasa.

وقت سبہیخ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبہیخ، امساک، شوروق دان ضحی باکی دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 29 ربيع الآخر، 1423 برسمان 10 جولي، 2002 هيگ کھاري ثلاث، 5 جمادی الاول، 1423 برسمان 16 جولي، 2002 اداله سمرت دباوه اين :-

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
ربيع الآخر									جولي
29	12.27	3.52	6.37	7.53	4.40	4.50	6.13	6.38	10
30	12.27	3.52	6.37	7.53	4.40	4.50	6.13	6.38	11
جمادی الاول									
1	12.27	3.52	6.38	7.53	4.40	4.50	6.13	6.38	12
2	12.27	3.52	6.38	7.53	4.40	4.50	6.13	6.38	13
3	12.27	3.52	6.38	7.53	4.41	4.51	6.14	6.39	14
4	12.27	3.52	6.38	7.53	4.41	4.51	6.14	6.39	15
5	12.27	3.52	6.38	7.53	4.41	4.51	6.14	6.39	16

وقت ۲ سبہیخ باکی دائره توتوغ ديمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت ديمبه نيگ مينيت، سبہیخ فرض جمعة دملورو نكارا بروني دارالسلام دملوي دري فوکل 12.45 تفهاري.

PILIHLAH secara bijak antara sifat berani yang terpuji atau yang tercela. Bersifat beranilah kita dalam berjihad menentang musuh agama, berani demi keadilan dan menentang kezaliman serta bersikap berani melawan hawa nafsu. Janganlah pula kita bersikap berani membuta tuli, tidak mengikut peraturan atau undang-undang, berani kerana membalas dendam, berani menentang kebenaran dan keadilan serta janganlah juga kita berani melakukan kesalahan dan dosa.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihi Wasahbihi Waman Walah.

NAFKAH MAKANAN

SUAMI wajib memberi nafkah makan kepada isterinya dengan makanan yang asasi bagi sesebuah negeri seperti beras di negara kita. Jumlah nafkah yang wajib diberi oleh suami kepada isterinya sama dengan jumlah kafarah sumpah yang dibayar kepada setiap orang iaitu satu mudd (Al-Majmuk: 19/360) iaitu kira-kira bersamaan 566.85 gram. Ini berdasarkan firman Allah Taala yang tafsirnya: "Daripada jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluargamu." (Surah Al-Maa'idah: 89).

Mazhab Syafie juga menetapkan bahawa pemberian nafkah tersebut iaitu pada setiap hari bermula dari terbit matahari. Bagi suami yang mampu/kaya, dia wajib memberi nafkah sebanyak dua mudd bersamaan 1 kilo 133.70 gram beras. Manakala suami yang tidak mampu hanya wajib memberi satu mudd iaitu 566.85 gram bagi setiap hari. Adapun orang pertengahan, wajib membayar 1½ mudd bersamaan 850.275 gram. (Raudhah At-Talibin: 6/450 & Al-Majmuk: 19/358). Walau bagaimanapun adalah harus pula memberi nafkah itu dengan segera atau melambatkannya tertakluk kepada persetujuan suami isteri tersebut. (Al-Fiqh wa Adillatuhu: 10/7389).

Menurut Imam As-Syirazi pula adalah harus bagi suami memberi beras itu dengan nilai harga jika suami isteri bersetuju. (Al-Muhazzab 4/607-608).



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Termasuk dalam kategori makanan itu ialah lauk pauk, rempah ratus, minyak makan dan sebagainya. Dari itu suami juga wajib menyediakan alat dapur seperti tempat memasak, pinggan mangkuk dan yang berkaitan dengannya. (Raudhah At-Talibin: 6/453).

Mengenai makanan daging, menurut Imam An-Nawawi, suami wajib memberikannya kepada isteri. Berdasarkan perkataan Imam As-Syafie, suami yang kurang mampu hendaklah memberikannya seminggu sekali dan sunat memberikannya pada hari Jumaat. (Raudhah At-Talibin: 6/452).

KEWAJIPAN MENYEDIAKAN PAKAIAN

Adapun yang berkaitan dengan masalah pakaian, ulama sepakat menyatakan bahawa hal itu tergantung kepada kemampuan suami kerana tidak ada nas yang menentukan kadar dan jumlahnya, akan tetapi menurut mereka; hakim atau kadi boleh menentukan kadar dan jumlahnya itu dengan mempertimbangkan keadaan dan kemampuan suami. (Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu: 10/7389).

Menurut Asy-Syirazi bahawa suami wajib memberikan pakaian kepada isterinya pada setiap enam bulan sekali dengan makna yang lain dua kali dalam setahun. (Al-Muhazzab:

Bilangan 138 (Bahagian Ketiga)

4/613). Walau bagaimanapun Asy-Syirazi menyebutkan bilangan minima pakaian yang wajib diberikan oleh suami adalah tiga helai pakaian pada musim panas dan empat pada musim sejuk iaitu qamis yang menutup seluruh badan, Qina' (tudung) yang menutup kepala, seluar atau kain menutup badan dan jubah (long outer garment) pada musim sejuk. (Al-Majmuk: 19/362).

Termasuk dalam kategori pakaian yang wajib disediakan itu ialah milhahaf (selimut), wisadah (bantal), labid (hamparan permaidani yang tebal atau tilam), hasyir (tikar) dan lain-lain. (Al-Majmuk: 19/362).

Al-Mawardi pula menyebutkan dalam kitab An-Nafakat bahawa suami hendaklah memberikan pakaian kepada isterinya bukan dengan nilai harga pakaian itu kerana hak kepada isteri itu adalah pakaian bukan nilai harganya, ini termasuk upah menjahit. (An-Nafakat 78).

KEWAJIPAN MENYEDIAKAN TEMPAT TINGGAL

Suami wajib menyediakan tempat tinggal atau rumah untuk isterinya

sama ada dengan membeli, menyewa, meminjam atau didapatkan melalui wakaf. (Mughni Al-Muh-taj: 3/550). Hal ini sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya: "Tempatkanlah isteri-isteri kamu itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakitinya (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu)" (Surah At-Thalaaq: 6).

Ulama juga sepakat mensyaratkan bahawa rumah yang disediakan itu hendaklah sempurna sebagaimana kelazimannya bagi sesebuah rumah yang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti dapur dan perkakasnya, bilik air (tandas) serta kemudahan-kemudahannya, alat-alat pencuci, peralatan makan minum dan lain-lain, kecuali bagi suami yang tidak mampu mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut. (Mughni Al-Muh-taj: 4/550 & Al-Fiqh Wa Adillatuhu: 10/7393).

Ayat di atas juga menjelaskan masalah tempat tinggal bagi perempuan dalam idah dan masalah perbelanjaan dalam masa tersebut iaitu para suami diperintahkan menempatkan isteri yang diceraikan itu di rumah-rumah kediaman mengikut ke-

mampuan mereka. Mereka juga diperintahkan memberi nafkah kepada isteri-isteri hamil sehingga mereka bersalin iaitu masa berakhir 'idah. Tujuannya supaya para suami tidak akan menyakitinya (di tempat tinggal itu) dengan menyempit-nyempitkan keselesaan tempat tinggal atau merendahkan tarafnya atau memberi layanan yang buruk. (Tafsir Fi Zilalil Quran (trj): 16/168).

Menurut Al-Khatib Asy-Syarbini bahawa tidak gugur nafkah isteri sekalipun isteri itu keluar rumah tanpa izin suami dan isteri tersebut tidak dianggap nusyuz dalam beberapa keadaan (Mughni Al-Muh-taj: 3/557), di antaranya adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini:

(i) Apabila rumah tempat tinggal itu hendak runtuh.

(ii) Apabila dipaksa keluar daripada rumah itu secara zalim.

(iii) Apabila isteri bersendirian dalam rumah dan bimbang akan diri dan hartanya daripada orang fasiq dan pencuri.

(iv) Apabila dihalau keluar oleh tuan yang empunya rumah (rumah sewa atau seumpamanya) selain rumah suami.

(v) Apabila isteri keluar menemui kadi atau

hakim bagi menuntut haknya daripada suami.

(vi) Apabila isteri hendak memohon fatwa.

(vii) Isteri keluar rumah tanpa izin (kerana ziarah atau mengucapkan takziah) kepada kerabat seperti bapa atau jiran, ketika suami berada di luar daerah atau negeri. Menurut Al-Khatib Asy-Syarbini urf (kebiasaan) seperti ini tidak dianggap nusyuz.

Dalam hal ini Imam As-Syafie menjelaskan bahawa suami mempunyai hak melarang isteri keluar rumah bagi menziarahi kedua ibu bapa si isteri sama ada mereka masih hidup atau sebaliknya. Walau bagaimanapun adalah sunat (mustahab) bagi suami memberi kebenaran kepada si isteri untuk menjengok kedua ibu bapanya (si isteri) apatah lagi menziarahi mayat mereka kerana perbuatan melarang si isteri keluar menziarahi mereka itu boleh mendatangkan kebencian kerana sikap benci-membenci itu adalah ditegah oleh Islam. (Al-Majmuk: 18/94-95).

Menurut pengarang kitab Fath Al-Mu'in pula, keluar kerana mencari nafkah (rezeki) seperti berniaga atau bekerja disebabkan oleh suami yang mu'sir (melarat) tidak dianggap nusuz. (Fath Al-Mu'in: 4/122).

Bersambung

Pembinaan Akhlak Islam

ANTARA kaedah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengubah perangai dan tabiat manusia ialah melalui pembinaan akhlak yang mulia. Kaedah ini dapat dilihat dalam fakta sejarah Islam di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah berjaya menukar imej akhlak masyarakat Arab Jahiliyah yang tergambar dalam bentuk penyelewengan akidah, pembunuhan anak perempuan dan peperangan kepada satu masyarakat yang harmoni, bekerjasama dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Akhlak adalah perasaan semula jadi (naluri/fitrh) yang terdapat dalam diri manusia. Umumnya semua manusia suka kepada kebaikan dan bencikan keburukan. Kebenaran, amanah, keadilan dan kesetiaan janji adalah sifat yang disenangi oleh semua orang. Sementara kesombongan, kezaliman, penipuan dan penindasan dibenci oleh semua orang. Kerana itulah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggambarkan nilai minima iman seseorang adalah berdasarkan naluri kemanusiaan. Perkara ini dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Tirmizi yang bermaksud:-

"Sesiapa yang perbuatan baiknya menggembirakannya, dan perbuatan buruknya

mendukacitkannya, maka itu menunjukkan orang beriman."

Islam berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memupuk nilai-nilai murni. Prinsip utamanya ialah dengan menganjurkan kesucian dan kemuliaan serta menentang tekanan hawa nafsu yang buruk. Terdapat beberapa prinsip akhlak dalam Islam. Pertama ialah bahawa Islam menjadikan matlamat kehidupan insan semata-mata untuk mencapai keredaan Allah. Faktor ihsan menjadikan manusia dapat mengawal diri sama ada berbentuk kawalan luaran yang didukung oleh undang-undang, atau kawalan dalaman.

Prinsip kedua ialah bahawa Islam menggariskan akhlak yang memang sesuai dengan naluri manusia dan tidak asing pada mereka. Ianya meliputi urusan kehendak peribadi seperti makan, minum, urusan rumah tangga seperti berkahwin dan tanggungjawab menjaga keluarga, pergaulan sosial dan sebagainya.

Prinsip ketiga ialah bahawa akhlak Islam adalah berdasarkan prinsip dan amalan-amalan baik. Ianya menyeru manusia supaya melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Islam memandang, pemupukan semangat persaudaraan, saling hormat-menghormati, me-

nganjurkan kebaikan dan semua perilaku yang baik sebagai sifat positif yang patut digalakkan.

Terdapat banyak cara atau kaedah untuk membentuk akhlak seseorang. Di antaranya ialah melalui pendidikan, sama ada dalam rumahtangga, sekolah, masyarakat sekeliling dan sebagainya. Walau bagaimanapun kaedah yang paling berkesan ialah melalui contoh tauladan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:-

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik."

Firman Allah Subhanahu Wataala lagi dalam Surah Al-Qalam ayat 4 yang bermaksud:-

"Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Nabi Muhammad) mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia."

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dan Al-Baihaqi yang bermaksud:-

"Sesungguhnya aku diutus menyempurnakan kemuliaan akhlak."

Akhlak yang baik adalah faktor utama dalam membina satu umat umat atau membangun

منوجوكر رمضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان ثورة دعوه اسلاميه

sesuatu bangsa. Pembangunan sebuah negara bukan hanya bergantung kepada modal atau perbelanjaan yang besar, malah ia juga terletak kepada keikhlasan, kejujuran, rasa tanggungjawab, jiwa kemanusiaan yang tinggi dan semangat kerja yang penuh dedikasi yang dimiliki oleh rakyatnya. Oleh yang demikian, setiap orang berkewajipan membentuk bangsa dan negaranya dengan berasaskan akhlak yang mulia serta budi pekerti yang luhur sesuai dengan tuntutan agama Islam yang maha suci.

Prinsip kedua ialah bahawa Islam menggariskan akhlak yang memang sesuai dengan naluri manusia dan tidak asing pada mereka. Ianya meliputi urusan kehendak peribadi seperti makan, minum, urusan rumah tangga seperti berkahwin dan tanggungjawab menjaga keluarga, pergaulan sosial dan sebagainya.

Kajian Fonologi Bahasa Murut di Mukim Bokok Temburong

Dari muka 2

vi. Letupan langit lembut bersuara /g/

Dalam Bahasa Murut, fonem /g/ wujud di tengah dan di akhir kata, tidak di awal kata, seperti yang terdapat dalam contoh-contoh di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/g/	-	/nagat/ /migu/	/ma?ag/

vii. Letupan glotis tak bersuara /ʔ/

Fonem letupan glotis tak bersuara /ʔ/ hanya wujud di akhir kata saja.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/ʔ/	-	-	/ticuʔ/ /daraʔ/

viii. Letupan glotis tak bersuara /p/

Fonem letupan glotis tak bersuara /p/ hanya berlaku di tengah kata seperti contoh di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/p/	-	/ma?ag/ /da?at/	-

ix. Sengauan bersuara /m/, /n/, /ɲ/ dan /ɳ/.

Keempat-empat fonem ini seperti contoh di bawah ini wujud dalam semua kedudukan, iaitu di awal, tengah dan akhir kata kecuali fonem /n/ yang hanya wujud di awal dan di tengah kata.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/m/	/mecin/ /muun/	/lemanoi/ /ajja/	/metadem/ /lalamp/
/n/	/galan/ /ga?am/	/tigua/ /nagi/	/nalag/ /dalam/
/ɲ/	/niat/	/naniat/	-
/ɳ/	/nerawe/ /nani/	/lemanoi/ /menered/	/kabin/ /mecin/

x. Getaran bersuara /r/

Seperti fonem-fonem lain, fonem getaran /r/ wujud di awal, tengah dan akhir perkataan.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/r/	/rjar/ /repun/	/nagut/ /tegur/	/ninag/ /mepeg/

xi. Sisian bersuara /l/

Dalam bahasa Murut, fonem /l/ wujud di awal, di tengah dan di akhir kata seperti contoh di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/l/	/lemanoi/ /lawid/ /lapud/	/nalun/ /dalan/ /tekiju/	/madij/ /musul/

xii. Separuh vokal tak bersuara /w/ dan /y/

Fonem /e/ wujud di awal dan di tengah kata manakala fonem /y/ wujud di tengah dan di akhir kata seperti contoh yang diberikan di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/w/	/wan/	/nerawe/	-
/y/	-	/muyuh/ /rayel/	/dy/

xiii. Letusan tak bersuara /c/

Fonem letusan tak bersuara /c/ hadir hanya di tengah kata seperti contoh di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/c/	-	/tiguʔ/ /mecin/	-

xiv. Letusan bersuara /j/

Seperti fonem /c/, fonem /j/ hanya wujud di tengah kata saja.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/j/	-	/ajawe/	-

xv. Geseran tak bersuara /s/ dan /h/


Fonem /s/ wujud di awal dan di tengah manakala hanya wujud di akhir kata. Lihat contoh-contoh di bawah ini.

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/s/	/suet/	/megul/ /necbl/	/-/ /melih/ /inij/
/h/	-	-	-

Daripada keterangan di atas menunjukkan bahawa hampir kesemua fonem konsonan hadir ketiga-tiga posisi iaitu di awal, tengah dan akhir perkataan. Hanya sebahagian kecil fonem konsonan yang tidak hadir dalam posisi yang tertentu seperti bunyi fonem letupan glotis, geseran dan letusan. Daripada fonem-fonem konsonan dalam rajah 2 menunjukkan konsonan Bahasa Murut berdasarkan daftar kata Swadesh mempunyai 19 fonem konsonan tetapi menurut Norsharita, konsonan bahasa Murut di Temburong mempunyai 17 fonem konsonan dan fonem /j/ & /ʔ/ tidak hadir dalam kajiannya.

BUNYI DIFTONG

Diftong adalah gabungan dua bunyi vokal yang disebut secara berturut-turut dalam satu hembusan nafas dan mempunyai ciri geluncuran, iaitu lidah diletakkan pada keadaan hendak membunyikan vokal pertama kemudian digeluncurkan ke arah vokal kedua. Penyebaran diftong /ai/ dan /au/ boleh berlaku di tengah dan di akhir perkataan dalam suku kata terbuka.



Rajah 3: Fonem diftong Bahasa Murut di Mukim Bokok

RENTETAN VOKAL

Rentetan vokal iaitu satu keadaan dalam dua vokal atau lebih berlaku secara berentetan, tetapi setiap vokal mempunyai ciri satu suku kata. Menurut Norsharita dalam Latihan Ilmiahnya, pasangan fonem rentetan vokal dalam Bahasa Murut mempunyai lapan fonem iaitu: /ai/, /ia/, /ua/, /au/, /ae/, /ia/ dan /uo/. Kesemuanya mempunyai distribusi yang tidak lengkap kecuali rentetan vokal /ua/ yang boleh hadir di semua posisi. Ini berbeza dengan pasangan fonem rentetan vokal dalam Bahasa Melayu yang mempunyai enam pasangan, tanpa kehadiran /ue/ dan /uo/. Contoh pasangan fonem rentetan vokal Bahasa Murut seperti di bawah ini:

/laut/, /delaie/, /buie/, /perait/

ANALISIS

Kajian ini dibuat dengan membandingkan dengan kajian Norsharita binti Abdullah dalam buku Latihan Ilmiahnya yang bertajuk, 'Fonologi Bahasa Lun Bawang (Murut)'. Selain daripada itu ada juga membuat rujukan pada buku-buku dari

BAHAASA Murut merupakan salah satu daripada bahasa-bahasa Austronesia yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Bahasa ini adalah bahasa komunikasi puak Murut sesama mereka, sementara Dialek Melayu Brunei pula sebagai bahasa lingua franca dengan puak lain. Tidak dinafikan Bahasa Murut yang dituturkan di Daerah Temburong ini telah banyak dipengaruhi oleh Dialek Melayu Brunei itu sendiri kerana beberapa faktor seperti perkahwinan campur, bahasa pelajaran dan sebagai bahasa lingua franca. Pergaulan juga boleh menyebabkan interferensi bahasa puak lain terutama dari dialek Bahasa Melayu Brunei ke dalam Bahasa Murut.

kajian ahli-ahli linguistik tentang fonologi.

Daripada keterangan di atas yang berdasarkan dalam kata daftar Swadesh, fonem vokal mempunyai lima fonem iaitu /i/, /e/, /a/, /u/ dan /o/. Kajian dari Norsharita mendapati bahawa vokal bahasa Murut mempunyai enam iaitu vokal /e/ tidak termasuk. Manakala fonem konsonan mempunyai 19 fonem konsonan tetapi menurut Norsharita, konsonan bahasa Murut di Temburong mempunyai 17 fonem konsonan dan fonem /j/ & /ʔ/ tidak hadir dalam kajiannya. Ini berkemungkinan oleh kualiti bunyi dari alat perakam dan pendengaran si pengkaji yang tidak memuaskan menyebabkan kurang jelas serta tidak tepat dalam membuat transkripsi.

Walau bagaimanapun ada keistimewaan dalam kajian ini iaitu konsonan bersuara boleh hadir pada posisi akhir kata seperti:

/temelud/ 'terbang'

/lawid/ 'ikan'

Ini berbeza dengan Bahasa Melayu iaitu semua bunyi-bunyi bersuara akan menjadi tidak bersuara di akhir kata kecuali kata-kata pinjaman.

KESIMPULAN

Bahasa Murut merupakan salah satu daripada bahasa-bahasa Austronesia yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Bahasa ini adalah bahasa komunikasi puak Murut sesama mereka, sementara Dialek Melayu Brunei pula sebagai bahasa lingua franca dengan puak lain. Tidak dinafikan Bahasa Murut yang dituturkan di Daerah Temburong ini telah banyak dipengaruhi oleh dialek Melayu Brunei itu sendiri kerana beberapa faktor seperti perkahwinan campur, bahasa pelajaran dan sebagai bahasa lingua franca. Pergaulan juga boleh menyebabkan interferensi bahasa puak lain terutama dari dialek Bahasa Melayu Brunei ke dalam Bahasa Murut. Dengan berlakunya interferensi ini menyebabkan bahasa Murut tercemar dan berubah dari bahasa sebenarnya. Kemungkinan satu hari nanti sebahagian dari bahasa ini akan hilang atau lenyap. Jadi dengan adanya kajian ini,

KAJIAN ini dibuat dengan membandingkan dengan kajian Norsharita binti Abdullah dalam buku Latihan Ilmiahnya yang bertajuk, 'Fonologi Bahasa Lun Bawang (Murut)'. Selain daripada itu ada juga membuat rujukan pada buku-buku dari kajian ahli-ahli linguistik tentang fonologi.

membukukan cerita-cerita rakyat Murut, kamus Bahasa Murut dan sebagainya diharapkan dapat menyelamatkan bahasa ini daripada kepupusannya.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Halim Yusof, *Fonetik*, FASS, UBD, 1988
- Abdullah Hassan, *Linguistik Am Untuk guru Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. 1993.
- Asmah Haji Omar, *The Malay People of Malaysia and Their Languages*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
- Susur Galur Bahasa Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.
- Baboneoau, 'A Murut Vocabulary (With Introduction by G.C. Wooley)', dalam *Journal Of The Straits Branch Of Royal Asiatics Society*, 86, 1922, hlm. 344-375.
- Hashim Haji Hamid, Haji 'Konsep Melayu Islam Beraja: Rantaian Kesenambungan Melayu' dalam kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa: Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Bandar Seri Begawan, 3 - 8 Ogos 1987.
- Hose, Charles and William Mc. Dougall, *The Pagan Tribes Of Borneo*, vol 2, London: Macmillan, 1912.
- Inau' Samuel Labo Pur, Kmaus Lun Dayeh, Borneo Literature Bureau, 1965, (simpanan Hj. Jaludin Hj. Chuchu).
- Luman binti Sitai, *Pengimbuhan Dalam Bahasa Murut*, Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, FASS UBD, 1995/1996.
- Nathesan, S., 'Bahasa Murut Timogun: Satu Catatan Fonologi', dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, jil. 38, bil. 7, Julai 1994, hlm. 593-601.
- 'Bahasa Murut Timogun dan Bahasa Melayu: Satu Perbandingan', dalam *Pelita Bahasa*, 4:5 Mei, hlm. 12-13.
- Norsharita binti Abdullah, 'Fonologi Bahasa Lun Bawang (Murut)', Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, FASS, Universiti Brunei Darussalam, 1995-1996.
- Raimah Haji Sabran dan Rahim Syam, *Kajian Bahasa Untuk Pelatih Maktab Perguruan*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1985.
- Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain, *Ilmu Fonetik dengan Latihan*, Agensi Penerbitan Nusantara, 1985.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Raja yang berjiwa rakyat

KITA tiba lagi musim perayaan yang kita nanti-nantikan atau ditunggu-tunggu oleh semua lapisan masyarakat di negara ini. Banyak pihak-pihak yang berkenaan sedang giat mengatur berbagai-bagai acara dengan terperinci bagi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berjalan dengan lancar lagi teratur.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah Sultan Brunei ke-29 dan merupakan ketua dan pemimpin Negara Brunei Darussalam.

Baginda adalah sultan yang sangat dikasihi oleh rakyat jelata dan penduduk negara ini. Baginda merupakan seorang raja yang sentiasa meluangkan masa untuk bersama rakyat dan penduduk yang baginda kasihi.

Sejak kebelakangan ini baginda sering kali berangkat melawat ke kampung-kampung, mukim-mukim, sekolah-sekolah dan juga jabatan-jabatan kerajaan secara mengejut. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk beramah mesra dengan rakyat dan penduduk baginda yang dikasihi serta mengeratkan hubungan muhibah dan perasaan kasih sayang baginda terhadap rakyat. Di samping itu baginda juga dapat melihat sendiri secara lebih dekat lagi perkembangan dan kemajuan yang telah dilaksanakan

oleh kerajaan baginda dan seterusnya mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk serta kakitangan kerajaan baginda.

Daripada lawatan tersebut, kita selaku rakyat dan penduduk dapat melihat sendiri sikap pemedulian raja kita terhadap rakyatnya. Ini membuktikan bahawa baginda seorang pemimpin yang sentiasa berfikir terbuka dan menerima segala pandangan yang membina demi kebaikan rakyat dan penduduk serta Negara

Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Di hari-hari perayaan misalnya Hari Keputeraan baginda, baginda sendiri berkenan berangkat ber-cemar duli menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat yang diadakan di seluruh pelusuk tanah air.

Ini merupakan satu keprihatinan baginda yang amat besar kepada rakyat jelata. Dalam kesempatan itu juga rakyat dan penduduk dapat beramah mesra serta dapat menatap wajah baginda dengan

lebih dekat lagi.

Baginda amat prihatin terhadap permasalahan rakyat terutama mereka yang tidak mempunyai tanah. Dalam hal ini baginda mengadakan Rancangan Perumahan Negara dan Skim Pengurniaan Tanah Rakyat Jati di negara ini. Pelaksanaan tersebut mencerminkan kepada masyarakat antarabangsa bahawa pimpinan baginda jelas mengutamakan kepentingan rakyat dan penduduk baginda.

Kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei

Darussalam sangat beruntung kerana mempunyai seorang raja yang berjiwa rakyat. Bukti yang jelas pemedulian baginda adalah memberi keistimewaan kepada rakyat dan penduduknya melalui skim-skim perumahan. Kasih sayang dan pemedulian baginda sangat mendalam terhadap rakyat.

Dayang Salbiah binti Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660,
Kampung Lumapas 'B',
BJ 3524.
No. k/p: 286748

Raja berkat negara selamat

MATA masyarakat akan lebih peka terhadap perkara-perkara yang baik dan sifat-sifat seperti keprihatinan, pemedulian, pimpinan daripada seorang ketua negara atau raja. Sebagai realitinya pimpinan dan pemedulian yang dibawa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketara dan jelas di mata rakyat Negara Brunei Darussalam. Melalui lawatan baginda ke jabatan-jabatan, kampung-kampung, mukim-mukim, lawatan rasmi atau tidak rasmi dan terhadap orang yang kurang bernasib baik di negara ini.

Sifat kepimpinan tidak dapat dimiliki terhadap kebanyakan pemimpin kerana sifat pimpinan hanya lahir dari seorang raja yang beragama kuat, berlatarbelakangkan keperwiraan dan mempunyai sifat yang sangat berani. Sebabnya pemimpin merupakan wadah atau acuan terhadap rakyat di sekeliling dan dengan sifat pimpinan dan pemedulian inilah yang akan menjadi pemangkin untuk mengeratkan hubungan antara raja dan rakyat. Ini kerana interaksi dan komunikasi telah wujud dan sekali gus hubungan antara raja dan rakyat akan kekal di mata masyarakat dan secara tidak langsung kita dapat memperkenalkan konsep ini di mata dunia.

Pimpinan dan pemedulian yang kita lihat pada masa ini sudah cukup membuktikan bahawa baginda merupakan seorang raja yang berhemah, berwibawa tinggi, penyayang, ramah-tamah dan prihatin sehingga rakyat minta terhadap baginda kerana personaliti baginda menarik

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Membanteras Jenayah Tanggungjawab Bersama'. Tarikh tutup 13 Julai 2002.
2. 'ASEAN Harungi Era Globalisasi. Bincangkan'. Tarikh tutup 20 Julai 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>

email: pelita@brunet.bn

perhatian masyarakat sejagat. Bukan saja personaliti tetapi kepintaran dan kecekapan baginda dalam mentadbir negara untuk menyusun strategi dan dalam memberikan pandangan. Soal kecekapan dalam mentadbir negara adalah penting untuk menjamin kesejahteraan masyarakat atau rakyat sekelilingnya. Ini kerana jika kurang cekap dalam mentadbir sesebuah organisasi atau jabatan misalnya, jabatan tersebut akan mendapat masalah di antaranya tiada kualiti bekerja. Ini kerana orang yang dipimpinnya tidak mengikut apa yang diarahkan oleh ketua yang kurang cekap.

Sebagai kesimpulannya, tidak dapat disangkal lagi

pimpinan dan pemedulian yang dibawa oleh baginda sudah jelas di mata rakyat kerana pemberian baginda dalam elauun khas, gaji tua, elauun pelajar, sistem sekolah yang tidak berbayar, tiada cukai dan sebagainya cukup terbukti di mata kita. Pemedulian ini akan dikenang walau beribu tahun kerana raja yang bersifat pemedulian dan raja yang mempunyai sifat pimpinan adalah raja yang berkat, raja berkat negara selamat.

Mohammad Zafren bin Mohd. Said,
No. 18 'B' Kampung Sungai Kebun, BK 2325, Bandar Seri Begawan.
No. k/p: 294714

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Pimpinan dan Pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Bincangkan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

KEPIMPINAN di sebuah negara merupakan faktor utama dalam pemerintahan negara. Pimpinan dan pemedulian dalam memimpin sebuah negara-negara akan lebih terserlah jika kepimpinan itu mempunyai karisma dan wibawa terutama mengutamakan kepentingan rakyat tambahan pula jika ia bersandarkan Islam.

Di Negara Brunei Darussalam, kepimpinan cara begitu terserlah di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Ianya begitu meyakinkan hingga negara luar terpesona dengan corak pemerintahan yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja itu. Ini telah terbukti dengan pembangunan yang selama ini dibina atas asas yang kukuh berlandaskan Islam.

Pembangunan bercorakan pembinaan insaniah, lebih menjurus kepada pembangunan kerohanian yang telah diterapkan telah banyak membimbing dan memberi kesedaran kepada rakyat Brunei. Penekanan mengenai pembelajaran membaca Al-Quran, Dikir Maulud dan sebagainya telah memberi ruang kepada penduduk Brunei untuk mendalami Al-Quran dan juga ilmu agama. Kesedaran ini dapat dilihat dengan penubuhan institusi pendidikan yang bercorakan Islam.

Pimpinan yang ditunjukkan oleh baginda dalam

mentadbir negara telah banyak membentuk keperibadian dan identiti ke-bruneian. Ini dapat dilihat dari segi cara hidup dan pergaulan rakyat Brunei. Sikap ramah dan pemedulian baginda dalam memeduli hal kebajikan rakyatnya memang sudah terserlah dan dikenali ramai, baik dalam negara mahu pun di luar negara.

Kepimpinan yang sentiasa mengutamakan kebajikan dan keharmonian rakyat telah membuatkan rakyat baginda begitu menyayangi baginda. Lihat saja ketika hari-hari kebesaran negara dan kebesaran Islam. Baginda sentiasa 'turun padang' menemui rakyat jelata, beramah mesra, mendengar masalah dan rungutan rakyat baginda.

Baginda juga sentiasa memata-matai segala projek pembangunan yang telah dirancang dan baginda akan meneliti sendiri perkembangannya. Stail kepimpinan baginda merupakan satu cara yang sihat dan positif kerana ia akan menyedarkan rakyat betapa pemedulian dan keseriusan baginda dalam menjalankan pentadbiran negara.

Dari stail kepimpinan baginda telah menunjukkan arah tuju dan contoh teladan kepada rakyatnya supaya berusaha lebih keras meningkatkan daya saing dan membuka minda menerima kemajuan ICT yang ber-

Kebawah DYMM sentiasa 'turun padang'

kembang pesat ini bertujuan supaya rakyat baginda tidak ketinggalan dalam arus globalisasi. Rakyat diajak menerokai bidang kemajuan melalui ICT dan juga menerokai bidang pembelajaran supaya rakyat tidak tertinggal jauh dari segi ilmu pengetahuan.

Baginda sentiasa mengikuti perkembangan dalam dan luar negara. Rakyat diajak menghulur derma kemanusiaan kepada negara-negara yang ditimpa musibah terutama negara-negara Islam. Seruan ini sentiasa mendapat sambutan dari rakyat jelata. Keprihatinan baginda itu telah menjadikan sebagai satu budaya kepada penduduk negara ini supaya ringan tulang dan tidak camah mata.

Jadi jelas pada kita betapa kepimpinan dan stail yang dilihatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah banyak menyedarkan dan membuka minda rakyat Brunei. Gaya dan cara kepimpinan baginda jarang terdapat di negara lain. Baginda menjadi contoh kepimpinan yang baik, beliau menjadi lambang dan kebanggaan rakyat Brunei. Raja yang berjiwa rakyat. Pemerintah yang prihatin dengan masalah rakyat. Sentiasa memeduli kebajikan rakyat. Sifat kasih sayang kepada hamba rakyatnya

telah menjadi baginda jadi kesayangan rakyat baginda.

Dari segi hubungan luar negara, baginda begitu dikagumi di mata dunia. Suara baginda bergema di pentas dalam menyuarakan hal-ehwal masalah dunia terutama penindasan terhadap orang Islam. Ketegasan dan keyakinan dalam mengutarakan pendapat dan pandangan yang bernas telah menaikkan dan mengharumkan Negara Brunei Darussalam di dunia antarabangsa. Itulah kelebihan baginda, di samping menjadi kesayangan rakyat jelata menjadi lambang dan ikutan kepada negara-negara luar bagaimana baginda memerintah dan menerajui negara ini dengan aman dan damai.

Kita wajib bersyukur kepada Allah. Ini satu rakyat yang besar kepada negara. Kesyukurannya ini harus dibalas dengan menumpukan sepenuh taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan baginda. Nikmat keamanan dan keharmonian harus dipupuk supaya kita dapat seterusnya hidup aman damai.

Faidhul Muna bin Haji Kassim,
No. 13A, Simpang 236,
Kampung Sinarubai,
Jalan Bengkurong Masin
BF 2120.
No. k/p: 309774

Tinjau kemajuan industri dan koperasi Daerah Belait

KUALA BELAIT, 25 Jun.- Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman membuat program lawatan kerja ke Daerah Belait bagi meninjau beberapa projek pertanian, perikanan, perhutanan, perindustrian dan lain-lain lagi dengan lebih dekat lagi akan perkembangan dan masalah-masalah yang mungkin timbul atau dihadapi oleh pengusaha-pengusaha tempatan.

Dalam lawatan itu, Yang Berhormat disertai oleh Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan di Jabatan-jabatan dan Bahagian-bahagian di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Lawatan kali ini adalah merupakan lanjutan daripada lawatan Yang Berhormat sebelum ini ke Daerah Tutong yang bertujuan sebagai langkah proaktif Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Rombongan Yang Berhormat, mula-mula membuat lawatan ke tapak perusahaan Norlaila Jaya Enterprise di Kampong Sungai Bera. Setia yang mengusahakan pembuatan Polyfins Pipe yang menghasilkan jualan ke pasaran tempatan melebihi \$3 juta dan jualan eksport kira-kira \$60,000 sejak tahun lalu.

Syarikat Norlaila Jaya Enterprise (B) Sendirian Berhad mula berkuat pada 12 April 1998 di atas tapak seluas 1.578 hektar dengan jumlah pelaburan sebanyak \$5 juta dan jumlah pendapatan sehingga tahun 2002 sebanyak \$ 0.94 juta.

Seterusnya rombongan Yang Berhormat meninjau kegiatan ternakan ikan dalam sangkar di Taman Rekreasi Anduki yang diusahakan oleh Syarikat AMYBA iaitu tiga orang rakan kongsi yang dipengerusikan oleh Ampuan Haji Mohamad bin Ampuan Haji Yusof di mana rombongan berkesempatan menaiki sebuah rakit untuk meninjau lebih dekat 40 buah sangkar pemeliharaan ikan air masin di tapak seluas kira-kira empat hektar di Tasik Nombor 4 dengan ternakan ikan belanak sembar, kromis



YANG Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan rombongan menerima penerangan ringkas mengenai perusahaan ternakan ikan yang diusahakan oleh Syarikat AMYBA.

yang benihnya diperolehi dari Republik Indonesia, ikan selungsong, manakala spesies tempatan pula ialah ikan kerapu, barah-barahan, jukut, ikan putih, sulit, merah dan ungu.

Syarikat AMYBA mula ditubuhkan pada 8 Disember 1992 dan mula beroperasi pada Disember 1997 dan sebelumnya Syarikat AMYBA mula ditempatkan di kawasan Sungai Dua di mana kawasan tersebut tidak dapat digunakan bagi operasi pemeliharaan ikan dalam sangkar memandangkan ia terdedah kepada hakisan tanah daripada pantai yang dikhuatiri akan ketuhuran.

Mutu air di sana juga tidak lagi sesuai kerana mempunyai pencemaran bakteria E coli yang tinggi bersumberkan daripada kawasan perumahan yang mengalirkan kotoran ke kawasan sungai di mana projek pemeliharaan ikan dalam sangkar beroperasi.

Projek syarikat itu dipindah ke kawasan Taman Rekreasi Jubli Anduki (Tasik 4) pada bulan September 2001 yang mana tapak itu telah diserahkan kepada Jabatan Perikanan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Penghasilan ikan dalam sangkar syarikat ini bagi tahun 2001 ialah ikan selungsong sebanyak 207 kilogram dan ikan kromis 2,758 kilogram, manakala hasil bagi tahun 2002 dijangkakan sebanyak 7.8 tan metrik.

Oleh Aliddin HM
Gambar-gambar oleh Mohd. Zul-izzi

Matlamat Syarikat AMYBA ialah untuk terus berusaha menjayakan projek menternak ikan dalam sangkar bagi penyediaan sumber ikan segar kepada negara ini dan selebihnya diekspor keluar negara.

Lawatan seterusnya ialah Syarikat Kilang Papan Forestry Sendirian Berhad di No 5220, Sungai Duhon, Lorong Setia Diraja yang ditubuhkan sejak 20 tahun yang lalu sekitar tahun 1982 di atas tapak seluas 1.6 hektar dan merupakan salah sebuah kilang papan yang memproses balak-balak dari kawasan konsesi hutan paya bertempat di Tanah Kerajaan Lubok, Penjarai Kuala Balai dengan keluasan 2292 hektar sejak tahun 1991.

Balak yang dikeluarkan oleh syarikat ini kebanyakan jenis Alan, manakala kuota pengeluarannya sejumlah 5,500 meter padu setahun di mana setakat enam bulan pertama tahun ini ia sudah mengeluarkan sejumlah 2,539.86 meter padu.


Hasil pengeluaran kilang papan ini digunakan sepenuhnya untuk keperluan dalam negeri sahaja bagi kerja-kerja pembinaan bangunan dan perumahan serta kilang perusahaan perabot baik dalam projek-projek yang dijalankan

oleh pihak kerajaan, swasta mahupun pihak persendirian.

Penubuhan kilang ini dihasratkan untuk memenuhi pembangunan industri tempatan yang ada dan dapat menyumbang ke arah industri yang lebih terurus dan berterusan, selain menyahut seruan kerajaan serta penyediaan peluang-peluang pekerja



YANG Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan rombongan menerima penerangan ringkas mengenai perusahaan sayuran hidroponik yang diusahakan oleh Dayang Lim Cho Mei di Kampong Gana, Sungai Liang.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan rombongan ketika melawat Syarikat Kilang Papan Forestry Sendirian Berhad di Sungai Duhon, Lorong Setia Diraja.

an kepada penduduk tempatan di negara ini.

Rombongan kemudiannya mengunjungi Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu Sendirian Berhad di Setia yang mengendalikan perniagaan termasuk stesen minyak, bangunan hotel, pejabat dan kedai selain menjadi wakil tunggal jualan tiket umrah dan haji bersama Taiwah Travel Sendirian Berhad termasuk perkhidmatan bas sekolah.

Koperasi ini telah didaftarkan di bawah Akta Koperasi (Penggali 84) pada 19 Jun 1982 dengan bilangan pendaftaran ke-67 dengan bertujuan penubuhan untuk memajukan kepentingan sosio-ekonomi anggotanya menurut prinsip-prinsip koperasi.

Bilangan anggota koperasi ketika ini seramai 182 orang

terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan modal saham terkumpul sebanyak \$1,123,000.00.

Antara rancangan masa hadapan koperasi ini termasuklah membangun sebuah stesen minyak yang baru, membuka kelas tuisyen, perniagaan hartanah di samping mencari peluang perniagaan baru.

Seterusnya rombongan meninjau ladang Kang Lin Hidroponik, pengusaha sayuran hidroponik yang diusahakan oleh Dayang Lim Cho Mei membabitkan penanaman tomato, bayam, sawi putih, sawi hijau, sawi taiwan, sawi pahit, sawi keriting dan kailan di tapak seluas dua ekar di

Kampong Gana, Sungai Liang, dengan dibantu oleh empat pekerjaanya.

Ladang ini mula beroperasi pada Jun 1997 dengan menggunakan kaedah ladang hidroponik yang mampu mengekalkan penghasilan yang tinggi serta pendapatan yang stabil sepanjang tahun serta jarang terjejas oleh perubahan keadaan cuaca dan lain-lain faktor semula jadi dengan menghasilkan sayur-sayuran yang selamat, bersih dan sihat.

Pada masa ini ladang hidroponik tersebut berupaya menghasilkan enam tan metrik sehektar untuk sebulan dan berjaya memasarkannya kepada lima pasar raya tempatan di daerah termasuk Pasaraya Supasave dan Soon Lee.

Selain itu, syarikat juga telah membuat usaha sama dengan Semaun Holding yang dikenali sebagai Semaun Agro Sendirian Berhad bagi mengeluarkan sayur-sayur temperate di Pusat Penyelidikan Pertanian Kilanas pada April 2002.

Lawatan terakhir rombongan Yang Berhormat ialah ke Ladang Soon Lee, pengusaha ayam pedaging dan penelir di Sungai Liang yang mula beroperasi sejak tahun 1975 hingga 1999 dengan menggunakan kaedah konvensional dan kini dipertingkatkan dengan menggunakan sistem reban pengudaran tertutup yang terbukti lebih produktif dan dikawal sepenuhnya oleh komputer secara automatik.

Tahun lalu syarikat ini telah mengeluarkan hasil telur sebanyak 13.3 juta biji bernilai \$2.26 juta dan penghasilannya telah menyumbang sebanyak 14.5 peratus pengeluaran seluruh negara.



Menyampaikan watikah perlantikan



TUAN Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Amin bin PDPD Dato Paduka Haji Abdul Rahim, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia dan Datin Hajah Norhani binti Haji Mohamad sedang memotong kek semasa sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 yang telah diadakan pada 4 Mac 2002.

Sambutan Hari Kebangsaan di Kaherah, Mesir

MESIR. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah, Republik Arab Mesir telah mengadakan dua majlis berasingan sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18.

Pada 22 Februari 2002, Kedutaan Besar telah mengadakan sembahyang Maghrib berjemaah dan seterusnya membaca Surah Yaasin serta diikuti dengan membaca Doa Kesyukuran Khas Hari Kebangsaan. Majlis tersebut juga telah dihadiri oleh penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam yang belajar di Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

Sementara itu pada 11 Mac lalu, Kedutaan Besar mengadakan Majlis Resepsi yang telah berlangsung di Hotel Grand Cairo, Republik Arab Mesir. Kira-kira 200 orang tetamu yang terdiri dari para pegawai kanan Kement-

rian Luar Negeri, Kementerian Wakaf, Pejabat Universiti Al-Azhar, Duta-duta Besar perwakilan asing di negara ini, para diplomat ASEAN dan negara-negara sahabat serta pihak swasta telah hadir di majlis tersebut. Kedatangan para tetamu telah dialu-alukan oleh Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Kuasausaha Sementara dan isteri, serta pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah, Republik Arab Mesir.

Sementara itu, pada 23 Februari, Kuasausaha Sementara menerima kunjungan Tuan Amre Hussien Gaber, Chamberlain di Pejabat Istana Presiden selaku wakil peribadi TYT Presiden Mohamed Hosni Mubarak, Presiden Republik Arab Mesir bagi menyampaikan ucapan tahniah sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Majlis berlangsung di Pejabat Ke-

dutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah, Republik Arab Mesir.



VIET NAM. - Majlis Penyampahan Watikah Perlantikan oleh Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Ali bin Haji Hassan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam kepada Tuan Yang Terutama Tran Duc Luong, Presiden Republik Sosialis Viet Nam yang telah berlangsung pada hari Selasa 21 Mei 2002 bertempat di Istana Presiden, Ha Noi City, Viet Nam (atas). Sementara gambar kiri, Tuan Yang Terutama berbual mesra bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam.

Sambutan Hari Kebangsaan di Republik Indonesia

REPUBLIK INDONESIA. - Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 telah diadakan oleh Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jakarta, Republik Indonesia.

Majlis tersebut telah diadakan pada 4 Mac 2002 bertempat di Hotel Mulia Senayan, Jakarta dan dihadiri

oleh beberapa orang kenamaan, menteri-menteri kabinet, bekas menteri dan Duta-duta Besar dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Republik Indonesia. Menteri-menteri kabinet yang turut hadir terdiri dari Tuan Yang Terutama Dr. N. Hassan Wirajuda, Menteri Luar Negeri Republik Indonesia dan Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Said Agil Husin Al-Munawar, Menteri Agama Republik Indonesia.



TUAN Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Amin bin PDPD Dato Paduka Haji Abdul Rahim, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia dan Datin Hajah Norhani binti Haji Mohamad bergambar ramai bersama Tuan Yang Terutama Dr. N. Hassan Wirajuda dan isteri serta Bapak Ali Alatas, bekas Menteri Luar Republik Indonesia berserta isteri dan tetamu undangan.



AWANG Haji Ahmad bin Haji Jumat, Kuasausaha Sementara ketika menerima kunjungan Tuan Amre Hussien Gaber, wakil peribadi TYT Presiden Mohamed Hosni Mubarak, Presiden Republik Arab Mesir (kiri).

AWANG Haji Ahmad bin Jumat, Kuasausaha Sementara bersama dengan Tuan Yang Terutama Ambassador Taymour Mustafa Seri, Penolong Menteri Luar Negeri merangkap Pengarah Protokol Kementerian Luar Negeri Republik Arab Mesir di Majlis Resepsi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 (atas).

Bersikap positif dalam memilih pekerjaan

BERAKAS, 2 Julai. - Penuntut-penuntut lepasan sekolah vokasional di negara ini digesa supaya lebih bersikap positif dan berfikir secara terbuka terhadap tabiat memilih kerja.

Memang diakui, sikap memilih kerja mempunyai kaitan atas dasar untuk memastikan seseorang itu mendapat pekerjaan yang terbaik sejajar dengan kelulusan dan pengalamannya.

"Namun konsep memilih kerja pada masa ini mungkin tidak selari dengan keadaan semasa disebabkan terdapat persaingan bagi jawatan yang bersesuaian di sektor swasta, apatah lagi di sektor awam yang sememangnya sudah lencun dan seimbang di antara jumlah kakitangan dengan peranan dan fungsi agensi kerajaan," kata Awang Haji Mat Zahri, Pesuruhjaya Buruh.

Gesaan itu dibuat oleh beliau ketika merasmikan Majlis Orientasi Pengambilan Sesi Julai 2002 - Disember 2003 Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam (SVNR) di sini.

Menurutnya, konsep memilih kerja tidak boleh digunakan lagi sebagai alasan untuk tidak bekerja, walhal konsep itu sudah lapuk dan sampai masanya mengubah sikap ke arah yang lebih positif dengan semangat yang boleh menguntungkan para penun-



PESURUHJAYA Buruh, Awang Haji Mat Zahri ketika berucap merasmikan Majlis Orientasi Pengambilan Sesi Julai 2002 - Disember 2003 bagi Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

tut serta penggunaan sumber manusia sebaik-baiknya bagi memajukan negara.

"Kemudahan yang diberikan kerajaan hendaklah digunakan sebaik mungkin, kerajaan melalui agensinya bertanggungjawab memberikan latihan, kursus dan seumpamanya serta kerjasama dari pihak swasta yang patut diberi sanjungan dan timbal balas dengan taburan bakti dan sumbangan tenaga ke arah sama-sama memajukan sosio-ekonominya," jelas beliau.

Dengan mengambil kira cabaran dan persaingan dalam mencari pekerjaan serta kesesuaian katanya, kelebihan dan keutamaan latihan kursus yang dijalankan adalah wajar diambil iktibar secara serius serta dijadikan se-

bagai landasan untuk meneruskan dan mengekalkan bidang kemahiran melalui pengajian lanjutan, tambah beliau.

Selain itu, tambahnya, latihan yang menjurus kepada kepelbagaian kemahiran dan pelajaran sepanjang hayat dalam meningkatkan kebolehan serta keserasian jawatan-jawatan lain di masa akan datang ke arah perkembangan kerjaya yang cemerlang adalah juga diperlukan.

Di samping itu, beliau juga menyeru kepada penuntut-penuntut baru supaya akan dapat berusaha lebih gigih untuk menamatkan kursus dan seterusnya mendapatkan pekerjaan yang bersejuaian, malah mampu bertahan di jawatannya dengan harapan segala pe-

Oleh
Abdullah Asgar

ngalaman yang diperolehi nanti akan boleh dijadikan sebagai sandaran dan pegangan serta galakan ke arah menguasai bidang yang diminati.

Tambahnya, pihak swasta juga diharapkan untuk memainkan peranan yang positif kerana ia dilihat sebagai satu agensi yang boleh membantu menyediakan kemudahan dan peluang serta pilihan pekerjaan melalui jawatan-jawatan selaras dengan kursus yang dijalankan.

Majlis Orientasi selama dua hari melibatkan semua penuntut-penuntut baru yang terpilih bagi mengikuti kursus asas di SVNR.

Mereka akan mengikuti kursus NTC2 Elektrikal, NTC2 Elektronik, NTC2 Mengecat dan Hiasan, NTC3 Perpaipan dan Pemasangan Paip, NTC3 Membuat Baju dan Tukang Jahit, NVC Pandangan Rambut dan Kursus Asas Kraf Binaan (Penyusunan Bata).

Setakat ini sekolah tersebut telah mengeluarkan lebih 1,000 orang penuntut yang mempunyai sijil kelulusan asas dalam pelbagai bidang dan di antaranya melanjutkan pengajian dalam dan luar negeri atas biaya kerajaan melalui Kementerian Pendidikan.



PEMERINTAH Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, YDM Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Mohammad Yusof menyempurnakan Majlis Kenaikan Pangkat. - Gambar oleh Hamadi HM.

Dinaikkan pangkat Pegawai Kadet

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 3 Julai. - Lans Koperal Sandy bin Selangkir yang menerima Tauliah Tetap kini dinaikkan pangkat kepada Pegawai Kadet.

Beliau akan ditempatkan di Unit Workshop Bolkiah, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei.

Pemerintah Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Mohammad

Yusuf bin Abu Bakar telah menyempurnakan kenaikan pangkat di Mes Pegawai, Bolkiah Kem, hari ini.

Hadir di Majlis Kenaikan Pangkat itu ialah Timbalan Pemerintah ATPBDB, pegawai kanan serta keluarga penerima.

Pusat Latihan ABDB juara merintis

Oleh Ak. Jefferi PD

TUTONG, 2 Julai. - Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei merupakan sebuah pusat yang memainkan peranan penting dalam memberikan latihan, bimbingan dan membentuk tatatertib setiap anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Bimbingan yang diberikan bukan hanya kepada tahap mempraktikkan anggota yang terlibat dalam melaksanakan prosedur-pro-

sedur yang betul dan membuat ataupun melakukannya, mempraktikkan kemahiran kemahiran asas medan kawalan yang berkesan dan juga perhubungan yang berkesan, bahkan juga dalam meningkatkan lagi kemahiran mereka terutama sekali dalam gerakan-gerakan hutan, khususnya di dalam

gerakan mencari dan memusnahkan musuh.

Sehubungan dengan itu, Unit Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sekali lagi mengadakan Perlawanan Merintis antara Unit Pusat Latihan ABDB bagi tahun 2002 yang berlangsung di Penanjong Garison di Tutong.

Antara tujuan perlawanan adalah bagi memilih wakil unit berkenaan bagi perlawanan merintis peringkat ABDB selain menguji kemahiran para anggota tentera di dalam membaca peta serta menguji kecergasan jasmani mereka, di samping memupuk semangat kesukanan di setiap peringkat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada hari tersebut ialah Komandan Pusat Latihan ABDB, Leftenan Kolonel Haji Md. Yakub bin Haji Bolhassan.

Pada perlawanan tersebut, johan disandang oleh Kompeni Rekrut, manakala naib johan pula ialah Kompeni Kursus, sementara Kompeni Gabungan di tempat ketiga. Penerima hadiah perseorangan terbaik dipilih menjadi wakil Pusat Latihan pada perlawanan merintis peringkat ABDB yang akan dijalankan pada bulan Ogos nanti.

Penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan oleh Komandan Pusat Latihan ABDB.



PERLAWANAN Merintis antara Unit Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berlangsung di Penanjong Garison, Tutong. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PARA pelajar Pengambilan Sesi Julai 2002 - Disember 2003 Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam ketika membaca ikrar pelajar di Majlis Orientasi yang berlangsung di sekolah itu 2 Julai lepas. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.



PEMANGKU Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Haji Mustafa ketika menyampaikan sijil kepada pelajar yang mengikuti Program Pengkayaan Pendidikan Khas dalam peperiksaan awam tahun lalu. - Gambar oleh Harun HR.

Para pelajar Program Unit Pendidikan Khas terima sijil

Oleh Samle Hj. Jait

RIMBA, 29 Jun. - Pelajar yang mengikuti pelbagai program Unit Pendidikan Khas (UPK) menerima sijil mereka di Majlis Penyampaian Sijil-sijil Unit Pendidikan Khas Tahun 2002 di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, di sini.

Sijil tersebut telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Haji Mustafa kepada pelajar yang mengikuti Program Pengkayaan, Program Pra-Vokasional dan Pelajar-pelajar Berkeperluan Khas yang telah lulus dalam peperiksaan awam tahun lalu.

Guru-guru dan sukarelawan yang terlibat dalam Kursus Induksi Program Pra-Vokasional serta Bengkel-bengkel Bahasa Isyarat, Bahasa Inggeris dan Kod Braille juga menerima sijil mereka.

Ketua Unit Pendidikan Khas, Dr. Omar bin Haji Khalid berkata, penglibatan ibu bapa sangat penting dalam perkembangan intelek dan kemajuan akademik anak-anak kerana tanpa sokongan dan bimbingan di rumah akan menjadi sukar bagi mereka

untuk mencapai kejayaan terutama bagi anak-anak yang bermasalah dalam pembelajaran.

Katanya, usaha guru-guru mengembangkan suasana yang positif di bilik darjah boleh membawa peningkatan pembelajaran, sementara suasana di rumah juga penting untuk kebaikan pembelajaran setiap kanak-kanak.

UPK yang ditubuhkan pada tahun 1994 berperanan dalam memberikan perkhidmatan pendidikan bersesuaian kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas selain meningkatkan mutu pengajaran dalam suasana inklusif.

UPK kini telah mengukuhkan Program Pra-Vokasional, Program Pengkayaan, Program Masalah Penglihatan dan Program Masalah Pendengaran.

Ketika ini, kursus pendidikan berterusan dalam bidang masalah pendengaran juga telah dikenalkan kepada guru-guru dan sukarelawan untuk membantu pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pendengaran di sekolah inklusif.

Kanak-kanak berkeperluan khas Dibimbing melalui pendidikan terancang

RIMBA, 29 Jun. - Peluang pendidikan kepada semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak keperluan khas telah lama wujud di Negara Brunei Darussalam berdasarkan kepercayaan mereka boleh belajar dan berjaya dari bimbingan dan perhatian melalui pendidikan yang terancang.

Oleh Samle Hj. Jait

jar dan berjaya dari bimbingan dan perhatian melalui pendidikan yang terancang.



"Ini bertujuan agar semua kanak-kanak itu nanti akan menjadi warganegara yang produktif dan penyumbang kepada pembangunan negara," jelas Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dato Paduka Haji Mustafa di Majlis Penyampaian Sijil Pendidikan Khas, di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, di sini.

Katanya, pihak pentadbir sekolah perlu mewujudkan dan mempertingkatkan suasana bekerjasama yang erat di antara pihak sekolah dengan ibu bapa melalui penubuhan jawatankuasa peringkat sekolah secara lebih berkesan dalam usaha untuk meningkatkan perkembangan pendidikan bagi kanak-kanak khas.

Beliau juga menyarankan agar warga sekolah dan masyarakat perlu memainkan peranan untuk menghasilkan iklim persekolahan dan pembelajaran yang sihat terutama dalam sama-sama menangani permasalahan kanak-kanak yang memerlukan pendidikan khas.

"Bagi pelaksanaan pendidikan inklusif yang berkesan adalah penting setiap guru mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu, di samping menanamkan sikap prihatin ke atas pelajar-pelajar berkeperluan khas," jelasnya.

Dalam hubungan itu, Ke-

menterian Pendidikan berharap lebih banyak guru akan tampil mengikuti kursus-kursus Pendidikan Khas, di samping memanfaatkan kemudahan pusat sumber yang terdapat di Unit Pendidikan Khas (UPK) dalam membuat persediaan mengadaptasi dan memodifikasi pengajaran yang diperlukan oleh kanak-kanak khas.

Perikatan di antara sekolah dan masyarakat, keutamaan kepada pendidikan awal, profesionalisme guru dan pendedahan penggunaan komputer juga merupakan antara strategi yang dilaksanakan oleh negara-negara maju dan telah mendapat hasil perubahan yang positif dalam pendidikan.

Sementara itu, ciri-ciri seperti struktur dan peluang pembelajaran yang fleksibel, pengalaman pembelajaran yang relevan, standard, insentif, budaya keikutsertaan, pengajaran yang menarik dan persekitaran yang ceria perlu dimiliki di sekolah-sekolah.

Pendidikan Khas kini menjadi satu cabang pendidikan yang sangat mencabar dan memerlukan khidmat kerjasama meliputi semua pihak termasuk jabatan-jabatan di lain-lain kementerian dan swasta serta para penjaga.



PARA pelajar dan sukarelawan yang terlibat dalam Kursus Induksi Program Pra-Vokasional serta Bengkel-bengkel Bahasa Isyarat, Bahasa Inggeris dan Kod Braille. - Gambar oleh Harun

Kaum lelaki berkebolehan di bidang masakan

BERAKAS, 29 Jun. - Bidang masakan merupakan bidang yang dikuasai oleh kaum wanita di mana jua di dunia ini, namun dalam era globalisasi dan moden ini bidang yang dulunya dipelopori oleh kaum hawa kini sudah giat dikuasai oleh kaum lelaki, bahkan penguasaan

dan kebolehan mereka dalam bidang ini sudah sejajar dengan kaum wanita.

Di negara kita sendiri, bidang masakan juga bukan saja dikuasai oleh kaum wanita bahkan kaum lelaki kini menceburi diri dalam profesion tersebut terutama di hotel-hotel utama di dunia.

Baru-baru ini seramai sembilan orang penuntut yang terdiri dari lima lelaki dan empat wanita di bawah umur 25 tahun dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal sedang menjalani latihan mereka di hotel-hotel di negara ini telah menunjukkan bakat, kebolehan dan kemahiran mereka

Oleh
Awangku Jefferi PD

dalam Peraduan Memasak tahunan bagi bakat-bakat muda. Peraduan tersebut berlangsung di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara dan ditaja oleh Royal Brunei Catering (RBC).

Tiga daripada peserta tersebut adalah daripada Royal Brunei Aircraft Catering tiga daripada Hotel Orchid Garden, manakala dua daripada Hotel Sheraton Utama dan seorang mewakili Kelab Polo Jerudong. Dalam peraduan tersebut para peserta dikehendaki menyediakan tiga menu berupa resipi dari negara Barat.

Enam orang hakim telah didatangkan dari hotel-hotel utama di negara ini dan dari Brunei Chapter Con-

frerie de la Chaine des Rotisseurs yang mana penghakiman itu berdasarkan daripada sudut kebersihan, saiz bahagian dan persiapan.

Pemenang dalam Peraduan Masakan pada tahun ini ialah Dayang Elfa Yuniza binti Haji Abdul Razak dari Hotel Sheraton Utama manakala ditempatkan kedua pula ialah Mohd Rizam bin Mohd. Ali dari Kelab Polo Jerudong dan di tempat ketiga pula ialah Hanim Iradawati binti Haji Bujang dari Royal Brunei Aircraft Catering.

Peraduan itu juga memperlihatkan dan membuktikan bahawa penglibatan anak-anak tempatan kita di dalam bidang masakan bukan hanya terhad kepada jenis masakan tempatan tetapi juga berupaya di dalam menyediakan makanan antarabangsa.



TERTARIK ... Para pelajar dari Universiti Monterey, Mexico (kiri) dan Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong (kanan) dengan penuh minat menyaksikan gambar-gambar yang dipamerkan sempena 50 Tahun Penubuhan Jabatan Penerangan, yang masih dipamerkan di jabatan tersebut. - Gambar-gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid menyempurnakan perletakan tiang asas bangunan tersebut. - Gambar ihsan Azimin Haji Musa.

Dewan serbaguna bernilai \$1 juta

Oleh Haji Nasip Rosli

LABI, 25 Jun. - Penduduk-penduduk di Mukim Labi sedikit masa lagi akan menikmati satu lagi kemudahan sebuah dewan serbaguna yang bernilai kira-kira \$1 juta. Dewan tersebut dibina di atas tapak seluas kira-kira 5 1/2 ekar di Kampong Rampayoh.

Majlis Perletakan Tiang Asas bangunan dewan tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin; Pegawai Daerah Belait,

Awang Adnan bin Haji Hanafiah dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Harun bin Haji Ismail, serta bekas Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Haji Abdul Ghani bin PDPD DP Haji Abdul Rahim dan Dato Paduka Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan.

Dewan yang berukuran 13,500 kaki persegi itu dijangka siap pada April 2003 dilengkapi bilik mesyuarat, bilik pejabat, stor, surau serta beberapa kemudahan-kemudahan lain mengikut keperluan semasa.

Kerjasama penduduk mukim dan kampung hasilkan kesejahteraan

KUALA BELAIT, 23 Jun. - Kesejahteraan, kemajuan dan pembangunan yang telah dilaksanakan serta dinikmati hingga hari ini bukanlah suatu yang mudah, tanpa adanya faktor-faktor luaran dan sokongan yang mengundangi ke arah kesejahteraan malah ianya adalah berlandaskan muafakat dan kerjasama antara masyarakat penduduk-penduduk mukim dan kampung, dengan kerajaan. Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah di Majlis Permuzakarah Jabatan Daerah Belait bersama-sama penduduk Mukim Belait. Majlis berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampong Pandan.

Pegawai Daerah Belait juga menjelaskan Jabatan Daerah Belait mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk mengurus dan mengendalikan hal-ehwal mukim dan kampung berserta penduduknya bagi merencanakan kemajuan dan pembangunan yang berpatutan sesuai dan bertepatan dengan hala tuju aspirasi negara.

Peranan dan tanggungjawab ini tegasnya,

Oleh
Haji Nasip Rosli

diperkukuhkan dengan adanya misi dan matlamat jabatan yang jelas untuk mengangkat status Daerah Belait sebagai daerah yang bistari dan cemerlang.

Dengan itu juga, katanya boleh mengangkat taraf dan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk dan seterusnya dapat meningkatkan dan memperkukuhkan lagi suasana aman damai di kalangan anggota masyarakat.

Ke arah itu Jabatan Daerah Belait sentiasa berusaha merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan dan kemajuan mukim dan kampung yang merangkumi penye-

diaan prasarana serta kemudahan asas yang dikendalikan langsung oleh Jabatan Daerah Belait atau dikendalikan melalui jabatan dan kementerian yang lain.

Peranan dan tanggungjawab Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung juga diperingat oleh Pegawai Daerah Belait yang mana falsafah dan tujuan penubuhan majlis adalah bagi memupuk kerjasama, saling bantu-membantu di kalangan penduduk juga agensi-agensinya kerajaan untuk mengendalikan hal-ehwal mukim dan kampung serta seluruh isi penduduk di dalamnya.

Dalam hubungan ini masyarakat hendaknya mengetahui peranan dan

tanggungjawab dengan kata lain setiap masyarakat dan warga bangsa dituntut memainkan peranan dan sumbangan ke arah pembinaan bangsa dan pembangunan ummah dan negara, jelasnya.

Di majlis itu Pegawai Daerah Belait juga mendengar permasalahan yang dikemukakan oleh penduduk-penduduk Mukim Belait, di samping menerima cadangan-cadangan bagi pembangunan dan kemajuan mukim dan kampung. Kira-kira 200 orang penduduk Mukim Belait telah menghadiri majlis tersebut, di samping pegawai-pegawai Jabatan Daerah Belait juga ketua-ketua kampung Mukim Belait.

Kompeni Askar Wanita (KAW) adakan Sambutan Maulud

BERAKAS, 14 Jun. - Lebih seratus anggota tentera dari Kompeni Askar Wanita (KAW) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah menghadiri Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Pegawai Memerintah Sekolah Pengajian Pusat Latihan ABDB, Mejar Hajah Rosnani binti Haji Ismail.

Oleh Awangku Jefferi PD

Sementara itu ceramah yang bertajuk 'Wanita Salihah Di Zaman Moden' disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Ustazah Hajah Nazilah binti Kula.

Majlis tersebut diadakan di Bilik JRC, Kompeni Askar Wanita, Bolkiah Garrison.



WAKIL Perbadanan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad, Mohd. Sahroll bin Haji Mohd. Roger menyerahkan derma kepada Presiden Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Masni. - Gambar ihsan Media Permata.

Hadiri Perhimpunan Agung Wanita ASEAN

Oleh Awangku Jefferi PD

BERAKAS, 28 Jun. - Hak kuasa wanita dalam politik, sosial dan ekonomi di era globalisasi menjadi tema Perhimpunan Agung Ke-10 Persatuan Gabungan Wanita-wanita ASEAN yang diadakan di Republik Singapura pada 5 hingga 8 Julai ini.

Perhimpunan tersebut bagi mengenal pasti tindakan yang akan diambil serta resolusi daripada wakil 10 negara ASEAN dalam memperbaiki lagi situasi dan masalah kehidupan dan pengetahuan mengenai hak wanita di era globalisasi.


Serombongan wakil Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Presidennya, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali dijangka akan menghadiri perhimpunan tersebut.

Sebelum mereka berlepas meninggalkan negara ini, Perbadanan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad telah mendermakan wang kepada Majlis Wanita

negara ini yang disampaikan oleh wakil bank berkenaan, Mohd. Sahroll bin Haji Mohd. Roger kepada Datin Hajah Masni bagi kegunaan persatuan itu yang diadakan di Bangunan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam di Anggerek Desa.

Perhimpunan Agung Ke-10 itu dijangka akan disampaikan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama S.R. Nathan telah dirasmikan 5 Julai di Ritz Carlton dan ini merupakan kali pertama kesemua wanita ASEAN sama-sama merayakan Hari Wanita-wanita ASEAN sejak ianya mula ditubuhkan pada tahun 1999.

Pada hari itu, isteri Presiden, Puan S.R. Nathan melancarkan buku masakan khas 'Daughters Of Asia' Persatuan Gabungan Wanita-wanita ASEAN.



CERPEN

tentukan," pinta Ziah penuh harapan pada ayahnya.

"Arwah mak kau pun memang beria-ia benar untuk menjodohkan kau dengan si Aman tu," terang Haji Duraman.

Roziah endah tak endah bersahaja mendengar penjelasan ayahnya, direnungnya wajah ayahnya semata-mata hanya hendak mengambil hati orang tua itu. Di hatinya sudah nekad memilih Din untuk menjadi teman hidupnya.

Gegaran yang kuat menghempas daun pintu mengejutkan Roziah. Rupanya dia telah lama berkhayal hingga dia tak sedar suaminya, Maludin balik.

"Ha... awak tidur mati

pulang lewat malam katanya ada kerja lebih masa. Roziah akur dengan penjelasan suaminya.

Anak kecil yang sedari tadi tidur nyenyak meregek-regek. Terkejut agaknya dengan gegaran kuat menghempas daun pintu itu tadi.

Roziah bergegas mendodoikan anaknya, tapi biasalah anak kecil tak tahu apa mahunya, tangisnya semakin kuat.

Tiba-tiba satu tamparan yang kuat singgah ke muka Roziah.

Berdengung telinga Roziah disebabkan tamparan itu. Dia jadi panik. Anak yang sedari tadi menangis ditinggalkan Roziah berlari ke ruang tamu rumahnya. Di hatinya tertanya-tanya apakah

kasih sayang yang ditunjukkan oleh Maludin pada Roziah. Perasaan menyosal mula menghantui fikiran Roziah tapi bak kata pepatah Melayu terlajak perahu boleh di undur tapi terlajak membuat keputusan akibatnya sendirilah yang menanggung. Akhirnya dia terpaksa akur akan kehendak takdir, menerima apa saja kelakuan suaminya... mmmm habis nak buat macam mana lagi? tanyanya di dalam hati.

Keesokannya Roziah bergegas pergi ke hospital, tak tertahan rasanya sakit yang dideritanya dari semalam bila mana menerima hadiah yang tidak dipinta dari suaminya.

Doktor yang merawat Roziah bertanya apa yang menyebabkan lebam di mukanya. Roziah bersahaja memberitahu doktor yang dia tergelincir di atas lantai yang basah dan mukanya terhantuk ke almari semalam. Tanpa soal panjang doktor memberi cuti sakit selama dua hari pada Roziah.

Kesempatan ini Roziah gunakan untuk balik kampung menjejug ayahnyanya setelah meminta kebenaran dari suaminya.

Hatinya tersentuh bila mana melihat rumah ayahnya yang sudah usang. Teringat ia akan zaman kanak-kanaknya. Mereka bukanlah lahir dari keluarga yang senang bolehlah dikatakan kais pagi makan pagi. Di sanalah dia membesar sehingga menjadi remaja. Remaja yang tidak kurang dengan sopan santun, budi bahasa dan kejelitaan yang menyerlah.

Selesai persekolahan Roziah berhijrah ke bandar dan mendapat pekerjaan yang boleh menjamin masa depannya. Dia tinggal di rumah yang disewanya sendiri. Tinggallah ayahnya bersendirian di rumah itu. Emaknya sudah lama meninggal.

Dalam mengelamun itu tiba-tiba Roziah terdengar seseorang memberi salam.

"Assalamualaikum," lembut nada salam dari Aman.

"Walaikumsalam," balas Roziah.

"Bila sampai?" Tanya Aman.

"Baru saja," Roziah menjawab pertanyaan Aman tadi.

"Abang Aman dari mana tadi?" tanya Roziah lagi.

"Abang baru lepas menjenguk ayah Rozi tadi, dia kurang sihat," terangnya lembut.

Sayu hati Rozi mendengar penjelasan Aman. Dia sendiri tidak tahu yang ayahnya kurang sihat.

CAHA YA DI KAKI SENJA

OLEH LYLA MANJA

SAWAH padi yang menguning keemasan menyejukkan mata memandang, melapangkan fikiran yang kusut ditambah lagi dengan kicauan burung-burung pipit yang berterbangan berbut-rebut mencari rezeki di sawah itu. Pemandangan sebegini sudah jarang-jarang dapat dilihat di zaman ini. Rindu rasa hati Roziah akan suasana sebegini.

Roziah yang sedari tadi asyik memerhatikan burung-burung itu tersentak dengan perbualan ayahnya bersama emak saudaranya Mak Piah.

"Kaulah menjadi angan-angan saya ini bang Aji elok benarliah tu, tanah hasil titik peluh abang aji tu pun

tak ke mana-mana kalau tak anak cucu kita yang mewarisinya," nada suara Mak Piah penuh harapan.

"Entahlah Piah, aku pun tak berani berjanji apa-apa dengan kau, sebab si Ziah tu muda lagi, lagi pun jodoh... manalah dapat kita tentukan, itukan urusan Tuhan?" balas Haji Duraman.

Benci benar Roziah pada emak saudaranya itu dengan kelakuannya yang beria-ia benar hendak menjodohkan anak lakikannya dengan Roziah.

Anak lelaki Mak Piah, Aman, adalah seorang guru lepasan Maktab Perguruan lapan bulan yang lalu. Sebab itulah dia berharap benar Aman cepat dapat seorang isteri, Roziah, berkenan benar di hati Mak Piah. Dapatlah mengeratkan lagi tali persaudaraan yang memang sudah dekat katanya.

Aman pun apa kurangnya memang telah lama menaruh hati dengan Roziah, tapi semua itu Roziah ketepikan. Roziah tak nak pandang Aman walau sebelah mata. Kerana di hatinya hanya ada Din.

Esok Roziah hendak pulang ke bandar. Cutinya seminggu sudah berakhir. Tak puas rasanya dia menatap suasana kampung yang telah lama ditinggalkannya. Apatah lagi musim sawah padi milik

ayahnya dan orang-orang kampung sudah mulai menguning, menandakan padi sudah sedia untuk dituai, tak lama lagi beras baru akan dapat dinikmati.

Beras baru hasil tempatan dari sawah ayahnya dan orang-orang kampung memang terkenal, kalau di bandar susah hendak mendapatkan beras tempatan tulen yang benar-benar baru, kalau nasib tak baik ditambah lagi jika kita tidak dapat mengenali macam mana keadaan beras yang dikatakan baru itu, beras yang bertahun-tahun lamanya pun dikatakan baru oleh si penjualnya.

"Ayah Rozi pergi dulu, lain kali kalau ada cuti Rozi balik sini lagi, ayah jaga diri baik-baik," sedih hati Roziah hendak meninggalkan ayahnya bersendirian.

Di tebing Sungai Kianggeh sudah bersedia Din menjemput Roziah. Rindu juga rasa di hati Roziah pada kekasihnya itu walau hanya lebih kurang seminggu tak dapat melihat wajah Din.

Din pun nampak semacam saja bila nampak Roziah.

"Mungkin sama-sama rindu agaknya," bisik hati Roziah.

"U tak nak singgah mana-mana ke? ... Kalau tak I terus hantar u balik rumah," lembut suara Din.

"I nak balik rumah terus sajalah, kepala I ni pening sangat naik bot tu tadi," balas Roziah bersahaja.

"Oklah...! I jemput u esok pagi, u dah mula kerja esok kan?" tanya Din.

"Ok." Pendek saja balas Roziah, pening sangat kepalanya di waktu itu. Maklumlah dia dah lama tak naik bot.

Tidak pernah Din bersuara kasar pada Roziah - sifatnya yang bersopan santun, nada suara yang lembut sudah cukup mem-

buat hati Roziah tertarik dan jatuh hati pada Din.

"Aman, huh.. apa ada pada dia, kan dia sepupu, manalah sepadan dengan Rozi," bisik hati Roziah sambil membanding-bandingkan Aman dengan Din.

"Ziah, ayah harap kau akan faham apa yang akan ayah sampaikan ini nanti," Haji Duraman berharap benar Roziah akan mendengar kata-katanya.

"Ayah, bukan Ziah nak hampakan harapan ayah, tapi ayah, masa depan Ziah biarlah Ziah sendiri yang

ke? Sampai tak sedar suami balik?" bentak Maludin.

"Lain kali kalau awak nak tidur, terus mati lagi senang, tak adalah orang menyusahkan hidup aku lagi, macam kau ni," sambungnya lagi.

Roziah sudah semacam tak ada perasaan tersentuh lagi di dalam hati bilamana mendengar kata-kata kesat yang keluar dari mulut suaminya, sudah kerap sangat kata-kata itu dihidiahkan padanya.

Akhir-akhir ini nampak benar keegoan seorang lelaki yang bergelar suami pada Roziah.

Maludin selalu saja

kesalahan yang telah dia lakukan sehingga suaminya sanggup menghidiahkan tangan yang kasar itu singgah ke mukanya. Selama ini Roziah telah berusaha untuk menjadi isteri yang terbaik. Itu pesan ayahnya dulu, supaya selalu menjaga makan minum suami, menjaga hati suami. Menjadi isteri yang salihah.

Antara telinga yang berdengung dan rasa kesakitan dia terdengar suaminya bersungut kasar.

"Tidurkan anak pun awak tak reti, tapi bila nak lepaskan biji mata awak tu, awak biasa pulak."

"Dasar perempuan tak tahu diuntung," bentaknya lagi.

Sudah hampir tiga tahun usia perkahwinannya dengan Maludin kekasih hati pilihannya sendiri walaupun berat rasa hati ayahnya untuk merelakan anaknya menjadi isteri Maludin. Bersama usia perkahwinan itu jugalah Roziah tidak pernah merasa kebahagiaan berumah tangga kecuali beberapa bulan selepas berkahwin dulu.

Kalau dibandingkan dengan kemesraan sewaktu bercinta dulu ternyata jauh bezanya

BERAS baru hasil tempatan dari sawah ayahnya dan orang-orang kampung memang terkenal, kalau di bandar susah hendak mendapatkan beras tempatan tulen yang benar-benar baru, kalau nasib tak baik ditambah lagi jika kita tidak dapat mengenali macam mana keadaan beras yang dikatakan baru itu, beras yang bertahun-tahun lamanya pun dikatakan baru oleh si penjualnya.

PUISI

DOA UNTUK RAJA

Dipohonkan doa panjatkan syukur
ke hadirat Allah Subhanahu Wataala
limpah kurnia rahmat
seluruh rakyat jelata pelusuk rantau
di balai singgahsana seisi keluarga
kerabat
lanjutan usia Raja berdaulat
memimpin
kekal karar memerintah negara.
Puja usia baginda 56 tahun 15 Julai
2002
imbis semula ristaan sejarah
kegemilangan
keputeraan baginda tahun 1946
menerajui tampuk pemerintahan
di bawah payung panji-panji mahkota
turun-temurun waris purih bangsa
Melayu.

Kepimpinan baginda menempa
sejarah
bersama rakyat berganding bahu
mengelir rakyat ikatan perpaduan
sejati
adil saksama dalam melimpahkan
kurnia
terbentang luas indah pembangunan
negara
berkembang maju jaya dalam
mencapai alaf baru.
Rancangan negara projek masa depan
rakyat
setiap detik menjadi ristaan dan
perbualan
persaingan hebat negara luar
tuturan para pelancong tidak pernah
luput
adat istiadat diraja yang diwarisi
berbudaya, berbangsa, berbahasa dan
beragama.

Basirah HB

SELAMAT TINGGAL TEMAN
(Buat Profesor, semoga rohm di-
curi rahmat, amin! Kembali ke rah-
matullah tanggal 26 Jun 2002)

Hari ini dunia tersentak
pemergianmu yang tak diduga
cahaya gulita seketika
mencari kebenaran berita
aduh! betulkah ini?
Ya Tuhan! Engkau lebih mengasihinya
terimalah ia seperti seadanya.

Demi kasih ini
tiada kata dapat diucapkan
kasih-Mu padanya melebihi
segalanya
Engkau lebih mengetahui ya Tuhan!

Mendung rasa
mendengar berita
pedihnya tak terkira.

Negara kehilanganmu, teman
bakti yang tak kenal pembalasan
curahan ilmu yang tidak ternilai
ke manakah kami cari ganti
sepertimu?

Oh Tuhan!
Terimalah ia seadanya
Engkau lebih mengetahui
betapa kehilangannya kami
mutiara hikmah kini tiada
gelap seketika menerima berita
pemergianmu teman buat selamanya.

Selamat dalam perjalananmu
kami doakan semoga rohm
dalam golongan mohibbin
golongan salihin, amin!

Helmi Halim

DI PERSADA KEINSAFAN

Di persada keterlanjutan
aku terdampar hanyut

dan
di perlantaran suci ini
aku menadah keinsafan
tiba-tiba rindu menusuk kalbu
rindu pada hidayah
rindu pada rahmat
rindu pada ketenangan
dan yang pastinya
rindu padamu ya Ilahi.

Aku cuba hitung kurnia-Mu
tak sanggup kumembilang
sekitar lama dibelenggu alpa
lupa pada pegangan
lupa pada ajaran
lupa pada diri dan Penciptanya
tika ini
aku menangis syahdu
telah berkurun dibungkus kenistaan
aku rela abdikan diri
demi sebuah kemurnian
aku reda yang ditakdirkan
demi sebuah kesucian
dan
aku pasrah demi keinsafan ini.
Abiysk

TANAH AIRKU III

Darussalam
bumi bertuah
tiap nadimu yang berdenyut
dan jantungmu yang berdegup
tumpah kasih setia
dan sokongan padu
pada kepimpinan Kebawah Duli
selaku tonggak negara
payung mahkota
sepanjang berdaulat berjasa.

1 Januari 1984
hari keramat
hari pemasyhuran kemerdekaan
dengan laungan ...
Allahu Akbar!
Allahu Akbar!
Negara merdeka berdaulat
seluruh rantau pesisirnya
dan satu rumpun bangsa
memuji dan mensyukuri
pada nikmat pemberian Ilahi.
Kemerdekaanmu, Darussalam!
tersemat kuat
kukuh terpacak
adalah berkat usaha gigih
dan kerelaan
dalam mengisi dan memelihara
tanah airku
rakyat bersatu padu.

TANAH AIRKU IV

Tanah airku
berdaulat, merdeka berkeadilan
dunia kini telah mengenalimu
dalam wujud yang bergerak
betapa rakyat menikmati hidup
- aman
- sejahtera
- bahagia
dan berkat daulat kepimpinan
kebijaksanaan dan kewibawaan
raja kita yang tercinta
insya-Allah
masa depanmu, tanah airku
lebih maju
lebih makmur
dalam erti dan kehidupan
yang dinamakan
kegemilangan!
dirgahayu tanah airku
dirgahayu!
dirgahayu!

Rahim M.S.

Dari muka 12

"Rozi tak kerja ke hari
ini?" tanya Aman.

"Tak, Rozi me dua
hari, semalam Rozi jatuh
di lantai terus terhantuk
dekat almari, sebab itulah
muka Rozi ni lebam
sikit." Terang Rozi walau
pun bukan Aman yang
menghendaki penjelasan
itu.

Di hati Aman dia
sudah dapat menghitung-
hitung apa yang menye-
babkan lebam di muka
Rozi itu kerana selama ini
dia telah banyak mende-
ngar perih rumah tangga
Rozi daripada ayah Rozi
sendiri.

Rozi meminta diri
untuk naik ke rumah dan
Aman meninggalkan
halaman rumah itu dengan
langkah yang lemah.

Di anak tangga rumah
Rozi memberi salam, di-
jawab dengan suara yang
tenggelam timbul dari
ayahnya. Rozi terus men-
dapatkan ayahnya yang
terlantar lesu.

"Ayah kenapa tak tele-
fon Rozi ayah sakit?"
tanya Rozi dengan nada
sedih.

"Tak apalah Rozi, ayak
sakit sikit saja ni," terang
Haji Duraman.

"Ayah dah makan
ubat?" Tanya Rozi lagi.

"Sudah, Aman yang
bagi tadi," jawab ayahnya
sambil terbatuk-batuk.

Dua hari Rozi di kam-
pong, ayahnya beransur
sembuh. Dia terpaksa
balik ke bandar untuk be-
kerja.

Banyak kerja yang ter-
tanggung. Kerja-kerjanya
tiada yang siapa men-
jamah kalau dia bercuti.

Di pejabat, telefon di
atas mejanya berdering.

"Hello, assalamualaik-
um, Rozi bercakap di
sini," terang Rozi.

"Walaikumsalam,
Puan Rozi, ini panggilan
kecemasan dari hospi-
tal RIPAS, puan diminta
datang ke wad kecemasan
sekarang juga, suami puan
ditimpa kemalangan,"
jelas seorang lelaki de-
ngan nada kecemasan.

Berita itu benar-benar
memeranjatkan Rozi.
Pagi tadi sebelum bertolak
ke pejabat suaminya sem-
pat bergurau dengannya.
Gurauan suaminya pagi
itu mententeramkan jiwa-
nya dan membangkitkan
perasaan kasih sayang di
hatinya. Walaupun suami-
nya selalu bersikap kasar

padanya.

Di perjalanan menuju
ke hospital semua kenan-
gan sewaktu bercinta de-
ngan Maludin terimbas
kembali di fikirannya.

"Ya Allah, selamat-
kanlah suamiku." Doa
Rozi di dalam hati.

Setibanya di wad kece-
masan doktor dan juru-
rawat sibuk tak menentu.
Pening mata Rozi men-
yaksikan keadaan itu.
Rupa-rupanya mereka se-
dang berusaha menye-
lamatkan nyawa suami-
nya.

"Puan, bersabarlah,
Tuhan lebih sayangkan
suami puan, kami telah
berusaha sedaya upaya
untuk menyelamatkan
suami puan." Semacam
tak percaya Rozi de-
ngan penjelasan itu. Tapi
dia sedar yang dia mesti
menerima hakikat ini.

Kata-kata itu me-
lemahkan seluruh anggota
Rozi, ingin rasanya dia
menjerit memberitahu se-
mula yang ada betapa
sayangnya dia pada
suaminya.

Sudah dua tahun ber-
lalu Rozi dan anaknya,
Nurulhana ditinggalkan
Maludin menyahut seruan
Ilahi.

Sudah tujuh bulan
Rozi tidak pulang ke
kampung. Tahun ini dia
sudah berangan-angan
untuk menyambut Hari
Raya Aidilfitri bersama
ayahnya di kampung. Hari
Raya pertama dia ber-
angkat balik bersama anak
kesayangannya Nurul-
hana. Perjalanan mema-
kan masa hampir empat
puluh lima minit dengan
menaiki bot.

Sudah bertahun-tahun
Rozi tidak berhari raya
di kampung. Ialah arwah
suaminya bukan suka sa-
ngat untuk balik kam-
pong.

Dengan wajah yang
berseri-seri Haji Duraman
menyambut kedatangan
Rozi. Selama arwah
isterinya tiada, Rozi telah
tempat orang tua itu me-
numpahkan kasih sayang-
nya.

Memang seronok sua-
sana berhari raya di kam-
pong apatah lagi Nurul-
hana yang baru pernah
merasakan berhari raya di
sana. Selesai sembahyang
sunat Aidilfitri, Haji
Duraman, Rozi dan
Nurulhana bersarapan
bersama.

"Assalamualaikum,"

terdengar seseorang mem-
beri salam.

"Walaikumsalam,"
balas Rozi dari dalam.

"Abang Aman, mari-
lah masuk, seorang saja
ke?" tanya Rozi.

Esok Rozi hendak
pulang ke bandar. Ke-
pulangannya kali ini dite-
mani Aman, katanya nak
pergi ke bandar, nak te-
ngok macam mana ke-
adaan hidup Rozi dan
Nurulhana di bandar.

Sesampai ke rumah
Rozi, Aman dipersila-
kan masuk, kali ini pe-
rasaan Aman berkocak
sebab ada sesuatu yang
hendak disampaikannya
pada Rozi.

Dalam perasaan yang
bergetar Aman cuba me-
nenteramkan hatinya sam-
bil menghirup kopi panas
yang dihidangkan oleh
Rozi. Nurulhana sudah
lama masuk ke biliknya.

"Ziah, ada sesuatu
yang abang ingin sampai-
kan." Aman membuka
kata.

"Apa dia bang?
Cakaplah." Pinta Rozi.

"Selama ini abang
telah lama menaruh
harapan pada Ziah, ialah
dari kita masih remaja lagi
sewaktu di kampung
dulu," jelas Aman.

"Tapi apa boleh buat
jodoh kita tiada," sam-
bung Aman lagi.

"Kali ini izinkan abang
menaruh harapan itu se-
kali lagi pada Ziah dan
abang berharap sangat
jawapan dari Ziah nanti
menggembirakan abang."
Pinta Aman bersungguh-
sungguh.

"Abang Ziah faham
maksud abang itu, Ziah
sekarang ni bukan anak
dara lagi bang dan umur
pun dah semakin pen-
dek," jelas Rozi.

"Mmm abang tak
kisah Ziah, kerana abang
sedar semua yang terjadi
pada Ziah adalah suratan
takdir, kita manusia hanya
mampu merancang," jelas
Aman lembut.

"Tapi bang..." Suara
Rozi terhenti seketika.

"Apa Ziah tak setuju
ke?" tanya Aman separuh
kebimbangan.

"Nurulhana." Rozi
mengharapkan penjelasan
Aman.

"Abang dah anggap
dia macam anak abang
sendiri walaupun abang
belum pernah berumah-
tangga," jelas Aman.

"Kita sama-sama bim-
bing dia nanti," sambung
Aman lagi.

Rozi memang sedar
yang dulu dia pernah
menghampakan Aman,
hatinya lebih terpaut pada
Maludin, arwah suami-
nya.

"Abang baleklah dulu
ke kampung, dekat sana
nanti abang berbincanglah
dengan ayah." Pinta
Rozi pada Aman.

"Ziah fikir pada Ziah
tak ada halangan tapi...
hanya satu yang Ziah
pinta dari abang nanti bila

jodoh kita tiba abang ja-
ngan menyesal pulak,"
jelas Rozi.

Aman semacam tak
sabar-sabar lagi untuk
menghabarkan berita ini
pada Haji Duraman.
Orang tua itu pun sama
seperti Aman, gembira sa-
ngat dengan keputusan
Rozi, anak kesayang-
nya itu.

Di dalam hati Aman
teringatkan arwah ibunya
Mak Piah, memang ibu-
nya berhasrat benar untuk
menjodohkan Aman de-
ngan Rozi.

Beberapa bulan setelah
keputusan dibuat, ber-
mulalah kehidupan yang
baru bagi Rozi, Aman
dan Nurulhana.

Pernikahan Rozi
kali ini, baharulah dia me-
rasa apa yang dikatakan
keharmonian berkeluarga.
Mungkin juga jodohnya
kali ini benar-benar telah
direstui oleh ayahnya se-
hingga rahmat dan hida-
yah melimpah ke dalam
rumah tangganya.

Malam itu setelah ber-
sembahyang fardu Isyak
berjemaah sekeluarga,
mereka bertahlil dan me-
manjatkan doa untuk
arwah Maludin.

Belum pun sempat
Rozi abang beredar dari se-
jadahnya, Aman mena-
hannya.

"Sayang, abang harap
sayang berbahagia hidup
bersama abang, yang
lepas-lepas tu usahlah di-
ungkit-ungkit lagi, kita
sama-sama menyuburkan
kasih sayang di dalam
rumah tangga kita ini, itu
harapan abang." Se-
macam ada kesyahduan di
dalam kata-kata Aman itu.

"Abang, Ziah pun
harap macam tu jugak,
kali ini Ziah benar-benar
merasakan ada cahaya
yang menyinar di dalam
hidup Ziah dan Nurul-
hana, tapi cahaya yang
menyinar di kaki senja,"
terang Rozi.

"Apa maksud kata-
kata sayang, cahaya me-
nyinar di kaki senja?"
Tanya Aman kehairanan

"Ialah, kan kita dah
sama-sama masuk usia
empat puluhan, sudah nak
senja bang," jelas Rozi
separuh bersenda.

"Oooo, sayang perli
abang yee," kata Aman
sambil menjeling isteri
kesayangannya itu.

"Tak adalah, Ziah pun
Cuma dua tahun muda
dari abang, kita sama-
sama dah hampir senja
ni." Gurau Rozi lagi
dengan suara manja pada
suaminya.

Tangan Aman sempat
singgah ke pipi Rozi,
tapi singgah untuk mem-
berikan cubitan sayang
pada isterinya itu.

Mulai hari itu cahaya
benar-benar menyinar ke
dalam rumah tangga se-
buah keluarga yang har-
moni. Walaupun cahaya
yang menyinar itu adalah
cahaya di kaki senja.



سندھ قیاس پر سام بیسکیا

سوسونن رنچاغن تیلیویشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukur mana-mana
isu rancangan

R A B U 10 JULAI	PAGI		PETANG		6.37	AZAN MAGHRIB	7.50	MENJELANG HARI
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	SURAH NABAWIYAH		KEPUTERAAN - 'Pegawai Daerah
		KEBANGSAAN	4.02	MUTIARA FIRMAN			7.10	'Temburong'
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.10	SUSUNAN RANCANGAN		MALAM	9.10	DRAMA - 'Pintu'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.25	RIMBA'S ISLAND	7.00	LIPUTAN SEMASA	9.25	SEMINAR EKSPLO ISLAM
	9.00	BERITA	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.25	MARI MEMASAK KE KAMPUNG	10.00	ANTARABANGSA
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	5.35	FILLER		KAMPUNG	10.30	NEWS AT 10
	10.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.53	AZAN ISYAK	11.30	SO LITTLE TIME
			5.55	MOVIES, GAMES AND VIDEOS	8.00	BERITA NASIONAL	11.50	SCIENCE INSIGHT
								DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 11 JULAI	PAGI	PETANG		5.45	BERITA	8.50	MENJELANG HARI	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.37	AZAN MAGHRIB	KEPUTARAAN	
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI - OK AMAL DIANA BINTI PG HAJI HAMDAN, K/P 297834 (K); AWG MOHAMMAD HANAFI BIN AWG ABBAS, K/P 260975 (K); AWG NORAZEMI BIN AWG HAJI HIDUP, K/P 265557 (K); AWG IMRAN BIN AWG ABDUL SAMAD, K/P 277201 (K); DYK ARDINA WATI BINTI MOHD ZAIN @ NURAFIAH MULTAZIMAH, K/P 258545 (K); AWG HAJI MOHAMMAD AMIRYADI BIN AWG HAJI TAHIR, K/P 257341 (K); AWG HAJI WAN SHAH AZMI BIN AWG HAJI WAHID, K/P 276901 (K); AWG MAT JULIAIDIN BIN AWG HAJI BAKAR, K/P 264109 (K); AWG HAJI MOHD SHAFEE BIN AWG HAJI BAHARUDDIN, K/P 271558 (K); W/C 3902 (P); AWG SHARIFULRIZAM BIN AWG HAJI ZAINAL, K/P 264290 (K); W/C 3960 (P); DYK KARTINE BINTI AWG MOHD ARSHAD, K/P 063441 (K); W/C 1511 (P); AK. JEFFREY BIN PG KASSIM, K/P 277483 (K); DYK ARPAP BINTI AWG JARUDIN, K/P 077925 (K); W/C 2177 (P); AWG MOHAMED BIN AWG HAJI MOHD TARIP, K/P 063287 (K).

30 JULAI (HARI SELASA)

PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI - AWG ABD SAMAT BIN AWG HAJI METASSIM, K/P 277356 (K); W/C 3970; AWG MOHAMMAD SUFIZAN BIN AWG HAJI OMAR, K/P 277990 (K); W/C 3954 (P); AWG KAMSANI BIN AWG KAMIS, K/P 258466 (K); AWG PAUL BIN AWG AHMAD @ ZAINAL BIN AHMAD, K/P 293521 (K); W/C 4022 (P); AWG NORZAIMAN BIN AWG BAKAR @ ABU BAKAR, K/P 267162 (K); AWG MAHLI BIN AWG AJI, K/P 275666 (K); AWG HAJI NORFAZAN SHAH BIN AWG HAJI LIAS, K/P 265838 (K); AWG MD BAHARIN SHAH BIN AWG HAJI ABU BAKAR, K/P 114398 (K); WAN MAZINI BIN AWG MOHD ZELANI, K/P 260972 (K); AWG HELMI BIN AWG HAJI MASRI, K/P 279562 (K); W/C 3990 (P); AWG ALJIN BIN AWG HAJI IBRAHIM, K/P 274152 (K); AWG MUHAMMAD HISHAM SHAH BIN AWG ABDULLAH ANYI, K/P 264958 (K); AWG ABD AZIZ BIN AWG HAJI MOHD YASIN, K/P 124445 (K); AWG RIDUAN BIN AWG HAJI TASSIM, K/P 274078 (K); AWG MOHD HAIRUL SHAH BIN AWG HAJI MOHD JAIS, K/P 260609 (K); DYK NORLIAH BINTI AWG HAJI ABAS, K/P 050234 (K); W/C 2331 (P).

JABATAN PERKHIDMATAN POS - DYK MAULUDNHAH BINTI AWG HAJI MOHD NUDIN, K/P 2



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JUALAN LELONG BARANG ALAT GANTI FRAME 5 GAS TURBINE

JABATAN Perkhidmatan Elektrik akan mengadakan jualan lelong pada 30 Julai 2002 (Hari Selasa) jam 9.00 pagi bertempat di Kawasan Unit Kenderaan dan Bengkel, Jalan Batu Bersurat, Gadong, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Lelong ini adalah mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki menjelaskan semua pembayaran secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Penender atau pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang pendahuluan sebanyak 20 peratus daripada harga tawaran semasa jualan lelong dijalankan.
4. Barang-barang yang telah dibeli, jika tidak dipindah dari kawasan penyimpanan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong ini akan dirampas balik dan akan dilelong semula. Wang pendahuluan sebanyak 20 peratus tidak akan dikembalikan.

Tarikh untuk melihat peralatan tersebut ialah pada 27 dan 29 Julai 2002 (Hari Sabtu dan Isnin) jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 4.00 petang bertempat di Kawasan Stor, Pusat Janakuasa Gadong I, Gadong, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

* **Perhatian :** Orang ramai yang berminat untuk melihat hendaklah membawa kad pengenalan atau pasport bagi memudahkan masuk ke kawasan Pusat Janakuasa Gadong I.

No. Lot	Bil	Keterangan Peralatan/Barangan	Part No.	Qty (set)	Janama Buatan
1	1	ACCESSORY COUPLING	235A55/8P001	9	General Electric (GE) European Gas Turbine (EGT) John Brown Engineering (JBE)
	2	RING PACKING	918B0980G1	13	John Brown Engineering (JBE)
	3	BEARING LINER 1 & 2	138C8604G1	17	European Gas Turbine (EGT) John Brown Engineering (JBE)
2	4	BEARING THRUST LOADED	226A1087P001	7	General Electric (GE) European Gas Turbine (EGT)



JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAERAH BELAIT BAGI BULAN JULAI 2002

Tarikh	Hari	Pusat Perhentian	Jam
10 Julai 2002	Rabu	Sekolah Rendah Panaga	9.45 pagi - 10.45 pagi
11 Julai 2002	Khamis	Sekolah Rendah Rampayoh	9.45 pagi - 10.45 pagi
11 Julai 2002	Khamis	Sekolah Rendah Labi	11.00 pagi - 12.00 t/hari
16 Julai 2002	Selasa	Sekolah Rendah Sungai Liang	9.00 pagi - 10.00 pagi
16 Julai 2002	Selasa	Sekolah Rendah Lumut	10.15 pagi - 11.15 pagi
17 Julai 2002	Rabu	Sekolah Rendah Sungai Tali	9.00 pagi - 10.00 pagi
20 Julai 2002	Sabtu	Sekolah Rendah Merangkang	9.15 pagi - 10.45 pagi
20 Julai 2002	Sabtu	Sekolah Rendah OKPB Bukit Sawat	11.00 pagi - 12.00 t/hari
22 Julai 2002	Isnin	Sekolah Rendah Danau	9.00 pagi - 10.00 pagi
22 Julai 2002	Isnin	Sekolah Rendah Telisai	10.15 pagi - 11.15 pagi
23 Julai 2002	Selasa	Sekolah Rendah PSN Pg Hj Mohd. Yusof	9.45 pagi - 10.45 pagi
24 Julai 2002	Rabu	Sekolah Rendah Panaga	9.45 pagi - 10.45 pagi
25 Julai 2002	Khamis	Sekolah Rendah Rampayoh	9.45 pagi - 10.45 pagi
25 Julai 2002	Khamis	Sekolah Rendah Labi	11.00 pagi - 12.00 t/hari
30 Julai 2002	Selasa	Sekolah Rendah Sungai Liang	9.00 pagi - 10.00 pagi
30 Julai 2002	Selasa	Sekolah Rendah Lumut	10.15 pagi - 11.15 pagi
31 Julai 2002	Rabu	Sekolah Rendah Sungai Tali	9.00 pagi - 10.00 pagi



JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

JAWATAN KOSONG BERGAJI HARI

Bil : 2/2002

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan sebagai Pegawai Pelabuhan bergaji hari di Jabatan Pelabuhan, Kementerian Perhubungan.

1. JAWATAN : PEGAWAI PELABUHAN

BAHAGIAN : II
TANGGAGAJI : \$103.00 SEHARI
JABATAN/KEMENTERIAN : JABATAN PELABUHAN, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN.

2. Syarat Kelayakan :

- a. Mempunyai pengetahuan tentang kemasrman agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pemasaran/pengangkutan/kejuruteraan awam atau kejuruteraan mekanikal atau dalam bidang yang bersesuaian yang dikiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- c. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran pejabat serta kerja-kerja pelabuhan/perkapalan adalah merupakan satu kelebihan.
- d. Menjadi ahli kepada badan-badan profesional seperti Membership Chartered Institute of Transport (MCIT) dan sebagai adalah merupakan satu kelebihan.

3. Syarat-Syarat Lain :

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar masa pekerjaan biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

4. Tugas dan Tanggungjawab :

- a. Menguasai Bahagian Pentadbiran Am dan Gerakan.
- b. Meneliti perkhidmatan-perkhidmatan yang berjalan di Pelabuhan dari masa ke semasa.
- c. Bertanggungjawab dalam bahagian pentadbiran dan kelengkapan.

5. Tempoh Percubaan dan Penetapan Jawatan :

- a. Pegawai Pelabuhan yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
- b. Pegawai Pelabuhan yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat-syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

6. Kursus/Latihan :

Pegawai Pelabuhan adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan/persidangan yang ditetapkan dari masa ke semasa.

7. Kenaikan Pangkat :

Pegawai Pelabuhan boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi jika memenuhi syarat kelayakan dan tertakluk jua kepada kekosongan jawatan.

Peringatan :

Permohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Pelabuhan Muara, Kementerian Perhubungan, BT 1728, Negara Brunei Darussalam. Borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama sekopeng gambar berukuran pasport dengan salinan siji-siji kelulusan kepada Pengarah Pelabuhan Muara tidak lewat daripada 31 Julai 2002.



MAJLIS UGAMA ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

PENGUMUMAN

MAJLIS Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam mengumumkan bahawa pihaknya ada menyimpan perkara seperti berikut :

- **Wang Tunai** yang telah dijumpai oleh Haji Nasir bin Hidup beralamat No. 14, Kampong Sinaut, Tutong di meja jualannya di Tamu Tutong pada 6 Jun 2002.
- Sesiapa yang kehilangan **Wang Tunai** tersebut bolehlah berhubung dengan Awang Haji Mahir bin Mohd. Yusof, Penolong Setiausaha Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat dibuka.

PENJUALAN KAIN RENTANG

DIMAKLUMKAN kepada orang ramai khususnya kepada peniaga-peniaga seluruh daerah bahawa Jawatankuasa Khas Kain Rentang dan Logo sempena sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 Tahun telah memilih Syarikat Yih Fa Trading & Printing Company, beralamat di No. 27 Tingkat Bawah Bangunan Q-Lap, Simpang 88 Jalan Kiulap BE 1518 Negara Brunei Darussalam untuk mencetak, membekal, mengedarkan, menjual, memasukan dan seterusnya membuka kain rentang sempena sambutan perayaan yang akan diadakan pada bulan Julai. Syarikat tersebut telah melantik wakil-wakil penjual setiap daerah masing-masing yang beralamat serta nombor telefon seperti berikut :

Daerah Brunei dan Muara

Yih Fa Trading & Printing Company,
No. 27 Tingkat Bawah, Bangunan Q-Lap Simpang 88 Jalan Kiulap, Negara Brunei Darussalam. No. Telefon : 02 - 233248.

Daerah Belait

Hai Bin Enterprise,
No. 15 Jalan Pretty Tingkat Bawah Bangunan Teksi Terminal, Kuala Belait. No. Telefon : 03 - 341297.

Oleh yang demikian, orang ramai yang berhajat untuk membeli kain rentang berkenaan bolehlah menghubungi syarikat berkenaan dan wakil-wakil penjual yang dilantik dengan harga \$18.00 sehelai. Walau bagaimanapun, sebelum membeli kain rentang, orang ramai adalah dinasihatkan untuk memastikan kain rentang yang hendak dibeli itu telah dicap dan ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Khas Bagi Kain Rentang dan Logo.

Pembelian kain rentang dari syarikat-syarikat selain daripada syarikat dan wakil-wakil penjual yang disebutkan di atas adalah tidak dibenarkan.

Tarikh memasang kain rentang sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 bermula 8 Julai hingga 7 Ogos 2002.

Daerah Tutong

Lee Ta Trading Company,
No. 153 Kampong Sengkarai, Tutong. No. Telefon : 04 - 222488.

Daerah Temburong

Chop Hock Guan,
No. 9 Kedai Bangar, Temburong. No. Telefon : 05 - 221229.



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPUNG MENENGAH/BUKIT SULANG, MUKIM LAMUNIN, TUTONG

PENDUDUK-PENDUDUK Kampung Menengah/Bukit Sulong dan sekitarnya adalah dipelawa untuk mencalonkan penduduk-penduduk kampung masing-masing, yang berkecuali bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Menengah/Bukit Sulong dengan syarat-syarat berikut :

1. Setiap calon Ketua Kampung hendaklah :
 - a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya;
 - c) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon ketua kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.
 - d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun pada tarikh pencalonannya;
 - e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara;
 - f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, Kemasyarakatan dan Adat Resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan;
 - g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian; dan
 - h) Tidak pernah diisytiharkan mufis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh 2 tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan mufis telah dibatalkan oleh mahkamah.
2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
4. Seorang pencadang dan 2 orang penyokong yang mencalonkan Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Tutong.
5. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).
Tanggagaji : C1, EB.2 iaitu \$1,280.00 hingga \$1,930.00.

Cara Menghadapkan Pencalonan :

Penduduk kampung dikehendaki untuk mendapatkan borang pencalonan yang boleh didapati dari Jabatan Daerah Tutong melalui Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah disisakan mengikut sepertimana yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima. Dan Borang Pencalonan hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Tutong (UP : Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung) tidak lewat 1 Ogos 2002 (hari Khamis) jam 2.00 petang.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin (sebagai tarikh yang telah ditetapkan.)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Jumlah yuran adalah seperti berikut :

Kelas Penender	I	II	III	IV	V	VI
Dokumen - Kertas	\$10.00	\$25.00	\$50.00	\$250.00	\$500.00	\$1,000.00
Dokumen - Elektronik	-	-	-	\$155.00	\$280.00	\$530.00

6. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar dokumen tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III dan IV kategori 2a sahaja.

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran pada hari Sabtu 29 Jun 2002 (Dilanjutkan kepada 29 Julai 2002 (Sabtu). Tarikh tutup hari Isnin 1 Julai 2002 (Dilanjutkan kepada hari Isnin, 22 Julai 2002) (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Negara Brunei Darussalam). Hingga jam 2.00 petang. BIL : JKR/DTS/SAR/24/2002 - T/II : MEMBINA BENGKEL TAPAK LATIHAN PRAKTIKAL DAN TENTUKUR TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. No. Projek : DTS/SAR/D/207. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV & V kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran pada hari Sabtu, 13 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 22 Julai 2002. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Negara Brunei Darussalam). Hingga jam 2.00 petang. BIL : JKR/DTS/SAR/25/2002 - T/IV : CADANGAN MEMBINA MASJID BARU KAMPONG KELUGOS JALAN SINAUT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Nombor Projek : DTS/SAR/D/215. Jumlah Yuran Tawaran : \$250.00.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III dan IV kategori 1 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Isnin 29 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 29 Julai 2002. BIL : JKR/DOD/09/2002 (ESS) : LATIHAN KEBAKARAN MOCK-UP PERINGKAT 1. Nombor Projek : DOD/ESS/808-008. Jumlah Bayaran Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V (IV & VI) kategori 1 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 20 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 29 Julai 2002.

BIL : JKR/DDS 015/2002 (CDE) - T.V : PEMBINAAN LONGKANG KONKRIT DI SUNGAI ANTONG, SUNGAI SEMBILANG DAN SUNGAI PAUH, BERAKAS - FASA 2. Nombor Projek : 02/DDS(CDE)/3-03901. Yuran Tawaran : \$250.00. Yuran Dokumen : \$250.00. Jumlah Yuran : \$500.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV kategori 3 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 20 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 29 Julai 2002.

BIL : JKR/DDS 016/2002 (SEW) - T.III : MENGOSONGKAN DAN MEMBERSIHKAN STESEN PENGEMAM PEMBENTUNGAN DAN LOJI RAWATAN DI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, MUARA, BERAKAS, TUTONG DAN TEMBURONG (2002 - 2004). Nombor Projek : 02/DDS(SEW)/2-01501. Yuran Tawaran : \$25.00. Yuran Dokumen : \$25.00. Jumlah Yuran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V dan VI kategori 1 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 20 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 22 Julai 2002 (Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan). BIL : JKR/DOR/SRC 042/2002 : PEMBINAAN JALAN LABU MENUJU KE

POS KAWALAN LABU, TEMBURONG. Yuran Tawaran : \$500.00. Yuran Dokumen : \$500.00. Jumlah Yuran : \$1,000.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II dan III kategori 1 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 20 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 22 Julai 2002 (Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan).

BIL : JKR/DOR/SRC 043/2002 : PEMBINAAN JALAN LALUAN KE TAPAK TERNAKAN UDANG DI SUNGAI PAKU FASA I, DAERAH TUTONG. Yuran Dokumen : \$25.00. Jumlah Yuran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II dan III kategori 1 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 20 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 22 Julai 2002 (Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan).

BIL : JKR/DOR/SRC 044/2002 : PEMBINAAN JALAN LALUAN KE TAPAK TERNAKAN UDANG DI SUNGAI PAKU FASA II, DAERAH TUTONG. Yuran Dokumen : \$25.00. Jumlah Yuran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II dan III di kategori 4(a) sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 6 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 29 Julai 2002.

BIL : JKR/DBSBM 012/2002 : KERJA PEMBAIKAN DAN MENGATAP BEREK JABATAN PERTANIAN LUAHAN JERUDONG. Nombor Projek : 2002DBSBM/PTN 01. Yuran Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II dan III di kategori 5(d) sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 6 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 29 Julai 2002.

BIL : JKR/DBSBM 013/2002 : KERJA-KERJA MENGATAP SEMULA DAN MEMBAIKI KEROSAKAN RUANG PANGSA JABATAN KERJA RAYA BLOK EF 36 NO. 8 (JKR, 1936) PERUMAHAN BERIBI GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Nombor Projek : 2002DBSBM/25003. Yuran Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III dan IV di kategori 4(a) sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 6 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 29 Julai 2002.

BIL : JKR/DBSBM 015/2002 : KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENGECAI DI KOMPLEKS SUKAN JKR, JKR NO. 116, JALAN AIRPORT LAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Nombor Projek : 2001DBSBM/25005. Yuran Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan). Yuran Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2002/T/3027 : (JPPK/LTN/21/2002/ NSC/2) PENGKALAN TENTERA UDARA, ABDB BACHELOR ACCOMMODATION AND COOKHOUSE PACKAGE NO. 5#5B : ELECTRICAL SYSTEM INSTALLATION. Yuran Dokumen : \$125.00 (tidak dikembalikan). Bayaran Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan). Kelas : IV, Kategori : 7a, 7b, 5l. Tempoh Penyediaan Kerja : In line with main contract.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2002/T/3026 : (JPPK/LTN/21/2002/ NSC/1) PENGKALAN TENTERA UDARA ABDB PACKAGE NO. 5#5A : KITCHEN EQUIPMENT, AIR-CONDITIONING AND PUMPING SYSTEM. Yuran Dokumen : \$125.00 (tidak dikembalikan). Bayaran Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan). Kelas : IV, Kategori : 5n, 5j and 6f. Tempoh Penyediaan Kerja : In line with main contract.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/PDP/55/2002 : Tajuk Kerja : PENANAMAN TIANG 35 KAKI DAN PENARIKAN AERIAL KABEL DARIPADA SUNGAI PATAI KE TENAJOR JALAN LABI.

Tarikh tutup : 22 Julai 2002, hari Isnin jam 2.00 petang. Bayaran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan kategori 7B' Kelas II ke atas.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perancangan Sistem dan Penyelidikan Projek, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/56/2002 : Tajuk Kerja : PEMBEKALAN DAN KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI STESEN PEMANCARAN RBT BUKIT SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup : 22 Julai 2002, hari Isnin jam 2.00 petang. Bayaran Tawaran : \$100.00. Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam BS 8710.

Kelayakan : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan, Kelas II, III, IV dan V (kategori 5j).

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II dan III di kategori 4A sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 13 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 22 Julai 2002.

BIL : JKR/DBSKB 016/2002 : REPAIR WORKS TO HEALTH DEPARTMENT, KUALA BELAIT. Nombor Projek : 2002DBSKB/UPK01. Bayaran Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan). Bayaran Dokumen Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV di kategori 1 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 13 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 22 Julai 2002.

BIL : JKR/DBSKB 017/2002 : REPAIR OF POTHOLE IN BELAIT DISTRICT ROADS FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS. Nombor Projek : 2002DBSKB/20405. Bayaran Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan). Bayaran Dokumen Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV di kategori 1 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 13 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 22 Julai 2002.

BIL : JKR/DBSKB 018/2002 : NARCOTIC CONTROL BUREAU OFFICER AND STAFF HOUSING, KUALA BELAIT (PHASE I) - SITE PREPARATION. Nombor Projek : DBS 614/0121. Bayaran Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan). Bayaran Dokumen Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV di kategori 1 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 13 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 22 Julai 2002.

BIL : JKR/DBSKB 019/2002 : THERMOPLASTIC ROAD MARKING ALONG MAJOR ROADS IN BELAIT DISTRICT FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS. Nombor Projek : 2002DBSKB/20404. Bayaran Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan). Bayaran Dokumen Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III di kategori 3 & 4 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang, hari Sabtu 13 Julai 2002. Tarikh tutup hari Isnin 22 Julai 2002.

BIL : JKR/DBSKB 020/2002 : TWO (2) YEARS TERM CONTRACT FOR MAINTENANCE AT GOVERNMENT HOUSING (SEWERAGE WORKS) IN BELAIT DISTRICT - ZONE 1 (SUNGAI TUJUH UP TO PANDAN LAPAN). Nombor Projek : 2002DBSKB/20805. Bayaran Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 22 Julai 2002. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 19 Julai 2002 hari Jumaat jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2002/T/3028 : (JPPK/LTN/23/2002) BLASTING ROOM EXTRACTION SYSTEM UPGRADE FLITILLA BASE, MUARA. Yuran Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan). Bayaran Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan). Kelas : III dan IV, Kategori : 6g dan 7a. Tempoh Penyediaan Kerja : 4 bulan.

Syarat-Syarat Tawaran :

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 5 Ogos 2002. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 2 Ogos 2002 hari Jumaat jam 10.30 pagi.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2002/Z/3035 : TENT 12 X 15 FT, PORTABLE LT/WT COMPLETE (KTI : 40 EA). Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 22 Julai 2002. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 22 Julai 2002 hari Jumaat jam 10.30 pagi.
- a) Wang Bayaran Tawaran dan Yuran Dokumen hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolkiah Garrison BB 3510, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan 2.00 petang - 3.30 petang, Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- b) Pembekal adalah dikehendaki membayar semua tawaran seperti yang diiklankan.
- c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catitkan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalag asal yang berkaitan dan berseusutan dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



BERSOPAN SANTUN DI JALAN RAYA

KELUARAN KHAS

Pelita قلیتا برونی BRUNEI



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



*Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-56 Tahun Pada 15 Julai 2002*

Kebawah DYMM utamakan kepentingan negara, rakyat

S

EJAK memerintah negara 35 tahun, Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membawa dan menempatkan Negara Brunei Darussalam di persada yang gilang-gemilang. Berkat kebijaksanaan dan kepimpinan baginda, Brunei telah menempuh kejayaan yang amat cemerlang. Negara terus bertambah maju. Pembangunan negara terus dipergiatkan di seluruh negara. Taraf hidup rakyat terus meningkat. Dalam erti kata yang lain, kita semua menikmati kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran yang berkekalan hingga ke hari ini.

Kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan yang kita nikmati itu adalah rahmat dari Allah Subhanahu Wa-taala yang telah memberkati usaha gigih dan pimpinan bijak-

OLEH HAJI JAAFAR HAJI IBRAHIM

sana lagi adil dari raja kita yang kita kasihi selama ini. Dengan pimpinan, usaha gigih dan pemedulian baginda yang berterusan itulah negara kita bertambah makmur dan sejahtera. Gaya dan cara pentadbiran negara kita adalah benar-benar menepati maksud ayat yang tertulis dalam panji-panji negara kita iaitu 'Sentiasa Berbuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah'.

Manakala rakyat dan penduduk negara ini pula sentiasa mencurahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi, memberikan kerjasama yang erat serta dukungan yang padu kepada kepimpinan baginda dan kerajaan baginda. Ciri-ciri inilah merupakan elemen yang telah dapat membawa kejayaan kita dan seterusnya menikmati taraf kehidupan yang sentiasa meningkat.

BEKERJA UNTUK RAKYAT

Setelah hampir 35

tahun baginda menaiki takhta dan memerintah negara darussalam yang tercinta ini, baginda merupakan seorang ketua negara, ketua agama, ketua adat istiadat dan ketua pentadbiran yang sentiasa bekerja untuk rakyat, sentiasa prihatin dan pemedulian terhadap kebajikan dan masalah rakyat baginda. Daya kepimpinan baginda yang cemerlang itu adalah terpancar daripada warisan paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Kesinambungan pimpinan untuk membahagikan, memajukan dan kemakmuran bumi bertuah ini hasil pimpinan dan bimbingan paduka ayahanda baginda. Ini jelas terbukti bukan sahaja di mata rakyat dan penduduk malahan juga menjadi pujian dan keagungan pemimpin dunia. Baginda sentiasa menumpukan perhatian dan bekerja penuh gigih dan lutan tanpa mengira penat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa prihatin dan pemedulian akan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

kemakmuran negara serta memelihara nama baik Negara Brunei Darussalam. Juga memeningkan laila usaha dan meninggikan taraf hidup rakyat melalui laila rancangan dan kesejahteraan perkembangan negara yang telah, se-

peristiwa penting berlaku yang akan menjadi ristaan zaman-berzaman. Antara paparan peristiwa penting yang tetap menjadi tinta sejarah tanah air ialah Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984.

rakyat jati dan skim perumahan negara kepada mereka yang tidak mempunyai tanah. Cukai pendapatan ditiadakan. Pendek kata semua rakyat dan penduduk negara ini menikmati hasil mahsul negara yang kita peroleh. Pemedulian baginda kepada rakyat adalah begitu berat sekali sehingga perhatian keperluan mereka di hari tua iaitu dengan penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) sejak tahun 1993 bagi mereka yang berkhidmat dengan kerajaan dan sektor swasta. TAP kini mempunyai 70 ribu orang ahli merupakan sebuah organisasi keselamatan sosial di hari tua.

didirikan oleh kerajaan di mukim-mukim pedalaman. Pembinaan perumahan untuk rakyat yang tidak mempunyai tanah terus berjalan lancar sehingga kini. Bagi memenuhi hasrat itu, kerajaan baginda menyediakan pelbagai skim perumahan antaranya ialah Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Dan alhamdulillah dengan adanya skim perumahan itu, taraf kehidupan rakyat dan penduduk negara ini terus terjamin dan meningkat. Apatah lagi skim bayaran ansuran murah dengan tempoh pembayaran sehingga 30 tahun. Secara tidak langsung memberikan kemudahan kepada rakyat terutama sekali yang berpendapatan rendah.

Ke arah memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk terus terjamin, baginda sering kali berangkat bercemar duli melawat mukim-mukim dan kampung-kampung termasuk kawasan-kawasan pedalaman di seluruh negara sama ada secara mengejut dan rasmi. Prihatin dan pemedulian baginda itu jelas

KE ARAH memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk terus terjamin, baginda sering kali berangkat bercemar duli melawat mukim-mukim dan kampung-kampung termasuk kawasan-kawasan pedalaman di seluruh negara sama ada secara mengejut dan rasmi. Prihatin dan pemedulian baginda itu jelas menunjukkan kepada kita betapa baginda mahukan rakyat hidup aman dan sejahtera.

lelah. Hasil kerja keras baginda dan berkat usaha agung baginda itu, kita terus menikmati segala macam kebajikan dan kebaikan yang tidak terilai.

TITAH SULUNG

Dalam titah sulung baginda semasa menaiki takhta pada 4 Oktober, 1967 dulu, baginda antara lain berjanji: "Maka beta selaku sultan dengan sedaya upaya beta akan berusaha pada menjalankan dasar-dasar paduka ayahanda dan akan sentiasa memelihara keamanan, ketenteraman dan laila usaha bagi

dang dan dibuat oleh paduka ayahanda dulu. Dan mudah-mudahan dengan izin Allah beta juga sentiasa menjaga dan memelihara tidak kendur-kendurnya laila usaha mengenai agama Islam yang benar-benar dan adat istiadat negeri."

Janji yang baginda titahkan itu tetap baginda kotakan. Buktinya nyata, berkat usaha agung dan kepimpinan bijaksana baginda, kita tetap dan terus menikmati segala macam kebajikan. Dalam zaman pemerintahan baginda inilah banyak peristiwa-

PEMEDULIAN DAN PRIHATIN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerajaan baginda lebih mengutamakan kepentingan rakyat dan negara. Contoh paling ketara ialah penggunaan hasil mahsul negara diagih-agihkan sebegitu rupa untuk dapat dinikmati oleh setiap lapisan rakyat dan penduduk. Skim pendidikan dan perubatan diberikan secara percuma di samping bantuan subsidi bagi makanan keperluan seperti beras dan gula. Pembangunan tanah kepada

Bidang pendidikan, kesihatan dan perumahan sering mendapat perhatian dan pemedulian yang utama dalam kerajaan baginda. Ini amat jelas melalui bertambahnya bangunan-bangunan sekolah dan institusi pendidikan dibina seluruh negara. Begitu juga, rakyat negara ini bukan sahaja menikmati perubatan percuma bahkan perkhidmatan-perkhidmatan itu lebih mudah diperoleh dengan adanya klinik-klinik perubatan dan kesihatan yang



BIDANG pendidikan sering mendapat perhatian yang utama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerajaan baginda.

Lihat muka III



BAGINDA sering berangkat melawat mukim-mukim dan kampung-kampung bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat terus terjamin.



SKIM perumahan negara untuk rakyat yang tidak mempunyai tanah terus berjalan lancar. Dalam gambar kelihatan baginda berinteraksi dengan penghuni sebuah keluarga yang mendiami rumah di bawah skim perumahan kerajaan.

Kebawah DYMM utamakan kepentingan negara, rakyat

Dari muka II

menunjukkan kepada kita betapa baginda mahukan rakyat hidup aman dan sejahtera. Di samping itu, keberangkatan baginda itu menampilkan kepada kita, betapa baginda sayangkan rakyatnya. Dan yang lebih utama, misi baginda mengadakan lawatan itu membolehkan baginda berinteraksi dan bersemuka dengan rakyat yang baginda kasihi dan mendengar apa

jua permasalahan dan kerumitan yang dihadapi.

Dalam memastikan pentadbiran kerajaan berjalan licin dan lancar serta teratur, baginda juga sering mengadakan lawatan mengejut ke kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah serta institusi-institusi pendidikan tinggi di seluruh negara. Pemedulian dan prihatin yang baginda tunjukkan itu adalah semata-mata baginda hasratkan untuk mewujudkan pentad-

biran kerajaan yang benar-benar efisien dan berwibawa, jujur dan amanah di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan terutama sekali yang bersangkutan-paut dengan kepentingan awam dan orang ramai.

Semasa berangkat mengadakan lawatan ke Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kemajuan Perumahan pada 21 Jun 1989, baginda antara lain menitahkan: "Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah sentiasa memberikan pemedu-

lian kepada orang ramai dengan mengamalkan sikap tidak 'ca-mah mata' dan 'berat mulut' apabila melihat orang ramai datang ke pejabat-pejabat mereka bagi mendapatkan sesuatu penerangan ataupun perkhidmatan. Apa yang kita kehendaki di sini ialah supaya setiap pegawai dan kakitangan akan bertindak serta-merta memberikan penerangan ataupun menunjukkan ke arah mana seharusnya orang ramai menuju, dan bukannya membiarkan

MELALUI pimpinan dari singgahsana, baginda telah berjaya membawa negara ke mercu kejayaan. Karisma dan kewibawaan baginda telah menyerlahkan lagi imej Negara Brunei Darussalam di mata dunia antarabangsa. Daya kepimpinan baginda terus dihormati dan disegani dan galati. Ketokohan baginda mendapat sanjungan dan pujian serta penghormatan daripada ketua-ketua negara dan pemimpin-pemimpin dunia baik semasa baginda berangkat membuat lawatan negara dan menghadiri mesyuarat dan persidangan bertaraf antarabangsa.

orang ramai mundur-mundur dalam keadaan serba salah."

PIMPINAN DARI SINGGAHSANA

Melalui pimpinan dari singgahsana, baginda telah berjaya membawa negara ke mercu kejayaan. Karisma dan kewibawaan baginda telah menyerlahkan lagi imej Negara Brunei Darussalam di mata dunia antarabangsa. Daya kepimpinan baginda terus dihormati dan disegani serta galati. Ketokohan baginda mendapat sanjungan dan pujian serta penghormatan daripada ketua-ketua negara dan pemimpin-pemimpin dunia baik semasa baginda be-

rangkat membuat lawatan negara dan menghadiri mesyuarat dan persidangan bertaraf antarabangsa.

Penghormatan ketara hasil ketokohan dan kepimpinan baginda ialah apabila baginda telah mengemudikan Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN pada November 2001 dan Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada November 2000. Kedua-dua mesyuarat besar yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam itu telah mengangkat daya kepimpinan baginda ke mercu kejayaan dan penghormatan yang tinggi di kalangan pe-

mimpin dunia.

Hasil kepimpinan dan ketokohan baginda itu, baginda telah menerima pelbagai anugerah dari negara-negara luar. Penghargaan yang baginda terima itu adalah bagi mengenang jasa dan bakti serta sumbangan baginda terhadap dunia sejagat.

Berkat kepimpinan dan pemedulian raja kita yang dikasihi, Negara Brunei Darussalam serta segala isi di dalamnya akan terus menikmati kemajuan dan kemakmuran. Di bawah kebijaksanaan baginda, Brunei, bumi bertuah terus bertambah maju dan makmur.



BAGINDA sering mengadakan lawatan mengejut ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan bagi memastikan pentadbiran kerajaan baginda berjalan licin dan efisien.

A

NUGERAH Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah meletakkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang pemimpin yang sangat prihatin terhadap pengajian Islam dan dunia Islam.

Beberapa kota Islam yang pernah menjadi pusat dan tumpuan untuk mempelajari kemahiran dan tamadun Islam yang dibangunkan pada ketika itu, kini hanya tinggal sebagai ristaan saja dan tamadun yang menjadi milik umat Islam itu telah diubahsuai oleh orang lain.

Kini kesedaran adalah sangat penting untuk bangkit semula mencapai tamadun yang telah hilang dan seterusnya membuka minda ke arah meningkatkan semula imej dan kewibawaan umat Islam.

Salah satu usaha yang dilihat boleh mencapai matlamat itu ialah Anugerah Program Antarabangsa Bagi Pengajian Tamadun Islam yang diasaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia beberapa tahun yang lalu yang ditempatkan di Pusat Pengajian Islam Oxford.

Program itu dilihat sebagai pengiktirafan dan penggalak terhadap kece-merlangan akademik seseorang ilmu atau institut dalam bidang pengajian Islam serta dunia Islam, merangkumi semua bidang utama pengkajian dan pengajian bidang sastera, kemanusiaan dan sains sosial yang berkaitan dengan pengajian tamadun Islam.

Inisiatif dan sokongan baginda terhadap perkembangan dunia Islam melalui program utama bagi Pengajian Tamadun Islam di Pusat Oxford (Pengajian Islam) itu amat bermakna dalam menempatkan Negara Brunei Darussalam ke hadapan bersama-sama negara-negara yang prihatin terhadap perkembangan syiar Islam.

Dengan tidak secara langsung sumbangan baginda itu merupakan dorongan kepada setiap individu yang memberikan sumbangan cemerlang akademik, sebagaimana titah baginda semasa mengumumkan penubuhan anugerah itu bahawa Pusat Pengajian Islam Universiti Oxford akan dapat membantu pengajian tinggi mendapatkan sumber-sumber yang banyak dari Universiti Oxford.

Baginda bertitah melalui program itu akan mengembangkan pertalian akademik dengan institusi-institusi di rantau-rantau di dunia, termasuk Asia Tenggara dan terutama sekali di antara Universiti Oxford dan Universiti Brunei Darussalam.

Justeru, hasil daripada usaha-usaha para ilmuwan ini akan dapat membentuk masyarakat Islam yang berilmu, membentuk insan yang salih selain mewujudkan persefahaman yang dapat melahirkan nilai-nilai toleransi, tolong-menolong, hormat-menghormati dan berkasih sayang.

Atas dorongan baginda melalui program tersebut akan dapat melahirkan ramai bijak pandai atau pemikir-pemikir Islam yang berwibawa yang akan dapat memandu umat Islam melalui pendidikan serta pengetahuan yang mereka salurkan.

Dalam masa yang sama, sedikit sebanyak membuka minda masyarakat Islam untuk terus meneroka jalan-jalan yang lebih luas lagi ke arah memartabatkan Islam dan umatnya.

Dari satu sudut pula, anugerah tersebut mempunyai agenda ilmu dan maklumat Islam yang dapat dikembangkan kepada generasi-generasi yang akan datang.



SHEIKH Abd. Fattah Abu Ghudda merupakan penerima pertama Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah tahun 1995 di United Kingdom dalam bidang Pengajian Hadis dan Sains Hadis ketika menerima anugerah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

INISIATIF dan sokongan baginda terhadap perkembangan dunia Islam melalui program utama bagi Pengajian Tamadun Islam di Pusat Oxford (Pengajian Islam) itu amat bermakna dalam menempatkan Negara Brunei Darussalam ke hadapan bersama-sama negara-negara yang prihatin terhadap perkembangan syiar Islam.

Sejak anugerah tersebut dimulakan pada tahun 1995 hingga sekarang terdapat lapan orang penerima telah menerima anugerah tersebut yang terdiri dari Sheikh Abd. Al-Fattah Abu Ghudda di bidang Pengajian Hadis dan Sains Hadis; Profesor Dr.

Adnan Mohd Zarzur dan Profesor Dr Ahmad Mohd Al-Kharrat, masing-masing di bidang Pengajian Quran; Dr Yusof Al-Qaradawi, bidang Feqah Islam; Syed Abul Hassan Ali Nadwi, bidang Biografi Tokoh Terkemuka Dalam Pemikiran Islam manakala

Kebawah DYMM prihatin perkembangan Islam

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menyempurnakan pengurniaan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada Dr. Akram Dhiya Al-Umari, di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas (ICC).

masyarakat yang berlainan budaya lebih rapat dan bersefahaman dengan saling hormat-menghormati dalam bermasyarakat.

Persefahaman dan semangat hormat-menghormati tidak akan terlaksana tanpa adanya pengetahuan dan dalam masa yang sama pula berpegang teguh kepada nilai-nilai tradisi murni selain bersikap keterbukaan.

Dalam sejarah hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak mengajar umat manusia ke arah pembentukan insan yang salih walaupun dalam keadaan berlainan keturunan, warna kulit dan bahasa dengan mewujudkan satu ba-

hasa persefahaman yang dikongsi bersama iaitu Bahasa Wahyu yang membentuk nilai-nilai toleransi, tolong-menolong, hormat-menghormati serta kasih sayang.

Masyarakat hari ini lebih memerlukan kepada nilai-nilai yang dibawa oleh Rasulullah dalam membentuk kehidupan yang bertamadun menjurus ke arah meningkatkan pengetahuan ilmu dan teknologi selain menjaga keaslian, nilai-nilai dan identiti yang dapat memberikan dorongan terhadap perubahan tamadun ke tahap yang universal berasaskan kebaikan, kebenaran dan kedamaian.

Dengan demikian,

pengajian Islam perlu dimudahkan kepada generasi yang akan datang dengan mengabadikan semula pembentukan bahasa yang asal dan menterjemahkannya ke dalam bahasa lain serta mengaitkan dengan kehidupan intelektual dan sosial, mengelakkan dari cerita-cerita yang tidak benar dan pemikiran-pemikiran yang salah.

Sejajar dengan hasrat murni itulah program ini akan dapat menjadi pencetus minda ke arah mengerakkan kemajuan masyarakat Islam untuk bangkit semula mencapai kegemilangan serta keunggulan tamadun Islam masa lampau.

Meningkatkan kesejahteraan rakyat

OLEH SAHARI AKIM

RAKYAT dan penduduk Negara Brunei Darussalam semanginya hidup dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera. Semua itu adalah atas limpah rahmat dari Allah Subhanahu Wataala yang mengurniakan sumber kekayaan dari hasil buminya, di samping berkat kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam mensyukuri segala nikmat yang ada, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa melipatgandakan usaha ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi negara agar tidak semata-mata bergantung kepada penghasilan minyak dan gas. Selain dari itu kerajaan juga mengamalkan sikap berjimat cermat dalam perbelanjaan tetapi amat prihatin terhadap kebajikan rakyat dan penduduk negara ini.

Pada masa yang sama rakyat dan penduduk negara ini hendaklah lebih peka dan bersikap proaktif dalam sama-sama memikul tanggungjawab memajukan bangsa dan negara bagi menjamin kemakmuran yang berkekalan. Rakyat dan penduduk hendaklah merebut segala peluang dan kemudahan yang disediakan untuk mencapai kejayaan yang menjurus kepada kecemerlangan diri, masyarakat, bangsa dan negara di masa hadapan.

Keprihatinan kerajaan untuk menjamin kemakmuran rakyat dan penduduk secara berterusan adalah amat jelas dan

tidak dapat disangkal. Pelbagai program dirancang dan dilaksanakan termasuk usaha memperkasa ekonomi, di samping meningkatkan taraf kehidupan rakyat dengan menyediakan pelbagai infrastruktur kemudahan asas, bantuan-bantuan kebajikan dan sebagainya.

Ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini maka kerajaan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 telah mengambil kira cabaran-cabaran yang perlu diatasi dalam keadaan ekonomi semasa di samping merebut peluang-peluang baru yang boleh dimanfaatkan seperti globalisasi, penyediaan infrastruktur IT, perindustrian dan pelaburan, pembangunan sumber tenaga manusia dan lain-lain.

Untuk menjana pertumbuhan ekonomi serta membina infrastruktur awam dan mengalihgair kebajikan rakyat dan penduduk, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan program-program dan projek-projek berjumlah \$7,300 juta untuk dilaksanakan dalam RKN Ke-8. Peruntukan itu jelas menunjukkan keprihatinan dan komitmen kerajaan baginda untuk memajukan negara serta meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Matlamat RKN Ke-8 yang merupakan fasa terakhir bagi pelaksanaan rancangan jangka panjang negara bagi tempoh 1985 - 2005 adalah berasaskan kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

"Negara Brunei Darussalam adalah akan selamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersejuaian kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Negara Brunei Darussalam."

Selaras dengan matlamat jangka panjang negara bagi mencapai pembangunan sosioekonomi berterusan dan seimbang, penekanan RKN Ke-8 ditumpukan kepada pembangunan sumber tenaga manusia, industri-industri termasuk perusahaan kecil dan sederhana, teknologi tinggi, nilai tambah berorientasikan eksport, teknologi infokomunikasi dan projek-projek bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk seperti perkhidmatan kebajikan, perumahan, pendidikan dan perubatan.

Jumlah keseluruhan peruntukan RKN Ke-8 sebanyak \$7,300 juta mengikut sektor adalah seperti dalam Rajah 1.

PENDIDIKAN

Salah satu keutamaan RKN Ke-8 ialah pembangunan sumber tenaga manusia yang setentunya dapat dicapai melalui ilmu pengetahuan dan pendidikan. Dalam tempoh RKN Ke-7 sektor pendidikan di negara ini telah mengalami perkembangan dan kemajuan yang membanggakan baik dari segi kuantiti dan kualiti.

Dengan adanya komitmen dan usaha berterusan kerajaan di bidang pen-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan melawat ke salah sebuah wad pesakit di Rumah Sakit Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong.



SALAH sebuah kawasan Skim Rancangan Perumahan Negara bagi rakyat yang tidak mempunyai tanah.

didikan, kadar literasi (petunjuk bagi kualiti sumber manusia) secara keseluruhan pada tahun 2000 ialah 93 peratus.

Peruntukan kemajuan pendidikan bagi setiap RKN ialah untuk kemudahan-kemudahan pendidikan termasuk bangunan, bangunan sekolah, skim biasiswa, pengangkutan percuma atau elaun kenderaan bagi pelajar-pelajar yang berkecukupan dan penyediaan asrama bagi pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman.

RKN Ke-8 akan menumpukan kepada peningkatan kualiti serta kecukupan sistem pendidikan dan latihan bagi memperbaiki prestasi pe-

jar, di samping memajukan pendidikan dan latihan sentiasa sesuai dengan keperluan sektor swasta.

EKONOMI

Industri memainkan peranan penting dalam mewujudkan pekerjaan, mengatasi pengangguran dan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Selain mengukuhkan lagi industri minyak dan gas, usaha mempelbagaikan ekonomi bagi memajukan pertumbuhan sektor bukan minyak akan terus dilaksanakan dalam RKN Ke-8 berteraskan perusahaan kecil dan sederhana (SME).

Oleh kerana 95 peratus perusahaan di negara ini

terdiri dari SME maka berasaskan sokongan Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam (BDEC), kerajaan telah memberikan peruntukan khas sejumlah \$200 juta bagi membantu SME yang sebahagiannya digunakan untuk mewujudkan Skim Tabung Kewangan Kredit Modal yang dilaksanakan melalui penglibatan lapan buah bank di negara ini.

Untuk memajukan SME kerajaan juga akan menyediakan iklim perniagaan yang kondusif dan intensif menumpu kepada aktiviti-aktiviti yang boleh mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat di sektor-sektor di mana negara mempunyai daya saing.

Penglibatan aktif sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara adalah penting kerana me-reka merupakan penggerak utama program-program yang dirancang oleh kerajaan.

PERTANIAN DAN PERIKANAN

Program sektor pertanian bagi tempoh lima tahun akan datang ditumpukan kepada empat bahagian utama iaitu pembangunan industri tanaman, pembangunan industri ternakan, penyelidikan dan perkembangan (R&D), pertanian dan kemajuan pertanian luar bandar.

Lihat muka IX

PELABURAN DALAM RKN KE-8 MENURUT SEKTOR

Sektor	Peruntukan (B\$ juta)	%
Perindustrian dan Perdagangan	1,127.7	15.45
Pengangkutan dan Perhubungan	817.9	11.20
Perkhidmatan Sosial	1,454.6	19.93
Penggunaan Awam	1,152.4	15.79
Bangunan Awam	557.9	7.64
Keselamatan	179.6	2.46
Rampatan	1,484.0	20.33
Teknologi Infokomunikasi dan Sains & Teknologi	526.0	7.21
JUMLAH	7,300.00	100.00

RAJAH 1 (Sumber: Jabatan Perancang dan Kemajuan Ekonomi).



BANGGA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sentiasa menunjukkan minat mendalam terhadap hasil kraf tangan Brunei.



PRIHATIN ... Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam sentiasa menitikberatkan kehidupan, kesejahteraan dan kebajikan insan-insan istimewa.

OLEH DK. HAJAH SAIDAH PHOA

Inspirasi kemajuan wanita

P

ENAMPILAN
Kebawah
Duli Yang
Maha Mulia
Paduka Seri
Baginda
Raja Isteri

Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam menerajui beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terutama pertubuhan wanita di Negara Brunei Darussalam menjadi inspirasi kepada wanita-wanita Brunei demi memajukan negara amnya dan diri mereka sendiri khususnya.

Penglibatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menjadi Penaung Diraja seperti Pertubuhan Perumpulan Perempuan (WIP), Persatuan PERTWI, Persatuan Pandu Puteri, Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan (BISTARI), Perumpulan Kebajikan Isteri-Isteri dan Keluarga-Keluarga Polis Diraja Brunei (PEKERTI), Majlis Wanita dan Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam menunjukkan betapa baginda begitu mengambil berat mengenai kebajikan wanita dan sentiasa memberi sokongan yang kuat serta padu kepada pertubuhan-pertubuhan wanita di negara ini.

Malah baginda dan DYTM sendiri berkenan turun padang sambil beramah mesra dan menyaksikan lebih dekat lagi aktiviti-aktiviti dan cara kehidupan yang dilalui oleh pengakap dan pandu puteri semasa Perkhemahan Belia Antarabangsa sempena Tahun Melawat Brunei 2001 yang diadakan di Taman Jubli Perak Anduki membuktikan baginda dan DYTM mempunyai sikap pemeduliaan terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini walau di mana mereka berada.

Bukan itu sahaja, baginda dan DYTM juga berkenan berangkat ke majlis-majlis yang melibatkan NGO wanita di negara ini seperti perhimpunan wanita, peraduan kanak-kanak sihat, peraduan masak-masakan dan gubahan kraf

tangan dan sebagainya bagi meninggikan lagi semangat para wanita di negara ini untuk berusaha dengan lebih gigih lagi dalam pelbagai bidang yang diceburi lebih-lebih lagi di abad ke-21 yang penuh dengan cabaran.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita tidak terlepas daripada pengaruh di sekelilingnya. Dalam hubungan ini, seluruh rakyat dan penduduk negara ini termasuk pertubuhan bukan kerajaan seperti NGO wanita perlu memikul tanggungjawab yang berat terhadap masyarakat terutama sekali terhadap para belia dan kanak-kanak.

Tanggungjawab tersebut bagi memastikan generasi muda diberikan perhatian, pemeduliaan serta bimbingan yang wajar dan secukupnya agar mereka akan terus mengekalkan amalan hidup yang berdasarkan nilai-nilai murni beragama, ciri-ciri budaya bangsa yang telah menjamin keharmonian dan perpaduan hidup bermasyarakat yang dinikmati di negara ini untuk selamanya.

Tambahan lagi masyarakat dewasa ini sering berhadapan dengan pelbagai gejala sosial terutama di kalangan remaja seperti penyalahgunaan dadah, pemugut, jenayah remaja, anak-anak muda lari dari rumah dan pelbagai lagi. Bagi menangani masalah sosial yang dihadapi itu merupakan tanggungjawab semua pihak.

"Cabaran yang dibawa oleh kepesatan teknologi terkini bukan sahaja memerlukan kemahiran dan pengetahuan baru tetapi juga memberi kesan terhadap sikap dan nilai di samping menghendaki penglibatan semua sektor dalam masyarakat sama ada di pihak awam dan swasta, komersial dan sukarela," titah baginda semasa berkenan merasmikan Persidangan Serantau Asia Pasifik Ke-7 Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia yang berlangsung di Dewan Serbaguna Universiti Brunei Darussalam pada 27 Mei tahun lalu.

Begitu juga DYTM Pengiran Isteri yang menjadi Penaung Diraja kepada Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA), Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggotanya (PAPDA), Persatuan Pembasmis Dadah (BASMIDA) dan Badan Kebajikan Isteri-Isteri Diraja Brunei (BAKTI) menunjukkan keprihatinan DYTM bukan sahaja terhadap pertubuhan-pertubuhan wanita di negara ini tetapi juga insan-insan istimewa tidak pernah diabaikan malahan sentiasa diberi perhatian sewajarnya.

Penubuhan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Sambutan Hari Raya bagi insan-insan istimewa yang diadakan setiap tahun dan keberangkatan DYTM meninjau perkembangan Pusat KACA misalnya membuktikan kesungguhan DYTM menitikberatkan kehidupan, kesejahteraan dan kebajikan insan-insan istimewa tanpa mengira apa jua kekurangan yang ada pada diri mereka dan keprihatinan DYTM jelas terpancar ketika DYTM meluahkan masa bermesra dan menyanyi bersama-sama kanak-kanak istimewa itu.

Di sebalik sokongan dan dukungan padu DYTM terhadap insan-insan yang istimewa itu, PAPDA mahupun pertubuhan-pertubuhan lain perlu mengukuhkan semangat bersatu padu dan saling bekerjasama di

antara satu dengan yang lain bukan sekadar mengharap belas ihsan daripada orang lain seperti sabda DYTM di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung PAPDA Ke-16 pada 24 Mei lalu:

"Bagi kecemerlangan diri ahli-ahli untuk menghadapi cabaran di abad ke-21, tumpuan hendaklah diberikan kepada latihan dan kemahiran di kalangan ahli-ahli PAPDA kerana dengan terdapatnya kemahiran-kemahiran dan pengetahuan, maka mereka akan dapat menjamin masa depan mereka."

Dengan penyertaan baginda dan DYTM turun padang bersama rakyat dan penduduk negara ini tidak akan mengugat kedudukan baginda dan Duli Yang Teramat Mulia bak kata pepatah ular tidak akan hilang bisanya apabila menyusur akar malah tindakan yang berkebalikan itu sepatutnya perlu dicontohi oleh setiap wanita yang ada di negara ini tanpa mengira kedudukan, warna kulit dan keturunan perlu bekerjasama membantu antara satu sama lain terutama kepada mereka yang memerlukan.

Sebagai langkah untuk mengasuh sifat supepmah itu perlu dipupuk sejak awal lagi iaitu sejak dari peringkat kanak-kanak lagi. Salah satu cara bagi melaksanakan tujuan itu dengan berkesan melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela.

Kanak-kanak yang dididik dengan sifat-sifat tersebut sudah tentunya terbiasa dengan sifat-sifat itu dan akan membesar selaku warganegara yang pemeduli dan bertanggungjawab. Dengan terbentuknya generasi yang sedemikian, keharmonian hidup bermasyarakat di negara ini akan sentiasa terjamin dan terpelihara.

Memanglah kewujudan pertubuhan-pertubuhan wanita di negara ini tidak syak lagi menunjukkan betapa mereka juga tidak ketinggalan seperti kaum wanita di negara-negara lain dalam mengendalikan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kaum wanita. Perbezaannya hanyalah dari segi pengurusan dan perjalanan pertubuhan-pertubuhan itu serta pengendalian isu-isu dan perkara-perkara yang menjadi keutamaan di negara masing-masing.

Sebuah negara yang membangun seperti negara kita sudah tentu memberikan keutamaan yang sewajarnya kepada pembangunan dan kemajuan negara terutama sekali dalam usaha negara-negara dunia untuk menegajir kemakmuran dan kesejahteraan hidup bagi rakyat dan penduduknya.

Dalam pada itu usaha-usaha ke arah pembangunan yang sebenarnya bagi sesebuah negara itu juga mengambil kira pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dalam

erti kata memberikan tumpuan yang wajar terhadap aspek-aspek pembangunan kemasyarakatan dalam usaha untuk membina masyarakat yang berjiwa besar, cekal dan mempunyai daya maju yang tinggi.

Masyarakat yang sedemikian itu akan dapat memastikan kesinambungan sebuah masyarakat yang sedia mengamalkan sikap murni dan mulia dalam kehidupan sehari-hari bagi menjamin kerukunan dan ketenteraman hidup masyarakat di dalamnya seperti yang terdapat di negara kita ini.

Ke arah itu, pertubuhan-pertubuhan sukarela yang bergerak aktif seperti NGO wanita sudah tentu dapat memainkan peranan penting melalui kegiatan-kegiatan yang dianjurkan yang bukan sahaja untuk kepentingan masyarakat sepenuhnya terutama sekali pemeduliaan dan tunjuk ajar kepada kaum belia dan remaja selaku generasi pelapis dan penerus masa depan negara.

Memanglah NGO wanita di negara ini bukan setakat menganjurkan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kepentingan wanita semata-mata bahkan juga kegiatan-kegiatan yang bermanfaat pada memberikan bimbingan dan pemeduliaan terhadap kanak-kanak dan kaum remaja demi kebajikan bersama, masyarakat dan negara.

Melalui kegiatan-kegiatan yang berunsur ekonomi dan perusahan, ahli-ahli NGO wanita bukan sahaja menerima faedah dari pelaburan tersebut tetapi juga menerima pendedahan kepada suasana perniagaan dan mempelajari serba sedikit kaedah-kaedah perniagaan serta risiko-risiko yang dapat dijadikan panduan dalam menguruskan perniagaan mereka sendiri jika berniat.

Manakala melalui kegiatan-kegiatan yang berunsur pendidikan seperti kelas agama, kelas dikir, kelas Al-Quran, kelas masakan dan jahitan, kelas gubahan bunga dan lain-lain

lagi, ahli-ahli persatuan akan mendapat faedah dalam meningkatkan pengetahuan, keupayaan, kemahiran dan prestasi mereka dalam bidang-bidang yang tertentu.

Begitu juga kegiatan-kegiatan yang berunsur agama dan kebajikan, ahli-ahli akan dapat menghayati Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan memupuk perasaan pemeduliaan kepada sesama insan terutama mereka yang kurang bernasib baik sementara melalui kegiatan-kegiatan sosial dan sukan, mereka akan dapat merapatkan silaturahim dan memupuk kerjasama di samping menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan.

Walaupun wanita giat bekerja dan berpersatuan namun mereka juga bertanggungjawab terhadap keluarga adalah institusi masyarakat dalam membentuk anak-anak yang bakal menjadi pelapis masa depan negara. Sehubungan dengan itu wanita haruslah bijak menggunakan masa suapaya tidak terjerag kehidupan berumah tangga dan kesejahteraan keluarga.

Keluarga adalah institusi asas masyarakat yang menjadi ejen sosialisasi anak-anak dari peringkat perkembangan awal hingga dewasa. Perkembangan sahaja seseorang anak itu bergantung kepada kestabilan keluarga. Ini hanya akan wujud jikalau hubungan kekeluargaan kukuh dan mesra, persekitaran aman tenteram, merangsangkan dan kesihatan keluarga sempurna.

Oleh yang demikian ahli-ahli pertubuhan wanita mestilah bertindak lebih dinamik dan tidak memadam sekiranya NGO wanita hanya bertindak sebagai jurucakap atau bersuara lantang dalam seminar dan persidangan tanpa melakukan sesuatu seperti yang dilakukan oleh baginda dan Duli Yang Teramat Mulia, kerana jika semua wanita hanya pandai bercakap tetapi kurang bekerja, bermakna kemajuan yang diharapkan pada abad ke-21 tidak mungkin tercapai.

OLEH BOLHASSAN HAB

Belia pewaris kepemimpinan negara

KAUM belia yang menjadi penghuni lebih 70 peratus penduduk di negara ini merupakan harapan bangsa, pewaris generasi pemimpin dan penerus kepada kemajuan negara, khususnya dalam merealisasikan matlamat negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam sering bertitah menekankan betapa pentingnya peranan dan tanggungjawab kaum belia di negara ini.


Seperti titah baginda sempena Tahun Baru Masihi pada 1 Januari 1997, "Pembangunan negara dan bahkan nasib bangsa itu banyak bergantung kepada generasi muda atau belia."

Jika kita amat-amati titah baginda itu, adalah jelas bahawa pembangunan negara haruslah seiring dengan pembangunan ummah yang menekankan nilai-nilai murni bangsa itu sendiri lebih-lebih lagi golongan belia.

Dalam keadaan dunia hari ini yang sering berubah, negara amat memerlukan kaum belia yang berfikir kritis yang mana dengan cara itu mereka akan dapat menghargai kemerdekaan dan kemerdekaan serta kedaulatan.

Untuk menjamin masa depan negara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan bangsa dan kesucian agama, negara turut memerlukan belia-belia yang tahan lasak, berdikari, bertanggungjawab dan taat setia kepada bangsa dan negara serta cinta kepada agama.

Langkah kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam merancang kegiatan belia di



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, pembangunan negara banyak bergantung kepada generasi muda atau belia.

negara ini adalah kena pada tempatnya dan semua pihak seharusnya memberikan sokongan padu.

Dengan mengambil kira sumbangan serta pembabitan belia dalam arus perkembangan semasa di negara ini, belia sememangnya diakui berada di zaman peralihan yang strategik dan berpotensi untuk menyumbangkan ke arah pembangunan negara.

GOLONGAN ILMUAN

Di samping itu, be-

lia-belia yang berilmu serta mempunyai pengetahuan di bidang teknologi infokomunikasi (ICT) juga amat diperlukan dalam arus pembangunan negara, kerana dengan adanya golongan celik komputer sahajalah yang dapat menghadapi segala cabaran dan rintangan pergolakan dunia antarabangsa masa kini.

Dalam hal ini belia-belia perlu menguasai pelbagai ilmu khususnya berkait rapat dengan isu antarabangsa

dan perubahan sains dan teknologi hari ini, seperti yang hebat diperkatakan ketika ini ialah perdebatan ilmu menerusi internet.

Jika belia kita dapat diperlengkapkan dengan pelbagai pengetahuan hal-ehwal antarabangsa, kita percaya mutu ilmu dan intelek belia kita akan dihormati oleh dunia sejangat.

PENYERTAAN SERANTAU

Di dalam pertubuhan ASEAN sendiri, yang mana ketika ini ASEAN telah dianggotai oleh 10 buah negara amat menitikberatkan penglibatan serta penyertaan para belia dalam pelbagai bidang kerana belia-belia yang berumur di bawah 20 tahun merupakan penghuni lebih lima peratus penduduk ASEAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah mencadangkan agar rancangan-rancangan yang melibatkan penyertaan belia-belia ASEAN patut diadakan.

Pertukaran para pelajar dan belia maktab-maktab serta universiti dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam ASEAN harus diadakan, titah baginda, khususnya melalui pengalangan berkerja bergan-



ding bahu, belia-belia ASEAN pada peringkat awal akan dapat membina asas bagi kehidupan berjiran berdasarkan persahabatan dan percaya-mempercayai serta berkeyakinan.

Melalui jalan ini, tanggungjawab terhadap ASEAN akan terus

akan dapat meningkatkan hubungan baik di kalangan para pemimpin ASEAN yang akan datang.

Oleh yang demikian adalah tidak wajar golongan yang menjadi penerus pembangunan negara akan hanya berpeluk tubuh serta

Belia-belia adalah penggerak dan pendukung kepada semua dasar dan matlamat kerajaan untuk membawa bangsa dan negara ke arah keamanan, perpaduan dan kemakmuran hidup.

Bagi mencapai ke arah itu, adalah perlu

UNTUK menjamin masa depan negara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan bangsa dan kesucian agama, negara turut memerlukan belia-belia yang tahan lasak, berdikari, bertanggungjawab dan taat setia kepada bangsa dan negara serta cinta kepada agama.

diperbaharui dan diwarisi oleh generasi yang akan datang, dengan demikian memastikan kestabilan berterusan rantau ini, titah baginda.

Baginda juga pernah bertitah di Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-5 di Bangkok menyeru agar para belia dalam ASEAN diberikan peluang untuk berinteraksi dan mewujudkan hubungan baik di kalangan mereka.

Di samping menggalakkan lebih banyak lagi kegiatan-kegiatan belia dalam ASEAN yang mana semua itu

tidak peka terhadap apa yang berlaku pada dunia hari ini.

Istilah 'seperti katak di bawah tempurung' mestilah dihapuskan serta tidak lagi wujud di sanubari golongan belia jika mahu meningkatkan diri serta daya tahan dalam arus dunia tanpa sempadan.

Golongan belia tidak seharusnya ketinggalan membabitkan diri dalam isu-isu global kerana dikhuatiri kita selaku belia hari ini akan ketinggalan daripada mengikuti perkembangan dunia hari ini.

bagi belia-belia di negara ini memainkan peranan dengan cara yang betul dan teratur, bukannya sebagai anggota masyarakat yang tidak acuh dan tidak mengambil endah kepada keadaan sekeliling mereka.

Untuk menjamin masa depan negara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan bangsa dan kesucian agama, Negara Brunei Darussalam amat memerlukan belia-belia yang berdisiplin, tahan lasak, berdikari, bertanggungjawab dan taat setia kepada bangsa serta cinta kepada agama.



NEGARA memerlukan belia-belia berdisiplin, tahan lasak, berdikari, bertanggungjawab dan taat setia kepada raja, bangsa serta cinta kepada agama.

Sumbangan NGO mantapkan pembangunan negara

OLEH AK. JEFFERI PG. DURAMAN



GEJALA sosial yang begitu berleluasa melanda masyarakat dunia termasuk umat Islam ketika ini sangat membimbangkan dan harus ditangani secara bersepadu. Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali daripada menghadapi masalah kemerosotan moral dan akhlak di kalangan masyarakat khususnya kaum belia.

Kebanyakan negara menjadikan isu sosial sebagai agenda utama yang diberikan tumpuan agar ia tidak menjadi lebih parah. Sejarah telah menunjukkan bahawa gejala sosial telah membawa padah kepada keruntuhan dan kemerosotan tamadun dan kegemilangan sesebuah negara.

Masyarakat umumnya berpendapat bahawa meningkat dan meluarnya gejala sosial di kalangan masyarakat dibawa bersama arus modenisasi dan globalisasi. Setentunya kita tidak dapat mengelak daripada berinteraksi dengan masyarakat antarabangsa, di samping mengikuti perkembangan pemodenan itu sendiri. Di sinilah perlunya masyarakat mempunyai daya tahan dan kemampuan untuk menyaring perkara-perkara buruk dan memanfaatkan mana-mana yang baik dan menguntungkan.

Penyalahgunaan dadah, pengambilan arak, pergaulan bebas, eksploitasi seks, seks bebas, bersekedudukan sebelum kahwin, penderaan, rogol, sumbang mahram, jenayah, perceraian, ponteng sekolah, melawan ibu bapa dan banyak lagi merupakan isu-isu sosial yang sering kita tatapi di kaca televisyen dan terpancip di dada akhbar.

Walaupun gejala-gejala tersebut tidak seteruk seperti apa yang dialami oleh negara-negara luar yang lainnya, namun trend itu sudah cukup membimbangkan negara kita, malah jika tidak dibendung dengan sewajarnya pastinya akan menjejaskan sistem masyarakat dan bernegara.

Sejurus ke arah membendung dari berlakunya dan menularnya gejala-gejala yang kurang baik ini, ibu bapa, guru-guru, pemimpin-pemimpin masyarakat, agensi-agensi awam, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat umumnya hendaklah sentiasa bekerjasama dan meng-

ambil langkah-langkah bersepadu dalam membendung dan mengelakkan masyarakat di negara ini daripada terjebak ke kancan yang tidak bermoral itu.

Badan-badan bukan kerajaan (non-governmental organisation) di negara ini seperti mana jua halnya di negara-negara lain, sememangnya mempunyai peranan dan tanggungjawab kemasyarakatan yang harus dimainkan bagi membangun masyarakat dan negara.

Pembangunan yang dimaksudkan di sini termasuklah antara lain dari segi meningkatkan tahap pengetahuan masyarakat ataupun sebahagian daripada masyarakat terhadap beberapa perkara yang menyeluruh yang mempunyai kesan ke atas diri dan keluarga mereka, misalannya, isu-isu kesihatan, rumah tangga dan kekeluargaan, di samping untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan terhadap isu-isu yang khusus seperti penderaan kanak-kanak, penyalahgunaan dadah dan penyakit HIV/AIDS.

Dengan adanya masyarakat yang bermaklumat serta masyarakat prihatin, tidak syak lagi kualiti hidup di negara ini akan lebih meningkat di samping dapat mengukuhkan lagi ikatan kemasyarakatan dan kekeluargaan di negara ini.

Memandangkan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang kecil dengan keramaian penduduk lebih kurang 344.5 ribu orang dan dikenali sebagai sebuah negara kaya dengan sumber minyak yang dihasilkan semenjak tahun 1929 dan pengeluaran gas cecair sejak tahun 70-an lagi. Selain mensyukuri dan memanfaatkan nikmat itu dengan sebaiknya maka sewajarnya rakyat dan penduduk terus berusaha mengembangkan dan membela ekonomi negara supaya ianya dapat ditingkatkan untuk keperluan di masa akan datang.

Selain bertanggungjawab di dalam meningkatkan lagi taraf ekonomi negara ini kita juga tidak seharusnya melupakan tanggungjawab kita di dalam memperkatakan kedamaian dan keharmonian negara kita. Dengan adanya sikap pemaduan dan rasa bertanggungjawab, kesenangan dan kesejahteraan hidup ini bukan hanya dapat dinikmati oleh rakyat yang berkemampuan dan sempurna dari segi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika merasmikan Perkhemahan Belia Antarabangsa TMB 2000.



PGGMB pertubuhan NGO yang tertua dan menempuh kejayaan cemerlang. Dalam gambar kelihatan baginda menyaksikan pameran sempena Pembukaan Rasmi Bangunan Baru PGGMB.

fizikal malahan masyarakat yang kurang bernasib baik/insan-insan istimewa, anak-anak yatim, janda, orang-orang yang tidak berkemampuan menyara hidup dan seumpamanya juga sama-sama menikmati dengan adanya sikap prihatin dan pemedulian pihak kerajaan khususnya serta masyarakat umumnya.

Di Negara Brunei Darussalam pelbagai agensi kerajaan dan berkanun serta NGO sememangnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini terutamanya dalam menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada mereka yang kurang berkemampuan.

Sumbangan dan keprihatinan masyarakat kita di negara ini sememangnya jelas terbukti dengan adanya pelbagai seminar, mesyuarat yang diadakan serta tertubuhnya pelbagai persatuan dan pertubuhan di negara ini di dalam sama-sama bermaksud menuju ke arah pembaikan dan kemajuan negara.

Seperti Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (WJ), di mana antara kegiatan pertubuhan ini ialah mengadakan Seminar Kesihatan Wanita yang antara lain untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan, khususnya kaum wanita dan ibu-ibu.

Di samping berjaya dalam bidang kerja dan ekonomi, wanita di negara

ini juga amat ketara kejayaannya, WJ iaitu induk kepada kebanyakan persatuan-persatuan wanita di negara ini telah berjaya dan telah pun menjadi ahli kepada persatuan wanita antarabangsa. Salah satu daripadanya ialah Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita ASEAN (ACWO) yang berperanan menyatupadukan pergerakan persatuan-persatuan wanita di negara ini, iaitu dengan bertindak sebagai sebuah badan untuk bertukar-tukar fikiran, maklumat dan badan penghubung antara kerajaan mahupun dalam pergerakan antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha

menjadi Penaung kepada WJ, sementara Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam pula selaku Penasihat.

Dalam Persekutuan Pertubuhan Wanita ASEAN yang mana dianggotai oleh sepuluh negara ASEAN, telah banyak mengangkat martabat wanita, tidak terkecuali wanita di negara ini. Sebagaimana di dalam perhimpunan agung ketujuh yang diadakan di Manila, Republik Filipina telah membentangkan beberapa resolusi yang antaranya ialah membantu para wanita di sektor ekonomi dan pengeluaran, pemeliharaan alam sekitar, kesihatan, pembangunan program pendidikan, kebudayaan dan media, penyertaan dalam politik, hak asasi dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan serta isu keluarga dan kemasyarakatan.

Selain daripada kejayaan-kejayaan kaum wanita kita di negara ini dalam sama-sama mengharumkan dan membangun Negara Brunei Darussalam melalui badan-badan bukan kerajaan masih terdapat banyak badan-badan serta persatuan-persatuan yang juga turut sama dalam tujuan membangunkan negara seperti Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam yang juga tidak ketinggalan dalam memainkan peranan mereka di arena pembangunan negara. Ini jelas terbukti dengan kejayaan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam mengendalikannya Persidangan Serantau Asia Pasifik Ke-7, Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Sedunia (WAGGGS) pada bulan Mei tahun lepas yang mana ianya bukan sahaja penghormatan khusus kepada persatuan ini tetapi juga merupakan penghormatan kepada negara ini selaku tuan rumah. Ini juga jelas terbukti melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri yang juga selaku Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam yang mana baginda menyifatkan persidangan itu sebagai mercu tanda dalam sejarah pergerakan persatuan wanita di negara ini.

Persatuan Pandu Puteri negara ini bukan hanya berperanan dalam sama-sama mendukung dan menyokong usaha badan-badan dunia, malah juga berperanan di dalam membanteras kegiatan kurang sihat seperti penyalahgunaan dadah berasaskan kepada konsep kejeiran dan 'partnership' yang melibatkan sektor swasta, persatuan-

persatuan bukan kerajaan dan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Kemasukan tenaga wanita dalam membantu pentadbiran dan kemajuan negara sememangnya telah terbukti dengan bertambahnya penglibatan tenaga daripada golongan ini. Mereka merupakan penyumbang bagi pelapis menuju kemajuan dan kestabilan negara baik dari segi ekonomi, sosial mahupun agama.

Masih banyak lagi persatuan/badan bukan kerajaan yang memainkan peranan penting dalam sama-sama memberikan sumbangan serta khidmat bakti mereka kepada negara, antaranya ialah Persatuan Bulan Sabit Merah di mana persatuan ini merupakan salah sebuah pertubuhan NGO tertua di negara ini yang mana kewibawaannya semakin kukuh dan digalati dengan adanya perancangan program-program pendidikan yang terarah. Sebagai salah sebuah pertubuhan yang tertua, persatuan ini juga melibatkan diri dengan pihak kerajaan dalam menangani isu-isu kebajikan dan kesejahteraan di kalangan mereka yang memerlukan seperti orang-orang kurang upaya dan golongan warga tua.

Sumbangan yang diberikan oleh badan-badan bukan kerajaan sememangnya amat diperlukan di dalam sama-sama berganding bahu membanteras segala apa jua gejala sosial yang tidak diinginkan yang mana boleh memudaratkan keamanan negara serta masyarakat. Manakala penglibatannya pula bukan hanya terbuka kepada generasi yang cukup dewasa bahkan para belia serta sukarelawan di negara ini juga diseru agar dapat sama-sama berganding bahu di dalam menjaga keamanan negara serta membanteras apa jua anasir-anasir dari gejala-gejala yang boleh merosakkan negara.

Kesetiaan kepada raja dan negara serta perpaduan dipupuk di kalangan masyarakat memainkan peranan penting dalam membawa kemakmuran, kestabilan, keamanan dan keharmonian hidup bernegara. Apabila negara stabil dan mantap, segala program pembangunan terutama yang melibatkan orang ramai akan dapat berjalan dengan mudah dan lancar dan rakyat serta penduduk negara ini juga akan dapat menikmati hasilnya.

Lihat muka IX



KESEJAHTERAAN rakyat sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh kerajaan terutama sekali kemudahan perumahan bagi mereka yang tidak mempunyai tanah.

Kesejahteraan rakyat diutamakan

Dari muka V

Di bidang perikanan, usaha diteruskan bagi meningkatkan penghasilan di samping menarik pelabur-pelabur asing. Pemindahan teknologi pemeliharaan udang rostris kepada pengusaha tempatan juga akan ditingkatkan.

Lain-lain usaha termasuk mengadakan 'strategic alliance' bagi kerjasama verifikasi teknologi penghasilan spesies-spesies tambahan; tambahan 575 hektar kawasan berpotensi bagi industri ternakan udang; menubuhkan pusat pengendalian import dan eksport hasil perikanan (HUB); memperbesar kompleks penderaan ikan, kilang pemprosesan ikan dan produk-produk ikan bagi pengusaha SME selain menubuhkan pusat-pusat pemasaran hasil pertanian dan perikanan bagi memastikan harga yang kompetitif.

PERDAGANGAN DAN PELANCONGAN

Sektor perdagangan dan pelancongan dijangka akan berkembang selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Produk-produk dan perkhidmatan yang berpotensi perlu dikembangkan termasuk pembuatan pakaian siap sedia, perabot, bahan-bahan binaan, makanan halal, pelancongan dan hortikultur.

Pelbagai projek dan program menggalakkan pelancongan akan terus dilaksanakan termasuk Tahun Melawat Brunei 2001 dengan mengambil kira aspek-aspek keagamaan, nilai-nilai sosial, budaya dan adat resam negara ini.

PERBANKAN, KEWANGAN DAN INSURANS

Kestabilan politik, pembangunan teratur, infrastruktur yang baik dan penglibatan sektor swasta yang aktif menjadi asas bagi kemajuan sektor perbankan, kewangan dan insurans di negara ini. Pengisytiharan Brunei Darussalam sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa dan bagi mewujudkan sistem kewangan yang sihat dan mantap, usaha akan ditumpukan ke arah mengemaskinikan undang-undang perbankan, memperkukuhkan sistem dan tataurus pengawalseliaan dan menyediakan panduan-panduan berhemah (prudential guideline) termasuk pengurusan risiko (risk management) dan memperbaiki 'corporate governance' di mana industri perbankan, kewangan dan insurans boleh meningkatkan kewangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

PERKHIDMATAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

Dalam menentukan bahawa penjagaan kesihatan rakyat di negara ini akan sentiasa terjamin, kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan dan rawatan kesihatan kepada rakyat di seluruh negara secara percuma.

Bagi meningkatkan lagi taraf kesihatan rakyat dan penduduk, Kementerian Kesihatan telah melancarkan pelan tindakan strategik 10 tahun bermula Jun 2000. Pelan itu menggariskan strategi jangka panjang penjagaan kesihatan dan pengurusan sumber-sumber kesihatan secara berterusan.

Pelan tindakan ini mengambil kira enam cabaran iaitu peralihan pradig-

ma dalam penjagaan kesihatan, trend corak penyakit (epidemiologi), peralihan corak penduduk, menyatupadukan paradigma penjagaan perubatan dalam pengurusan sektor awam, revolusi teknologi dan masalah-masalah fizikal.

Pada masa yang sama Kementerian Kesihatan juga terus berusaha dalam mencapai visinya untuk menyediakan penjagaan kesihatan yang bertaraf tinggi bagi membolehkan rakyat dan penduduk menikmati cara hidup yang lebih tinggi dan produktif.

PEMBANGUNAN SOSIAL

Pembangunan sosial merangkumi perkembangan dan kemajuan sektor-sektor perumahan, perkhidmatan kebajikan masyarakat, kebudayaan, belia dan sukan, hal-ehwal agama, kegiatan badan-badan amal dan sukarela (NGO) dan sebagainya merupakan antara yang diberi keutamaan.

Dalam setiap RKN, program pembangunan sosial sentiasa diberikan keutamaan dan setiap program tersebut terus dipertingkatkan serta diperbaiki untuk dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat.

Untuk memastikan rakyat mempunyai tempat kediaman, kerajaan menyediakan beberapa skim seperti Skim Perumahan Kerajaan, Skim Rancangan Perumahan Negara, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Skim Pengurniaan Tanah dan Infill.

Selain dari itu terdapat juga skim-skim perumahan yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (Skim Perumahan Kampong Bolkiah 'A' dan 'B' di Kampong Ayer), Skim Pinjam-

an Perumahan Syarikat Milyak Shell Brunei bagi pegawai/kakitangan BSP, Skim Khas Perumahan YSHHB bagi mangsa-mangsa kebakaran dan muallaf dan ahli masyarakat yang kurang berkemampuan.

Dalam pada itu sejak lama dahulu, Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga bertanggungjawab mengendalikan perkhidmatan seperti:

* Perkhidmatan Pembangunan Keluarga dari segi perlindungan, bimbingan dan pemulihan kepada wanita, kanak-kanak, keluarga dan remaja yang bermasalah.

* Perkhidmatan Orang-orang Cacat dan Pemulihan Akhlak dari segi menyediakan program pemulihan dan latihan bagi orang-orang cacat dan program-program pemulihan akhlak dan perlindungan bagi perempuan remaja yang bermasalah termasuk yang susah dikawal dan mangsa-mangsa dera.

* Perkhidmatan Kebajikan Am dan Pencen-pencen pula menghulurkan bantuan kebajikan bulanan di bawah Skim Pencen Tua dan Tidak Upaya termasuk bantuan kebajikan kepada keluarga yang tidak berkemampuan, mangsa bencana alam, bantuan perumahan dan lain-lain.

Selain dari kerajaan, badan-badan NGO seperti YSHHB, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Yillah Untuk Anak-anak Yatim, Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA) dan Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda (PAPDA) juga aktif memberikan perkhidmatan sosial kepada masyarakat.

NGO mantapkan pembangunan negara

Dari muka VIII

Di waktu yang sama, selaku rakyat dan penduduk negara ini, adalah wajar mengutamakan keharmonian serta perpaduan dengan memberikan sokongan padu terhadap usaha-usaha kerajaan. Ke arah ini sudah setentunya badan-badan bukan kerajaan juga perlu memainkan peranannya yang amat penting untuk meningkatkan lagi kebajikan dan taraf kehidupan rakyat dan penduduk negara ini.

Seperti yang kita maklum, dalam keadaan negara kita yang aman damai lagi makmur, kadangkala kita juga dikejutkan dengan peristiwa-peristiwa di luar jangkaan seperti penagihan dadah yang mana kian menular dan menjadi-jadi, pembunuhan anak damit dan pergaulan sosial yang bebas tanpa batas. Jelas semua ini menjurus kepada keruntuhan akhlak bahkan daripada pelbagai faktor utama antaranya pengaruh media masa dan teknologi maklumat yang semakin canggih di mana perkara ini mudah mempengaruhi gaya hidup, pemikiran, tingkah laku masyarakat kita khususnya para remaja dan belia.

Oleh itu sebagai sebuah badan bukan kerajaan ianya bukan hanya terhad kepada persatuan-persatuan yang telah sedia ada tetapi ianya juga melibatkan perseorangan atau pertubuhan sukarela di dalam sama-sama membanteras segala apa jua macam gejala yang buruk dan boleh meruntuhkan imej negara.

Selain badan-badan atau persatuan-persatuan yang ada di negara ini umpamanya Persatuan Pengakap, Pandu Puteri, Bulan Sabit Merah, persatuan-persatuan wanita dan bermacam-macam lagi, kita juga mempunyai sebuah persatuan yang bertindak dalam membasmis penyalahgunaan dadah, iaitu BASMIDA, yang tidak kurang hebat dan aktif dalam sama-sama membanteras gejala-gejala sosial yang tidak bermoral antaranya kegiatan penyalahgunaan dadah.

Walaupun BASMIDA merupakan badan bukan kerajaan namun tanggungjawab yang dijalankan oleh persatuan ini amatlah berat dan memerlukan kerjasama yang erat bersama pihak kerajaan di dalam membantaras penyalahgunaan dadah.

Selain itu BASMIDA juga banyak menumpukan kepada isu-isu pembangunan keluarga dan masalah remaja hari ini terutamanya yang terlibat

dalam penyalahgunaan dadah.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga menyokong sepenuhnya usaha sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa bagi memerangi dan membanteras apa jua bentuk keganasan melalui badan-badan bukan kerajaan. Isu-isu seperti ini juga merangkumi isu mengeksploitasi kanak-kanak yang mana ianya telah dibincangkan di Sesi Khas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Kanak-Kanak (United Nations General Assembly Special Session For Children).

Bagi Negara Brunei Darussalam isu-isu kritikal mengenai kanak-kanak tidaklah terjadi kerana pihak kerajaan dan swasta telah menubuhkan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan untuk memeduli kebajikan kanak-kanak dan orang-orang cacat. Ini jelas terbukti dengan adanya Perkhidmatan Anak Angkat bagi maksi Undang-Undang Anak Angkat Bab 123, yang mana perkhidmatan ini merupakan bahagian yang mengendalikan kesemua permohonan bagi pendaftaran anak angkat di Negara Brunei Darussalam melalui proses dan syarat yang ditentukan dan perhubungan dengan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Selain itu kanak-kanak terbiar dan penderaan kanak-kanak juga mendapat perhatian di negara ini di mana unit ini amat mengambil berat mengenai bertambahnya bilangan kanak-kanak terbiar dan penderaan kanak-kanak. Masalah dikendalikan menurut peruntukan undang-undang dan syarat-syarat yang ditentukan.

Bagi rakyat dan penduduk yang kurang upaya seperti orang-orang cacat anggota dan kanak-kanak cacat, dua buah persatuan telah ditubuhkan khusus mengalingai kebajikan mereka.

PAPDA ringkasan bagi Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota serta KACA iaitu Persatuan Kanak-kanak Cacat ditubuhkan bagi memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup dan kebajikan mereka.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam menjadi Penaung kepada kedua-dua persatuan kebajikan yang juga bertujuan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai masalah dan kesulitan yang dialami oleh mereka yang kurang upaya.

Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) merupakan pertubuhan NGO yang tertua di negara ini yang telah berjaya memberi nama yang baik serta gambaran mengenai keupayaan pemimpin-pemimpinnya, walaupun lahir ketika negara masih serba kekurangan, namun pengasas-pengasas PGGMB telah membuktikan mereka itu memiliki aspirasi dan jangkauan pemikiran yang jauh sehingga melimpasi zamannya.

Ini terbukti dengan kewujudan PGGMB itu sendiri serta kemudian apa yang dicapainya sehingga ke hari ini sentiasa memberi nama yang baik serta gambaran keupayaan pemimpin-pemimpinnya dengan melintasi detik-detik yang sukar sehingga tidak mengharapkan keuntungan segera, mereka berhasil memperolehi apa yang patut untuk survival mereka. Mereka telah berusaha mendapatkan harta kekal seperti tanah dan membina rumah-rumah persendirian melalui skim pinjaman yang diteroka secara bertawakal dan penuh keberanian. Bahkan mereka juga merupakan para pengasas persekutuan yang awal selaku pencetus kesedaran di kalangan masyarakat Melayu. Apa yang nyata dan menjadi bukti PGGMB merupakan salah satu badan bukan kerajaan yang berjaya membawa kemajuan kepada negara kerana mereka berjaya meniupkan semangat cintakan pelajaran. Sehingga disebabkan ketegasan mereka dalam perkara ini membuatkan mereka kurang popular di kalangan setengah pihak, namun demikian ini tidak melunturkan azam, bahkan telah mendorong mereka untuk meluaskan lagi kempen supaya masyarakat Melayu seluruhnya menyekolahkan anak-anak mereka bahkan tidak cukup setakat itu, terdapat di antara mereka yang turun sendiri ke kampung-kampung atau pedalaman untuk mencari dan mendaftarkan anak-anak Melayu belajar di sekolah.

Selain dari itu, PGGMB juga mempunyai aktiviti perniagaan dan ekonomi yang bukan saja akan memberikan keuntungan kepada ahli-ahlinya, malah juga mampu menjadi sumber manfaat kepada golongan-golongan yang lemah seperti fakir miskin. Betapa tidak, bukannya dari perniagaan itu akan mendatangkan pula hasil 'zakat perniagaan'. Dengan kematangan serta kelebihan asas yang dimiliki, PGGMB akan semakin menyerlah apabila ianya menerima kepimpinan bersepadu dari adunan gaya baru dan lama. Inilah keistimewaan PGGMB, tidak pernah berhenti memburu kemajuan selaras dengan tuntutan masa dan keadaan.

Dengan adanya pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, akan dapat merencanakan dan menterjemahkan langkah-langkah berkesan untuk menangani apa jua bentuk masalah demi keutuhan bangsa dan negara yang tercinta.

Negara perlukan tenaga berkualiti, berwibawa



BAGINDA juga sering berinteraksi bersama pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan mendengar serta memerhati sendiri tugas yang dilaksanakan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan membuat lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan sering mengadakan perjumpaan tertutup bersama ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan untuk mengetahui perkembangan jabatan masing-masing.

ERA globalisasi menuntut setiap manusia di muka bumi ini untuk memiliki kemahiran-kemahiran yang terkini memandangkan ia-nya amat diperlukan bagi pembangunan negara.

Berkemahiran merupakan satu perkara penting sama ada dalam perkhidmatan awam atau sektor swasta yang mana ia perlu sentiasa dikemaskini ke arah mencapai kemajuan, sejajar dengan keperluan semasa yang memerlukan kepada kualiti perkhidmatan.

Bagaimanapun kemahiran sahaja tidak akan dapat menjamin kesejahteraan rakyat, bangsa dan negara jika ia tidak disertai oleh sikap produktif dan sifat-sifat positif yang lain seperti bersih, cekap, jujur, amanah, tih, lutan, berdaya saing dan berdaya tahan di kalangan masyarakat dan sumber tenaga manusia itu sendiri khususnya dalam jentera perkhidmatan awam.

Oleh yang demikian, sumber tenaga manusia dan teknologi yang ada perlu digunakan sebaiknya dalam pembangunan sesebuah organisasi ke arah membentuk masa depan dan survival bangsa berlandaskan pembangunan yang berkekalan.

Justeru itu, kemajuan dan pencapaian cemerlang setiap agensi atau organisasi kerajaan bergantung penuh kepada cara pemikiran yang positif dan tindakan sumber

tenaga manusia yang mempunyai ciri-ciri etika perkhidmatan awam yang cemerlang.

KEBAWAH DYMM PRIHATIN PERKHIDMATAN AWAM

Dengan penduduknya sekitar lebih 300 ribu, Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang boleh dianggap bertuah kerana di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara ini tidak kurang menikmati keamanan dan kesejahteraan hasil dari jentera pentadbiran kerajaan yang mantap.

Tetapi, sejauh manakah kemandirian itu akan dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini? Jawapan kepada persoalan ini sedikit sebanyak ada pada setiap tenaga manusia dalam perkhidmatan kerajaan yang telah diamanahkan dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang raja sekali gus sebagai pemimpin yang menjerai negara ini sentiasa peka terhadap perkembangan sumber tenaga manusia khususnya yang berada di sektor kerajaan.

Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu terbukti melalui keberangkatan baginda ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang sering dilakukan dari masa ke semasa sama ada secara berancang atau secara mengejut sama ada di dalam dan luar daerah.

OLEH SITI MUSLIHAT HJ. SALLEH

terian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang sering dilakukan dari masa ke semasa sama ada secara berancang atau secara mengejut sama ada di dalam dan luar daerah.

Inilah yang dikatakan raja yang pemeduliaan terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk kerana baginda percaya kesejahteraan sesebuah negara itu bergantung penuh kepada kelicinan pentadbiran kerajaan hasil dari sumber tenaga yang berkualiti di setiap agensi kerajaan.

Adakah setiap agensi kerajaan yang masing-masing mempunyai fungsi tersendiri itu benar-benar melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan? Inilah antara perkara yang ingin baginda ketahui sendiri.

SUMBER MANUSIA

Sejak awal tahun 2002 ini saja, baginda telah membuat beberapa lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan yang antaranya termasuk ke institusi pendidikan kerajaan di negara ini.

Setentunya lawatan baginda itu mempunyai motif tertentu dan boleh diandaikan di sini antaranya ialah keprihatinan baginda terhadap bidang sumber tenaga manusia dan sistem pendidikan yang berkualiti.

Adalah nyata di sini kepentingan kedua-dua bidang iaitu pendidikan dan sumber tenaga manusia

tidak dapat dipisahkan kerana pendidikan berkualiti boleh melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran. Dalam erti kata lain, pendidikan merupakan perkara asas pada setiap sumber tenaga manusia yang disertai dengan sikap-sikap positif, di samping memiliki ciri-ciri Etika Kerja yang betul.

Dalam menjana pembangunan dan kejayaan, setiap individu dalam agensi kerajaan perlu menggunakan dan meningkatkan kemahiran di samping memahami jati diri dan memiliki sifat-sifat positif yang berlandaskan ajaran Islam.

Imaginasi, kreativiti dan tanggungjawab sosial yang meningkat pada setiap individu di sektor awam boleh menghasilkan nilai-nilai murni dan merubah pencapaian kepada yang terbaik.

RUKUN AKHLAK DAN ETIKA KERJA

Dalam mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang benar-benar cekap, berkesan, bersih lagi amanah, setiap anggota perkhidmatan awam juga perlu memahami dan mengamalkan 11 ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang telah diterbitkan dan dilancarkan pada tahun 1996.

Kesebelas ciri-ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja berkenaan merupakan

adunan dari Rukun Islam yang lima dan Rukun Iman yang enam dan menjadi teras kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara dalam sebuah negara yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja.

Ciri-ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam berkenaan ialah pertama, bersih, jujur dan amanah; amalan mulia; kedua, cekap, cepat dan tepat tuntutan kerja; ketiga, tih, lutan dan menghargai masa asas kejayaan; keempat, berilmu, kreatif dan inovatif asas kebaktian; kelima, beritikad, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuhkan keberkesanan; keenam, sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji; ketujuh, meningkatkan produktiviti dan daya saing menambah penghasilan; kelapan, qudwah dan qidah teladan kepimpinan; kesembilan, setia kawan, syura dan bermuafakat membawa berkat; kesepuluh, berjiwat cermat asas kemakmuran dan kesebelas, pemeduliaan asas perpaduan.

SEDAR

Adalah tidak adil jika setiap anggota masyarakat khususnya anggota perkhidmatan awam itu sendiri sering mempersoalkan kekurangan-kekurangan yang ada dalam kerajaan sedangkan mereka sebagai masyarakat atau anggota perkhidmatan awam sendiri berpeluk tubuh hanya menunggu keutamaan-keutamaan dari kerajaan.

Perlu kita sedari sejauh ini kerajaan telah banyak

memberikan keutamaan kepada rakyat dan penduduknya kerana berjuta-juta ringgit telah diperuntukkan bagi keperluan setiap kementerian dan jabatan kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Memahami akan hakikat ini, setiap anggota perkhidmatan awam perlu menyedari sejauh manakah pulangan yang mereka berikan kepada kerajaan dan adakah ia-nya sebanding dengan apa yang kerajaan telah berikan kepada setiap anggota masyarakat khususnya anggota perkhidmatan awam yang telah banyak mendapat faedah dari kerajaan.

INOVATIF DAN PRODUKTIF

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah menekankan terhadap keperluan sumber tenaga perkhidmatan awam ke arah yang lebih inovatif dan produktif. "Mengambil kira dengan cabaran-cabaran masa, khususnya di tahun baru yang sedang kita tempoh ini, beta sangatlah berharap agar semua anggota perkhidmatan awam akan lebih inovatif dan produktif lagi dalam menjalankan perkhidmatan mereka kepada masyarakat," demikian titah baginda sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2002 awal tahun ini.

Di samping itu baginda juga pernah melahirkan harapan agar

semua pihak dalam semua sektor dan juga orang ramai untuk terus bekerjasama dengan pihak kerajaan dan sektor awam dalam menjalankan usaha-usaha ke arah pemulihan ekonomi negara.

TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Setelah mengharungi kemerdekaan lebih 18 tahun negara ini tentunya telah mengalami pelbagai pengalaman dan cabaran apatah lagi pada masa sekarang setelah menjejak abad ke-21.

Namun masih timbul persoalan adakah kita sebagai sumber tenaga manusia khususnya sebagai jentera penggerak perkhidmatan awam, benar-benar menjalankan kewajipan masing-masing?

Jika setiap anggota perkhidmatan awam itu menjalankan tugas dan tanggungjawab berlandaskan ciri-ciri etika kerja yang betul maka mereka sewajarnya menerima ganjaran yang setimpai. Tetapi jika sebaliknya adalah tidak wajar bagi mereka untuk menuntut hak-hak atau keistimewaan yang berlebihan.

Perlu ditekankan bahawa keberkesanan kualiti perkhidmatan awam itu terletak di bahu setiap anggota sumber tenaga manusianya. Jangan tanya apakah sumbangan negara untuk kita, tapi tanyalah apakah sumbangan kita kepada negara.

Mempelbagai ekonomi negara

NEGARA Brunei Darussalam masih bergantung kepada hasil minyak dan gas sebagai sumber ekonomi negara. Menyedari hakikat ini kerajaan telah berusaha untuk menumpukan perhatian yang berat ke arah memajukan sektor pertanian dan juga sektor perindustrian dalam mempelbagai sumber ekonomi negara.

Salah satu strategi yang digariskan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 iaitu bagi tahun 2000 hingga 2005 ialah mempergunakan dengan maksima sumber-sumber asli negara. Dalam RKN Ke-8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan belanjawan yang besar dan sudah tentu matlamatnya akan memberi makna yang besar kepada rakyat dan penduduk di negara ini tetapi hanya tidak akan bermakna tanpa penglibatan rakyat yang aktif dan sama-sama bertanggungjawab bagi menani hasrat negara ke arah kehidupan yang lebih maju dan sejahtera.

Selaras dengan dasar jaminan pemakanan negara maka RKN Ke-8 masih mengekalkan budaya bertani dan pemeliharaan alam sekitarnya. Walaupun sumbangan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sektor tersebut masih kecil tetapi aktiviti pertanian dan perhutanan perlu dipertahankan supaya ia tidak pupus.

Ke arah itu Jabatan Pertanian, Perikanan dan Perhutanan akan terus melaksanakan beberapa projek dan program bagi meningkatkan keupayaan dalam menyediakan makanan yang mencukupi di samping memelihara sumber asli negara. Untuk itu sebanyak B\$90.5 juta atau 1.24 peratus daripada jumlah peruntukan sektor utama diperuntukkan kepada sektor pertanian yang mana program sektor ini dalam tempoh lima tahun mendatang akan menumpukan kepada empat bahagian iaitu pembangunan industri tanaman, ternakan, penyelidikan dan perkembangan (R&D) pertanian dan kemajuan pertanian luar bandar.

Walaupun sumbangan dari sektor pertani-

an, perhutanan dan perikanan mengalami pertumbuhan yang rendah iaitu 1.24 peratus, sektor ini juga terkandung dalam sumber asli negara di mana kebanyakan negara lain memberikan sumbangan yang tinggi bagi pendapatan negara. Dari itu bidang tersebut diberikan keutamaan yang paling atas dengan harapan untuk mencapai ke tahap yang boleh diterima bagi mencukupi keperluan negara.

Dasar negara dalam RKN Ke-8 adalah tertumpu kepada memajukan perkembangan perusahaan

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL

Di samping itu juga usaha-usaha berterusan akan dibuat untuk menggalakkan penanaman padi negara ini dengan memberikan tumpuan kepada meneruskan skim bantuan harga padi, mempertingkatkan pembekalan dan penyimpanan benih padi bermutu, menambah kemudahan infrastruktur, sistem parit dan tali air ladang, program dukungan pengangkutan, penyediaan insentif pertanian

kah yang perlu untuk dimanfaatkan melalui RKN Ke-8 telah memperuntukkan sebanyak B\$2.395 juta dalam Rancangan Kemajuan Industri Pengeluaran Padi yang telah diluluskan bagi membantu para petani melalui skim subsidi dan peningkatan sawah mereka.

Sasaran pengeluaran padi itu akan dapat dipertingkatkan daripada satu peratus kepada tiga hingga lima peratus dalam jangka masa lima tahun akan datang melalui usaha yang gigih serta kerjasama yang padu serta komitmen daripada semua pihak terutama para petani itu sendiri.

Penanaman buah-buahan tropika seperti limau manis, pisang, nanas, rambutan, durian, langsung dan lain-lain kini mendapat perhatian yang serius di bawah Skim Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) yang berpotensi sejak tahun 1994 telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan terutama dari segi sumbangan kepada pengeluaran buah-buahan di negara ini akan dapat mencapai ke tahap sara diri dan ini akan terus meningkat kepada 22.6 peratus dengan nilai kira-kira B\$2.5 juta setahun menjelang tahun 2005.

Dalam RKN Ke-8, program yang akan dilaksanakan merupakan kesinambungan kepada usaha yang telah dilaksanakan dalam RKN Ke-7. Tumpuan utama bagi rancangan ini kepada 40 kumpulan ladang KPLB yang telah diluluskan sejak tahun 1994 yang melibatkan 2,664 orang dan keluasan 1,908 hektar tanah akan diperluaskan dengan tujuan untuk membantu sektor swasta meningkatkan pengeluaran pokok buah-buahan dari segi hasil dan keluasan tanaman. Sasaran dalam RKN Ke-8 bagi perusahaan ini ialah untuk meningkatkan pengeluaran yang bermutu, berterusan, berdaya saing dan selamat dengan menumpukan ke arah buah-buahan tempatan kepada 8,000 tan metrik yang dianggarkan bernilai B\$20 juta atau 47 peratus keperluan sara diri.

Usaha akan dipusatkan kepada sistem perlombongan komersil yang berdaya saing dengan menyediakan kemudahan infrastruktur dan jentera tambahan dengan menggunakan benih-benih pokok buah-buahan bermutu. Di



INDUSTRI ayam pedaging dan ayam penelur akan terus meningkat pengeluaran tahunan kepada 14,490 tan metrik yang bernilai B\$69.6 juta melebihi 100 peratus tahap sara diri serta menjamin keluaran barangan yang halal.



PENGELUARAN padi di negara ini akan terus meningkat dengan adanya usaha dan kerjasama padu serta komitmen daripada semua petani dalam jangka masa lima tahun akan datang.

samping itu juga peningkatan produktiviti ladang yang sedia ada dengan meningkatkan sistem pengendalian lepas tuai dan pemrosesan.

Sementara penghasilan sayur-sayuran di negara ini dianggarkan kepada 63 peratus bagi keperluan negara iaitu kira-kira 8,800 tan metrik sahaja dan untuk mencapai ke tahap sara diri, kita perlu meningkatkan keluasan ladang dengan menggunakan sistem berladang secara lebih moden untuk daya pengeluaran yang tinggi perlu mendapat perhatian yang sewajarnya daripada para petani.

Pembangunan industri ternakan di negara ini sudah mencapai tahap sara diri bagi pengeluaran daging ayam dan telur yang mana hasil pengeluarannya pada tahun 2001 telah melonjak kepada 15,500 tan metrik setahun yang bernilai lebih B\$70 juta. Selain memenuhi keperluan tempatan, penghasilan selebihnya adalah untuk dieksport dan dipasarkan ke luar negara. Untuk itu kita perlu menjamin kehalalan

nya dan harga ayam hendaklah kompetitif supaya dapat bersaing dengan pasaran di luar negara.

Ke arah itu, Jabatan Pertanian akan mewujudkan dua buah ladang ayam bersepadu bagi mencapai pengeluaran ke tahap eksport manakala pengeluaran dari pengusahaan SME akan ditingkatkan ke paras 30 peratus daripada keseluruhan pengeluaran.

Sementara sasaran pengeluaran bagi ayam penelur ialah untuk memantapkan dan menjamin kesinambungan penghasilan telur pada tahap 100 peratus sara diri dan menjelang tahun 2005 pengeluaran dijangka mencapai 97 juta biji telur yang bernilai B\$14.5 juta.

Apa yang membanggakan kita, negara hampir mencapai keperluan sendiri dengan melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran pertanian, bukan saja untuk memenuhi permintaan yang bertambah tetapi juga sebagai bahan yang diperlu-

kan bagi memproses makanan dan perkilangan di negara ini.

Perkara itu bukan suatu yang mustahil bila satu masa nanti sektor pertanian di negara ini akan menjadi salah satu sumber ekonomi negara kita bagi menggantikan minyak dan gas. Perubahan sikap serta haluan rakyat terutamanya di kalangan para belia dari segi pendekatan dan tanggapan sektor pertanian perlu ada. Kita perlu menekankan sektor pertanian sebagai perusahaan komersil dengan kesedaran bahawa sektor pertanian mempunyai pengaruh yang kuat dalam mengimbangi pendapatan negara selain memberi keuntungan yang meyakinkan.

Rakyat khususnya para belia tentu mampu menceburi diri mereka dalam sektor pertanian memandangkan dukungan-dukungan moral dan material yang berterusan dari pihak kerajaan terus dihulurkan bagi sama-sama menjaya Program Bumi Hijau di negara ini.

OLEH ABDULLAH ASGAR

DI SEBALIK kegawatan ekonomi dan krisis kewangan yang melanda banyak negara-negara di rantau ini pada 1997-1998 sehingga kini pertumbuhan ekonomi negara-negara yang terlibat belum lagi pulih sepenuhnya. Bagi Negara Brunei Darussalam perkembangan perusahaan kecil dan sederhana (SME) terus diberikan perhatian kerana boleh memperkembangkan ekonomi negara.

Tahun ini sejumlah \$200 juta telah diperuntukkan bagi pemulihan ekonomi jangka pendek tidak terkecuali untuk SME seperti yang terkandung dalam sokongan Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam (BDEC) bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 hingga tahun 2005.

Antara bentuk perusahaan SME yang menjadi sasaran bagi pertumbuhan ekonomi ialah sektor yang dapat menghasilkan aktiviti-aktiviti nilai tambah dan mampu mewujudkan banyak pekerjaan bagi anak-anak tempatan khususnya mereka yang berkelulusan dan lepasan maktab, institut dan sekolah menengah.

SME yang dimaksudkan ialah berorientasikan eksport di samping bidang-bidang perkhidmatan kepakaran seperti kejuruteraan, perbankan Islam, ekonomi, perundangan, perakaunan, seni bina, pengurusan aset adalah yang dijangka boleh mengembangkan ekonomi jika ia dikembangkan.

Ini jelas terbukti dengan pertambahan sektor pembuatan khususnya pakaian siap yang mana pada tahun 1999 eksport pakaian negara mencapai \$159.8 juta dan angka ini bertambah 89.0 peratus setahun kemudian di mana jumlah eksport pada tahun tersebut ialah \$302 juta.

Ini kerana bertambahnya bilangan kilang-kilang baru yang memulakan operasi mereka di mana sehingga kini terdapat sembilan buah kilang sedang beroperasi dan kilang yang lama membesarkan skala mereka serta meluaskan dan menambah kuantiti pasaran.

Di samping itu, penglibatan 30 buah perusahaan yang bukan dalam

bidang pembuatan telah melibatkan diri di bawah projek 511 unit perumahan awam dan infrastruktur yang berkaitan pada projek-projek kerajaan yang ditawarkan.

Dengan projek tersebut bahan-bahan keluaran tempatan seperti simen, atap, bata dan yang lain digunakan dan dengan sendirinya boleh menggerakkan lagi perusahaan-perusahaan SME yang terlibat.

Di samping itu bagi menggerakkan ekonomi SME yang lain peruntukan tahun ini juga melibatkan 41 buah syarikat tempatan di dalam projek membekalkan komputer ke sekolah-sekolah.

Sementara lima yang lain akan mengendalikan kerja-kerja projek peningkatan BruNet sebagai usaha meningkatkan keupayaan dan kapasitinya.

Usaha kerajaan yang berlanjutan dalam mengembangkannya SME supaya boleh menyumbang dan mengembangkan ekonomi negara.

Ini jelas dengan penglibatan sebanyak 13 buah syarikat pembinaan tempatan telah diberikan kepercayaan bagi mengendalikan 25 projek infrastruktur pelancongan.

Ini kerana industri pelancongan kini disifatkan sebagai industri global serta penyumbang utama pada perkembangan ekonomi sejagat.

Di samping itu, SME yang berge-rak maju akan boleh menyumbang pada pengambilan tenaga kerja tempatan kerana selepas APEC 2000 terdapat 950 orang anak tempatan terlatih dalam bidang industri layanan.

Selain itu bagi SME yang terlibat dalam bidang pembinaan telah terus menunjukkan kemajuan kerana mereka itu telah ditawarkan dengan pembinaan sebanyak 250 buah unit perumahan termasuk infrastruktur yang lain.

Sebagai tambahan bagi SME dalam hal ICT peluang-peluang juga dibuka kepada mereka dengan melengkapkan projek pembekalan

SME bantu pertumbuhan ekonomi

komputer ke sekolah-sekolah termasuk pembelajaran kemahiran IT melalui talian peringkat sekolah, maktab dan institut pengajian tinggi.

Walaupun belum semua sekolah menengah dan rendah di negara ini dibekalkan dengan komputer namun sekolah bukan kerajaan terlebih dahulu menggunakan komputer di sekolah masing-masing yang sekali gus menaikkan pengusahaan SME dalam bidang komputer.

Di samping itu, sebagai usaha kerajaan mengembangkan industri berteknologi tinggi yang secara langsung boleh membabitkan SME adalah dalam bidang telekomunikasi, perisian komputer, bioteknologi, industri nilai tambah, multi-media dan teknologi maklumat.

Namun pertumbuhan SME yang lain bagi pembangunan negara juga tidak terkecuali dalam bidang pemeliharaan bangunan, kawasan dan aset kerajaan yang diutamakan, di mana di dalam keupayaan pengusaha kecil dan sederhana lebih-lebih lagi yang dalam keupayaan rakyat untuk mengendalikannya khususnya bagi pengusaha tempatan yang sedang meningkat dan baru.

Sementara itu, dalam tindakan lanjut dan tambahan kerajaan untuk memulihkan perkembangan SME sejumlah \$31 juta telah diperuntukkan dan telah diluluskan yang dibagikan kepada projek pemeliharaan bangunan, kawasan dan aset kerajaan telah ditawarkan untuk direbut oleh pengusaha SME.

Dalam tindakan lanjut tersebut sebanyak 312 projek telah dita-



INFRASTRUKTUR negara yang terus bertambah menghidupkan keperluan simen yang dihasilkan dalam negeri.



PENGEKSPORTAN pakaian ke Amerika Syarikat dan Eropah serta sedikit jualan dalam negeri terus bertambah dari tahun ke setahun.

warkan kepada SME secara berperingkat dan sesetengah telah bermula dan ada juga yang telah siap dikerjakan.

Kebanyakan projek-projek tersebut membabitkan pembaikan dan pemeliharaan bangunan-bangunan sekolah kerajaan, perumahan dan jabatan kerajaan, namun ada juga projek yang belum bermula kerana masih menunggu tawaran.

Dengan terlaksananya projek dan rancangan ini setentunya

boleh menggerakkan keupayaan SME yang dengan sendirinya boleh menyumbangkan peningkatan ekonomi negara di sebalik kelemabannya gara-gara kegawatan ekonomi 1997-1998.

Namun apa yang lebih penting ialah segala peluang yang ada harus dimanfaatkan oleh SME yang terlibat, manakala yang lain mesti berusaha mencari jalan dengan menerokai dan mencari rakan kongsi luar negara.

Dengan mengadakan rakan kongsi ber-

sama syarikat luar banyak kemajuan dan manfaat yang boleh diperolehi antaranya boleh membesarkan perusahaan atau pemiagaan, pasaran akan lebih meluas dan yang penting pendapatan akan terus berganda.

Perusahaan kecil dan sederhana yang terus berkembang maju akan menjadi pengembang ekonomi sesebuah negara, malah jika diusahakan dengan lebih teratur dan terancang tidak mustahil akan menjadi eksport kedua



SATU lagi produk tempatan yang dipakejkan dalam negeri terus berkembang maju dengan pengeluaran yang terus meningkat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa menyertai Walkaton Antara Kementerian-kementerian.

LANGKAH yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan menganjurkan aktiviti sukan seperti walkaton adalah amat penting dalam kita sama-sama menjana kesihatan bagi membolehkan peningkatan produktiviti sama ada dalam sektor perkhidmatan awam atau sektor swasta.

KITA selalu diingatkan dengan pesanan Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud:

"Ambil peluang lima perkara sebelum kamu dihilangkan (didatangi) oleh lima perkara: Pertama, peluang masa mudamu sebelum daripada tuamu. Kedua, peluang masa sihatmu sebelum daripada sakitmu. Ketiga, peluang masa kayamu sebelum fakirmu. Keempat, peluang masa lapangmu sebelum daripada kesibukanmu. Kelima, peluang masa hidupmu sebelum matimu."

Secara keseluruhan peringatan atau pesanan Rasulullah itu patutlah dijadikan pegangan dan panduan ke arah kehidupan yang lebih baik.

Apa yang kita akan petik daripada pesanan yang penuh bermakna ialah pesan kedua iaitu peluang masa sihatmu sebelum daripada sakitmu. Pesanan tersebut ada hubung kaitnya dengan tajuk rencana ini, dan dalam kita meningkatkan politik, sosial dan ekonomi kita di negara ini sama ada dalam perkhidmatan awam mahupun sektor swasta dan perseorangan.

RIADAH

Langkah yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan menganjurkan aktiviti sukan seperti walkaton adalah amat penting dalam kita sama-sama menjana kesihatan bagi membolehkan peningkatan produktiviti sama ada dalam sektor perkhidmatan awam atau sektor swasta.

Dalam hubungan ini faktor kesihatan merupakan perkara penting yang harus dimiliki oleh tiap individu khususnya para anggota perkhidmatan awam dan sektor swasta agar dapat melaksanakan semua tanggungjawab yang diberikan.

WALKATON

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Menjana kesihatan tingkatkan produktiviti

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM

KEJUJURAN

menyertai ribuan para anggota perkhidmatan awam memperlihatkan keprihatinan baginda akan kebajikan anggota perkhidmatan awam, yang menurus ke arah kesihatan dan kecergasan serta kesejahteraan.

Di atas inisiatif baginda itu secara tidak langsung dapat mendorong pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam dan sektor swasta serta rakyat di negara ini supaya mengamalkan cara kehidupan yang sihat.

Melaluinya juga baginda yakin dapat melahirkan pegawai dan kakitangan kerajaan yang sihat dan cergas yang merupakan aset yang penting dalam perkhidmatan awam, di mana pegawai dan kakitangan yang sihat sahaja yang akan dapat menyumbang ke arah prestasi produktiviti yang berkualiti tinggi.

Mencergaskan anggota perkhidmatan awam sebagaimana tujuan walkaton tersebut diadakan, bukanlah bermaksud bahawa perkhidmatan awam kita ketika ini lemah atau tidak cergas, tetapi dengan adanya anggota perkhidmatan awam yang sihat dan cergas akan dapat meningkatkan lagi kejayaan dan kecemerlangan yang telah dicapai oleh perkhidmatan awam ke tahap yang lebih maksima dan dapat mendukung matlamat kerajaan ke arah penerapan e-kerajaan dalam semua urusan mereka seharian, di samping dapat mengharungi segala cabaran globalisasi.

Secara keseluruhannya kesihatan bukan sahaja termasuk kecergasan fizikal dan mental seseorang malahan yang berkaitan secara keseluruhan dalam pengurusan, pentadbiran sama ada bagi pihak kerajaan mahupun pihak swasta.

Sifat amanah, jujur dan tidak mementingkan diri sendiri di kalangan pegawai dan kakitangan awam dan juga swasta dalam hal-hal pengurusan dan pentadbiran masing-masing adalah kunci kejayaan yang utama bagi setiap organisasi yang diceburi.

Jika tidak dimiliki sifat-sifat demikian dalam perkhidmatan awam mahupun swasta, maka pelbagai perkara yang tidak sihat akan timbul termasuklah mudah menerima rasuah, tidak mementingkan organisasi itu sendiri iaitu sifat malastah kuingau dan sebagainya, dengan cara itu kehancuran dan kemerosotan akan dialami oleh organisasi itu.

ALI BABA

Salah satu contoh dalam aspek ekonomi, yang telah berlaku ke atas perniagaan orang-orang Melayu ialah terdapatnya perkongsian 'Ali Baba', di mana hasil keuntungan yang diperolehi dari perusahaan dan perniagaan yang dimiliki oleh orang Melayu bukan kepunyaan orang-orang Melayu yang tercatat namanya dalam perniagaan atau perusahaan itu. Ini kerana orang Melayu yang sepatutnya memiliki keuntungan dan menjadi

pelaku utama dalam perniagaan atau perusahaan itu hanya sebagai perkongsian Ali Baba. Ali Baba yang dimaksudkan ialah syarikat atau perniagaan yang dimiliki atau diuruskan oleh orang Melayu tetapi sebenarnya kepunyaan bangsa asing.

Cara tersebut memberikan keuntungan kepada orang asing melalui cara mengilbikan hak-hak yang sepatutnya dimiliki oleh orang Melayu. Secara langsung ataupun tidak telah merugikan kita sendiri malahan merugikan ekonomi negara kita. Dengan itu sikap tersebut perlu dikikis orang para usahawan kita agar kesihatan dalam perniagaan dapat menjamin peningkatan produktiviti kita.

ASET NEGARA

Para belia merupakan aset penting kepada bangsa dan negara serta agama, kerana dalam apa keadaan sekalipun, nadi pembangunan Negara Brunei Darussalam terletak di bahu belia-belia yang progresif.

Tegasnya belia adalah penggerak dan pendukung kepada semua dasar dan matlamat kerajaan untuk membawa bangsa dan negara ke arah lebih maju dan produktif.

Ke arah itu para belia di negara ini harus bersiap sedia, kerana banyak cabaran yang harus dilalui dalam era globalisasi di samping dunia yang diwarnai oleh kehebatan ledakan teknologi maklumat sehingga dunia tidak mempunyai sempadan (global



SIKAP menabur bakti kepada tanah merupakan aktiviti yang sihat.

village).

Di samping pengaruh kemajuan ICT di abad ini, sebelum ini pun golongan belia dan orang dewasa telah dipengaruhi dengan acaman dan cabaran yang berbentuk nyata seperti pengaruh dadah, gejala sosial dan sebagainya yang membawa ke arah kehancuran dalam kehidupan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Jika ini terjadi negara akan menanggung kerugian amat besar, malahan membebani masalah dengan bertambahnya perbelanjaan bagi merawat para belia yang terpengaruh gejala sosial. Di samping itu negara tidak dapat menjana tenaga manusia yang berkemahiran bagi meningkatkan produktiviti dari segi eko-

nomi, kesejahteraan sosial dan sebagainya.

PERTUBUHAN SUKARELAWAN

Syukur alhamdulillah, tindakan yang dimainkan oleh kerajaan dan juga pihak swasta mahupun pertubuhan-pertubuhan sukarela maka negara dan masyarakat serta setiap individu akan dapat meningkat dan menjana produktiviti negara.

Seperti mana yang disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam di Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-10 Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI), penglibatan di dalam kerja-kerja sukarela merupakan suatu penglibatan yang terpuji dan perlu dipupuk di kalangan anggota masyarakat

terutama sekali di kalangan pertubuhan dan persatuan awam di negara ini.

Dari itu Duli Yang Teramat Mulia menyeru BAKTI supaya memainkan peranannya dengan menganjurkan pelbagai program kesedaran di kalangan isteri-isteri anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengenai perlunya mereka sentiasa memberikan pemuduan ke atas pergaulan dan kegiatan anak-anak remaja mereka.

Kesihatan merupakan kunci utama segala-galanya, dari itu kita selaku anggota perkhidmatan awam mahupun swasta perlulah menjaga kesihatan bukan sahaja dari segi fizikal dan mental malahan sihat dari sifat-sifat yang dilarang agama Islam.

SUMBER pembangunan tenaga manusia (HRD) merupakan aset negara yang paling berharga sehingga pembangunan HRD itu terus menjadi salah satu teras utama dalam rancangan-rancangan kemajuan negara sejajar dengan hasrat dan aspirasi pembangunan sosioekonomi negara yang kukuh, mantap, berdaya tahan, bersepadu dan seimbang.

Pendidikan adalah elemen berkait rapat bagi melahirkan HRD untuk meraih keuntungan, faedah serta pulangan yang baik menerusi strategi-strategi perancangan dan usaha yang telah, sedang dan akan dilaksanakan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan.

HASRAT KERAJAAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat prihatin kepada golongan pelajar sehingga mengajak generasi pelajar supaya terus melekatkan kepentingan pendidikan itu di atas segala-galanya.

Baginda sering menegaskan bahawa pelajar adalah aset negara yang paling mahal dan kerajaan terus memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan seberapa tinggi tanpa mengira sama ada ia diperoleh di dalam mahupun di luar negeri.

"Kita memerlukan pelajar-pelajar yang berhemah tinggi yang dapat membantukan bukan saja diri mereka sendiri malahan juga masyarakat dan negara," titah Baginda sempena Sambutan Jubli Emas Maktab SOAS, awal tahun ini.

Baginda juga melahirkan harapan agar pelajar-pelajar perlu mampu mempertahankan diri masing-masing daripada gejala negatif malah juga perlu lebih aktif lagi bagi sama-sama membanteras gejala-gejala yang tidak diinginkan sebagai sumbangan kepada negara.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara

Menjana sumber tenaga manusia mahir

OLEH SAMLE HAJI JAIT

(RKN) Ke-8, negara terus menumpukan kepada peningkatan kualiti serta kecakapan sistem pendidikan dan latihan bagi memperbaiki prestasi pelajar dan memastikan kesesuaiannya selaras keperluan negara.

Pelajar-pelajar di semua peringkat pendidikan akan terus diberi galakan untuk mengikuti aliran sains dan matematik, di samping meningkatkan kecakapan penggunaan komputer, kebolehan berkomunikasi, penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

PENINGKATAN PENDIDIKAN

Bagi mencapai matlamat melahirkan masyarakat berpengetahuan di abad ke-21, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan sangat serius melihat perkembangan dan peningkatan pendidikan khususnya dalam kemahiran teknologi infokomunikasi (ICT).

Sudah tepat pada masanya, strategi pembangunan negara memberikan keutamaan terhadap penerapan ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada rakyat dan penduduk sebagai salah satu cara untuk menghadapi dunia antarabangsa yang lebih maju.

Melahirkan rakyat berilmu pengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang sejajar dengan perkembangan dunia masa kini merupakan elemen yang penting dalam menyediakan HRD

selaras dengan keperluan dan kehendak negara berterusan sebagai menghadapi cabaran globalisasi.

PENYERAPAN ICT

Menyadari pelaburan dalam HRD merupakan komitmen negara yang berterusan sebagai mengekalkan tahap kemajuan dan daya saing masyarakat dan negara, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah menyediakan kira-kira \$11.3 juta bagi melaksanakan Projek Komputer Sekolah-sekolah di seluruh negara.

Projek pendidikan dan kemahiran ICT dari peringkat rendah dengan membekalkan komputer lengkap dengan network di semua sekolah rendah kerajaan mulai tahun lepas, sementara peringkat pendidikan menengah pula pendidikan ICT dilaksanakan secara bersistemik sebagai mata pelajaran pilihan yang diselenggarakan dengan keperluan 'life-long learning' agar kemahiran ICT akan menjadi satu budaya pembelajaran dan pengajaran di semua sekolah-sekolah di negara ini.

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN

Pendidikan negara bermula 1 Januari 2002 melibatkan sekolah-sekolah agama di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama ditempatkan satu bumbung dengan Kementerian Pendidikan bertujuan agar pendidikan umum dan pendidikan agama menjadi

lebih seimbang.

Penyatuan juga bermatlamatkan untuk menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti bagi memenuhi tuntutan dan keperluan kehidupan berbangsa dan bernegara termasuk fardu kifayah yang meliputi sosioekonomi dan politik negara.

Negara yang bercita-cita untuk mengecapi kemajuan melalui rakyat yang berpengetahuan dan berkemahiran sekali gus melahirkan HRD yang berhemah tinggi, berbudi luhur dan berakhlak mulia.

Dalam hal ini, pendidikan agama sentiasa diberikan penekanan, terutamanya dalam pendidikan Al-Quran dan amali agama kerana ia merupakan nadi pendidikan agama.

Perkembangan usaha Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai pencetus kebanggaan negara, telah dapat mengangkat statusnya setanding dengan universiti-universiti lain di rantau ini.

Perjanjian-perjanjian Kerjasama Persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani sebelum ini membolehkan para siswa UBD meningkatkan pengajian dan membuat pengkajian yang berkaitan di mana-mana universiti telah dimeterai.

Sementara bidang vokasional seperti Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Sekolah Vokasional Nak-hoda Ragam dan Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah terus berusaha



PRIHATIN ... Penuntut sekolah sentiasa mendapat semangat baru dan galakan tinggi dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



KERAJAAN telah melabur berjuta-juta ringgit bagi memberi pendidikan komputer di sekolah-sekolah seluruh negara.

menambah keupayaannya dengan menawarkan kursus-kursus yang bersesuaian selaras dengan perubahan teknologi masa kini bagi memenuhi keperluan dengan penumpuan kepada kursus-kursus pra-diploma sehingga ke peringkat tinggi.

Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah pula giat menyusun kursus selaras dengan kemajuan masa kini bagi meningkatkan lagi prestasi dan kualiti kejurutawatan dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi dan berkesan kepada rakyat dan penduduk.

Institut Teknologi Brunei juga terus menyediakan latihan bagi pekerja-pekerja peningkatan pengawasan di sektor awam dan swasta dengan kursus-kursus yang ditawarkan termasuk program berasaskan sains, ICT dan program kembar (twinning programme).

UNIT PENDIDIKAN KHAS

Menyadari kepentingan sumbangan setiap kanak-kanak turut me-

nyumbang dalam pembangunan HRD negara, Unit Pendidikan Khas (UPK) telah ditubuhkan bagi menyediakan pendidikan yang bersesuaian kepada setiap kanak-kanak dalam sistem persekolahan inklusif.

Melalui visi ingin melihat setiap pelajar, termasuk pelajar berkeperluan khas dapat mencapai potensi pembelajaran mereka di dalam suasana persekolahan secara inklusif maka bantuan guru-guru khusus yang dilatih telah disediakan.

UPK berhasrat untuk meningkatkan kualiti pendidikan bagi kanak-kanak berkeperluan khas dan semua pelajar dengan persekolahan secara inklusif dengan menganggap semua kanak-kanak itu adalah istimewa dengan masing-masing mempunyai keperluan dan kebolehan yang berbeza.

KESIMPULAN

Melihat kepentingan sumber tenaga manusia menjana kemajuan negara masa kini dan akan datang, usaha-usaha mengembangkan pendidikan kepada semua peringkat golongan ma-

nyarakat di negara ini jelas menjadi agenda utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tidak dapat disangkal perkembangan pendidikan semua peringkat telah berjaya menghasilkan sumber tenaga manusia tempatan yang cemerlang sekalipun lebih banyak lagi cabaran yang bakal ditempuhi dalam era perkembangan ekonomi sejagat dan ledakan penguasaan teknologi baru.

Namun usaha dan hasrat murni itu tidak mungkin akan berjaya tanpa penglibatan pihak individu itu sendiri, golongan ibu bapa serta pihak-pihak swasta bagi menyumbang komitmen dan kerjasama bersepadu.

Justeru golongan pelajar masa kini merupakan sasaran utama dalam merealisasikan impian negara ke arah menyumbang sumber tenaga manusia yang boleh menggerakkan dan memajukan negara.

ICT percepat pertumbuhan ekonomi

OLEH ABU BAKAR
HAJI ABDUL RAHMAN



BAD ke-21 ketika ini banyak membawa kepada cabaran-cabaran yang perlu dihadapi, ditempuhi dan diatasi.

Justeru dengan cabaran-cabaran itu kita perlu meraih manfaat yang ter-cetus darinya.

Salah satu cabaran yang amat ketara untuk ditangani ialah kesan ledakan kemajuan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terhadap kehidupan khususnya di era globalisasi di mana manusia sering dikejar oleh masa.

Tercetusnya kemajuan dalam bidang ICT telah banyak mengubah keadaan dan sikap manusia sama ada dari segi budaya kerja, kepantasan perhubungan, belajar mahupun dalam mengendalikan perniagaan, selain membuka peluang pasaran dan penyampaian global yang tidak terbatas, di samping internet dan laman web sudah mula menggantikan cara tradisi dan transaksi jual beli.

Setentunya abad ini telah membawa bersamanya keperluan untuk saling bergantung di antara satu sama lain sama ada dari sudut kepakaran, teknologi dan kapital.

Sesebuah negara tidak akan dapat bergantung secara bersendirian atau menumpukan perhatiannya untuk memajukan sesuatu industri secara efisien dan berterusan hanya semata-mata bagi memenuhi pasaran dalam negeri.

Justeru sebagai salah satu elemen penting dalam bidang pengurusan perkhidmatan, ICT yang kini menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat moden menuntut kita untuk menguasainya iaitu celik komputer dan celik teknologi maklumat agar setiap golongan masyarakat di negara ini dapat menggunakan IT dengan sebaiknya.

Memandangkan pentingnya bidang tersebut kepada negara ini khususnya pencapaian kemajuan dalam pelbagai bidang, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjadikannya sebagai salah satu keutamaan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (2001-2005).

Sebagai langkah ke arah penubuhan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan IT yang moden dan canggih kerajaan telah memperuntukan

B\$526 juta iaitu 7.2 peratus daripada jumlah peruntukan kemajuan bagi melaksanakan program dan projek yang berkaitan dengan IT.

INFRASTRUKTUR

Dalam tempoh lima tahun mendatang tentunya dengan peruntukan tersebut kerajaan akan mempertingkatkan infrastruktur kemudahan khususnya sistem telekomunikasi yang penggunaan meluas IT dengan menyediakan kemudahan latihan dan pembelajaran dalam bidang berkenaan bagi mewujudkan sumber manusia yang terlatih dan seterusnya membuka ruang kepada pihak swasta untuk lebih inovatif dan kompetitif.

MAJLIS BIT

Terbentuknya Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (BIT) di negara ini antara lain adalah untuk memajukan pengetahuan ke arah perubahan teknologi kerajaan yang menuju kepada suatu pentadbiran yang lebih rapi dalam memenuhi kehendak rakyat serta memperbaiki perniagaan negara, di samping sebagai peneraju kepada penyediaan pembangunan yang strategik dalam menyebarkan dunia IT untuk dieksplotasi potensi sepenuhnya.

Dengan pembentukan tersebut merupakan langkah ke arah penyediaan kemudahan dan infrastruktur bagi mewujudkan e-kerajaan yang dijangka akan dapat berjalan dengan lancar dan efisien.

Oleh itu dalam meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara, kerajaan sangat komited untuk menyediakan apa jua informasi yang sesuai dengan Perkhidmatan On Line.

Dalam usaha meningkatkan produktiviti dan keberkesanan di semua peringkat pentadbiran, kerajaan telah menyediakan perkhidmatan komputer di kampung-kampung dan masjid-masjid sebagai kemudahan yang membolehkan urusan di antara kerajaan dan orang ramai melalui internet atau laman web.

Sejarah awal penggunaan IT di sektor kerajaan bermula sejak tahun 70-an di beberapa buah agensi kerajaan terutama bagi mengambil alih sistem manual dalam melaksanakan dan mengurus kerja-kerja seperti banci penduduk, perangkaan, pembayaran gaji dan pengeluaran bil-bil tuntutan.

Namun demikian dalam memenuhi kehendak masa dan keperluan pihak swasta di negara ini juga digalakkan untuk lebih berinovasi dalam meningkatkan laluan bagi perkhidmatan internet, di mana akhir-akhir ini beberapa buah syarikat tempatan bersama rakan-rakan kongsi mereka di luar negara telah membuat perjanjian dengan kerajaan bagi mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan khususnya di bidang IT.

Sesuai dengan ledakan ICT pelbagai pihak di negara ini berlumba-lumba mengambil kesempatan untuk menawarkan khidmat mereka khususnya melalui internet.

Sebahagian perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah urusan jual beli, iklan, sistem tempahan penerbangan melalui internet yang diperkenalkan oleh Penerbangan Diraja Brunei (RBA), perkhidmatan BruNet seperti E-Speed dan Netkad Pra Bayar yang ditawarkan



JIKA LEBIH MASA ... Para penumpang dalam mahupun luar negara yang akan meninggalkan negara ini boleh melayari internet jika mempunyai lebih masa apabila sebuah syarikat iaitu Cyber Dott Net diperkenalkan di Ruang Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Pembukaan rasmi syarikat tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Perhubungan.

oleh Jabatan Telekom Brunei dan Simpurnet yang diperkenalkan oleh DST Sdn. Bhd. adalah akses bagi perkhidmatan melayari internet, di samping munculnya pusat-pusat siber menawarkan khidmat yang sama dengan harga yang berpatutan.

BruNet

Sejak perkhidmatan BruNet diperkenalkan di negara ini pada tahun 1995 telah menampakkan kesan positif kepada pembangunan negara dan cara hidup rakyat dan penduduk di negara ini.

Menurut sumber melalui perkembangan dalam RKN Ke-7 mencatatkan pengguna yang melayari internet melalui perkhidmatan BruNet telah meningkat dari setahun ke setahun dari hanya seramai 819 orang pada Ogos 1995 kepada 13,860 pada tahun 1999.

Sebagai contoh kepada kejayaan dan kemajuan yang dicapai hasil ledakan ICT tersebut pelbagai sistem elektronik digital diperkenalkan umpamanya dalam sektor kerajaan telah terbit pelbagai laman web rasmi termasuk Laman Web PELITA BRUNEI yang boleh dilayari untuk mengetahui serta mendapatkan maklumat dengan mudah dan cepat.

KPP

Dengan memperkenalkan pelbagai perkhidmatan elektronik itu Negara Brunei Darussalam kini melangkah setapak lagi dalam penggunaan IT khususnya di bidang teknologi 'smart card' dan

biometrik apabila menjadi negara pertama di dunia yang menggunakan kemudahan seumpama itu untuk menghasilkan Kad Pengenalan Pintar (KPP) bagi menggantikan kad pengenalan yang sedia ada yang telah bermula sejak bulan Ogos tahun 2000.

Kad pengenalan yang baru diperkenalkan itu merupakan kad pelbagai guna yang menyimpan butir peribadi pemegangnya.

KPP juga dihasratkan dapat diperluaskan penggunaannya seperti lesen memandu, kad kesihatan serta bagi kegunaan pemeriksaan keluar masuk di pos-pos kawalan imigresen khusus bagi warganegara dan penduduk tetap dengan menggunakan konsep 'autogate'.

E-PERNIAGAAN

Sementara itu salah sebuah sektor swasta yang turut melangkah dalam memperkenalkan e-perniagaan mereka di negara ini ialah Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) apabila memperkenalkan perkhidmatan Eze-Net Islamic Bank yang dilancarkan tahun lalu.

Langkah tersebut dibuat setelah pihak bank berkenaan menyedari mengenai perkembangan aktiviti e-perbankan yang menyebabkan operasi strategik dan risiko undang-undang yang signifikan.

Dalam pada itu sebuah syarikat tempatan telah mengorak langkah ke hadapan bagi menyahut

aspirasi kerajaan dalam menerajui infrastruktur maklumat dan perhubungan dalam kelas dunia apabila sebuah Syarikat Syabas Technologies telah bersetuju untuk menandatangani perjanjian usaha sama dengan IBM.

Dengan mengamalkan konsep langit terbuka sekurang-kurangnya projek seumpama itu akan dapat meningkatkan perkhidmatan teknologi maklumat di negara ini khususnya bagi kedua-dua buah syarikat selaku pengeluar tempatan, di samping mempunyai ramai tenaga kerja dipelopori oleh anak-anak tempatan.

Setentunya dengan perkembangan yang pesat ini dan ditambah lagi dengan peralatan komunikasi yang canggih akan membolehkan perhubungan setempat dan antarabangsa menjadi lebih berkesan.

Sementara itu melalui penghayatan dan penggunaan ICT sepenuhnya akan membawa kemajuan terutama di bidang e-kerajaan, e-industri, e-dagang, e-ekonomi, e-pendidikan dan sebagainya.

Oleh itu teretusnya ICT di era baru ini dijangka akan dapat membuka peluang dan harapan baru dalam kegiatan ekonomi serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan peluang-peluang pekerjaan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah dan Pengarah Telekom, Awang Buntar giat memerhatikan salah satu produk baru yang diperkenalkan oleh Jabatan Telekom Brunei iaitu Netkad Pra Bayar yang merupakan kemudahan dalam membuat perhubungan.

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



*Memimpin Rakyat
Kekal Bahagia*